

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 15

Rabu

29 Mac 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016	(Halaman 25)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 99)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 29 Mac 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan berhubung isu "Valet Doa" yang heboh diperkatakan di media sosial dan langkah yang akan diambil bagi mengatasi isu-isu yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan doa ini, kita baru sahaja berdoa tadi sebentar dalam Dewan. Cumanya persoalan yang timbul di sini ialah pokoknya ialah valet doa ini. Doa yang diupah dan kemudian dibayar dan ada janji-janji tertentu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memberikan peringatan kepada umat Islam di negara ini agar sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan individu atau pertubuhan yang menawarkan perkhidmatan valet doa ataupun servis doa di Kota Suci Mekah dengan harga tertentu, termasuk harga diskaun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Mufti Negeri-negeri telah mengambil inisiatif serta pendekatan proaktif dengan memberikan nasihat dan irsyad hukum berkaitan larangan mempromosikan perkhidmatan valet doa ini. Antara Jabatan Mufti yang bertindak memberikan nasihat ialah Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan dan juga Pahang.

Berdasarkan kepada tempat tinggal individu yang menjalankan perkhidmatan valet doa ini di negeri Selangor, maka Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) dan Jabatan Mufti Selangor telah memanggil individu tersebut dan menasihatinya supaya memberhentikan perkhidmatan valet doa ini kerana ia boleh menimbulkan impak yang negatif kepada kesucian agama Islam dan boleh mengundang salah faham serta kerosakan akidah. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menjalankan pemantauan ke atas akaun laman sosial *Facebook* yang menjalankan aktiviti perkhidmatan valet doa tersebut.

JAKIM juga menyokong apa jua tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam membasmi aktiviti yang boleh menjejaskan kesucian agama

Islam. Kerajaan juga menyarankan agar umat Islam memberikan maklumat kepada JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri sekiranya timbul sebarang keraguan atau kemusykilan terhadap sesuatu isu seperti ini demi menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan umat Islam di negara ini. Terima kasih.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Yang Berhormat Menteri, kita pun tahu bagaimana obsesnya rakyat negara kita dengan peranan *social media* yang mudah disalahgunakan ini. Justeru itu, kita juga melihat kepada kenyataan Hasrin ini yang mengatakan bahawa mufti tidak mengeluarkan satu garis panduan bahawa ia adalah haram. Maka, tidak salah dia meneruskan perkara ini. Jadi, apakah tindakan pihak kementerian bagi memastikan perkara ini dapat dikawal kerana beliau menyamakan perkara ini dengan badal haji. Terima kasih Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan yang telah menanyakan soalan iaitu Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, berkenaan dengan satu berkaitan tindakan tadi, telah saya sebutkan bahawa Majlis Agama Islam Selangor, oleh kerana alamat pihak penganjur ini di negeri Selangor, JAIS telah memanggil dan juga termasuk mufti dan juga mufti telah memperjelaskan bahawa dalam menjaga kesucian Islam dan kesucian amalan-amalan di dalam Islam, maka perkara ini tidak wajar dilakukan.

Cumanya sebagaimana Yang Berhormat Pasir Gudang sebutkan tadi bahawa dia menyatakan bahawa tidak ada fatwa ataupun tidak ada undang-undang yang menyebut kata tidak boleh dilakukan, maka tidak semestinya ia menjadi peraturan yang membolehkan. Akan tetapi apabila telah pun disebut oleh mufti, tindakan mengingkari perintah mufti boleh diambil apabila sesuatu arahan ataupun fatwa pihak mufti telah pun dikeluarkan, maka dia boleh dikaitkan dengan mengingkari arahan tersebut.

Dalam masa yang sama, saya ingin menjelaskan bahawa dia kena memahami bahawa ada unsur-unsur yang amat tidak sihat di dalam iklan doa tersebut. Di antaranya ialah dengan janji bayaran RM250 ke RM5,000 dan ia bergantung kepada tempat-tempat doa tersebut dan ada diskaun. Sebenarnya memang dalam ajaran Islam, kita selalu baca Al-Fatihah pun [*Membaca beberapa potong ayat surah Al-Fatihah*], "*Tuhan yang kita sembah dan kita meminta pertolongan*", termasuk doanya di situ.

Jadi, dalam konteks maksud yang patut kita fahami bahawa yang menentukan, kita minta tolong dan penentuannya daripada Allah SWT sama ada doa itu makbulkah atau tidak, terpulang kepada Tuhan. Akan tetapi iklan yang ditawarkan itu seolah-olah memberikan gambaran oleh kerana jumlah yang pelbagai tingkatan berdasarkan tempat-tempat doa, di Multazam lain, di Hajarul Aswad ganjaran pahala lain, di belakang Makam Nabi Ibrahim lain dan sebagainya. Jadi, itu ada tingkatan bayaran tersebut.

Jadi, balik kepada konteks tadi ialah pihak penganjur tadi harus memahami bahawa bukan salah untuk orang lain tolong berdoa kepada kita tetapi yang salahnya ialah dia telah menetapkan harga dan juga bayaran. Ini kalau ambil valet doa ini, dia lebih kurang macam kita pergi *parking* sahaja, yang jaga orang *parking valet* ini ialah kita bayar kepada dia dengan

certain amount, jumlah tertentu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan dia *parking* kereta kita, selesai.

■1010

Akan tetapi doa ini dia tidak ditentukan kemakbulan. Balik kepada soal badal haji, badal haji ini adalah merupakan sesuatu yang disyariatkan boleh kita badal haji dan tak disebut bahawa haji yang dibadalkan itu haji mabrur, haji yang diterima. Maksudnya ialah menggantikan haji yang tak dibuat. Maka doa juga boleh tetapi nampak gambaran di sini secara jelas bahawa semacam doa itu doa yang akan tetap dimakbulkan. Sedangkan Tuhan kata... [Berucap dalam bahasa Arab] "Doa kat Aku, Aku bagi." Akan tetapi bagi itu sama ada cepat, lambat ataupun ditangguhkan sampai Akhirat. Itu urusan daripada Allah, bukan pembaca doa tersebut.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Jadi memang sekarang ini sudah muncul gejala-gejala seperti begini kerana kebanyakan yang lakukan ini sebagai satu langkah *fast track* mereka dengan izin, untuk ke syurga kononnya. Maka lakulah perniagaan-perniagaan sedemikian rupa. Begitu juga seperti mana kita lihat dulu, seperti mana ajaran Ayah Pin di Besut dulu. Ini pun lebih kurang sama kerana jalannya ialah jalan pintas untuk ke syurga.

Jadi pertanyaan saya ialah, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian ataupun pihak yang berwajib di dalam membendung gejala seperti begini terutamanya untuk kita nak menjaga imej Islam yang dicemarkan. Seolah-olah Islam ini boleh dibeli dan diniagakan ataupun seolah-olah syurga ini hanyalah untuk orang-orang yang berduit sahaja sedangkan orang tidak berduit, maka mereka tidak ada peluang untuk ke syurga? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini adalah kita melihat doa ini macam dipermainkan dengan secara mudah oleh mereka yang ingin mengaut keuntungan. Apatah lagi dalam masyarakat kita, kalau tadi Yang Berhormat Bukit Gantang kata Ayah Pin yang mengaku kerajaan Tuhan di langit pun ada pengikut. Apatah lagi doa-doa ini dah sememangnya ada sandaran-sandaran bahawa Nabi Muhammad SAW sendiri pun pernah sewaktu Sayidina Umar ingin melaksanakan ibadat di Mekah. Nabi pesankan kepada Sayidina Umar untuk berdoa dan jangan lupa kami yang berada di sini dengan doa kebaikan.

Jadi dalam erti kata yang dapat kita fahami, doa juga boleh untuk orang lain tumpang berdoa kepada kita dan sebagainya, tetapi balik kepada tadi ini, kesan daripada masyarakat kita yang sudah sewenang-wenang dan semudahnya untuk memainkan agama sehingga pengakuan menjadi Tuhan, pengakuan menjadi Rasul, pengakuan menjadi Imam Mahdi dan sebagainya. Hatta dalam konteks doa ini diinovasi sehingga sampai boleh ada bayaran-bayaran yang berperingkat dan sebagainya, pihak kerajaan dan juga termasuk pihak-pihak berwajib yang berada di negeri, Majlis Agama dan Jabatan Agama termasuk Jabatan Mufti,

JAKIM dan juga termasuk agensi-agensi agama, sentiasa memberikan tumpuan, penekanan selain daripada mempertingkatkan akidah, selain daripada pengajaran agama termasuk juga ialah memberikan penjelasan-penjelasan dan membetulkan keadaan.

Sebagaimana yang saya sebutkan di dalam maklumat awal tadi, jawapan saya awal tadi kepada Yang Berhormat Pasir Gudang, saya katakan bahawa berapa orang mufti telah pun menulis dan memberikan penjelasan *detail* tentang doa dan juga tentang hal yang berkaitan dengan kesucian Islam. Jadi, ini usaha yang berterusan Yang Berhormat Bukit Gantang untuk mempertingkatkan kefahaman masyarakat umat Islam dalam konteks agama Islam itu sendiri. Terima kasih.

2. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa perkhidmatan Uber dan GrabCar dibenarkan tetapi "Deigo Ride" tidak dibenarkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua.

Pihak Kementerian Pengangkutan telah tidak membenarkan Deigo Ride beroperasi adalah kerana faktor keselamatan penunggang dan juga pembonceng. Mengikut statistik 2016, lebih kurang 62 peratus daripada 7,152 jiwa yang terkorban di atas jalan raya adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Mengikut analisa yang dijalankan oleh MIROS, risiko pengguna motosikal untuk terlibat dalam kemalangan adalah tinggi dan yang mengakibatkan cedera parah adalah 42.5 kali lebih tinggi daripada bas dan 16 kali lebih tinggi daripada kereta.

Penggunaan Deigo Ride akan mengakibatkan lebih ramai pengguna jalan raya terdedah kepada risiko kemalangan maut dan kecederaan parah. Oleh itu, atas-atas faktor tersebut, keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal, maka Kementerian Pengangkutan telah memutuskan untuk tidak membenarkan Deigo Ride beroperasi di jalan raya. Terima kasih.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan sebagai soalan tambahan kepada Menteri iaitu Deigo Ride ini mungkin boleh dipakai dalam suasana *traffic jammed*. Saya kira peratus yang disebut itu, adakah ia bermakna di bandar ataupun di kawasan yang lain? Sebab itu bagi saya, dalam suasana ekonomi yang ada hari ini Tuan Yang di-Pertua, ia akan membuka ruang kepada mereka yang ingin menambah pendapatan menggunakan Deigo Ride khusus dalam suasana bandar ataupun pekan yang sibuk seperti Kuala Lumpur untuk dia sampai ke destinasi dia.

Kedua, Deigo Ride telah diberikan insurans. Maka saya kira di sana tidak timbul isu bukan sekadar keselamatan tetapi mereka di-*insured*-kan. Seterusnya juga berkenaan dengan daripada isu Deigo Ride, saya difahamkan kerajaan akan memperkenalkan juga akta untuk *legalize*-kan Uber dan juga GrabCar. So, bilakah itu akan dilakukan sebab sehingga satu undang-undang yang lebih khusus diperkenalkan, saya berasa amat simpati kepada pemandu-pemandu teksi biasa yang terpaksa *compete* dengan Uber dan GrabCar yang kita tengok amat

membebankan pemandu-pemandu teksi? Saya minta satu *exit plan* bagi kerajaan dan sehingga satu undang-undang telah ditetapkan barulah kita bagi Uber dan GrabCar ini berjalan. Kalau tidak, kita merasa kita memberikan satu ketidakadilan kepada pemandu-pemandu teksi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan. Pertama ialah mengenai kemudahan kepada pengguna-pengguna pengangkutan awam dan kerajaan seperti yang dimaklumkan, kita telah pada dasarnya telah membenarkan perkhidmatan *e-hailing* yang berjenama seperti GrabCar, Uber untuk diguna pakai. Ini juga memberi opsyen tambahan kepada industri pengangkutan awam khususnya di Kuala Lumpur, kita telah ada Monorel, kita telah ada LRT, kita ada Komuter, MRT, termasuk ERL. Jadi opsyen pilihan kepada pengguna pengangkutan awam ini sangat meluas. Maka sebab itu kita tidak mahu *extend*, nak *extend* lagi kepada motosikal ini kerana kita pun nak membangunkan sebuah kota yang *sustainable* dan *environmental friendly*.

Seterusnya mengenai bila Uber ataupun *e-hailing service* ini nak dilaksanakan, buat masa ini SPAD sedang merumuskan dan saya dimaklumkan mungkin dalam sidang Dewan kali ini akan dibentangkan di Parlimen. Terima kasih.

■1020

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ramai di antara kita yang pernah ke bandar-bandar metropolitan seperti Jakarta, Bangkok dan juga Manila. Di bandar-bandar seperti ini, kerajaan mereka membenarkan penggunaan teksi motosikal ataupun dipanggil kalau tiga tayar dipanggil tut-tut sebagai pengangkutan awam. Soalan saya ialah kenapakah Malaysia tidak dibenarkan menggunakan kaedah ini. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kota-kota negara jiran yang mungkin landskap politik ataupun landskap kota-kota tersebut tidak sama dengan Kuala Lumpur. Kerajaan kita telah melaksanakan transformasi termasuk transformasi pengangkutan awam. Seperti saya sebutkan tadi kita telah mewujudkan banyak pilihan sistem pengangkutan rel yang lebih selamat seperti monorel, LRT, komuter dan MRT.

Sistem-sistem ini di kota-kota ini tidak- kata orang itu sebanyak mana yang kita sediakan. Seterusnya kita pun mahu menuju ke negara maju, kita mahu *emulate* ataupun mengikut sistem negara maju seperti Singapura, Tokyo, London, New York. Di negara-negara ini tidak ada perkhidmatan teksi motosikal ini. Jadi, kita mahu menjadikan negara kita mencontohi kota-kota maju supaya suasana kota kita ini lebih nyaman, lebih *environmental friendly* dan lebih canggih.

Maka sebab itu landskap kota-kota itu tidak sama dan kita tidak mahu kota Kuala Lumpur ini mengikut kota-kota yang belum ditransformasikan. Kita mahu menjadikan kota Kuala Lumpur ini sama setaraf dengan kota-kota yang telah maju. Terima kasih.

3. Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan secara terperinci berapakah jumlah rizab tanah Melayu yang masih tinggal.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Urusan tanah rizab Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri seperti mana yang disenaraikan dalam Butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan.

Walau bagaimanapun, peranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, seperti yang termaktub dalam seksyen 8 Kanun Tanah Negara ialah memberi nasihat dan menyelaras isu yang berhubung dengan tanah. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil inisiatif untuk menyelaras dan membangunkan pangkalan data tanah rizab Melayu dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dengan Pejabat Tanah Galian negeri-negeri berkaitan dan jumlah tanah rizab Melayu yang dilaporkan oleh negeri-negeri dalam mesyuarat tersebut sehingga Oktober 2016 dianggarkan ialah seluas 4 juta hektar.

Walau bagaimanapun, maklumat terperinci berhubung keluasan tanah rizab Melayu bagi negeri-negeri, lebih sesuai dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Okeylah, baiklah oleh kerana saya difahamkan memanglah diakui tanah ini di bawah *state authority*, walau bagaimanapun difahamkan kita tahu ada banyak tanah-tanah rizab Melayu yang tidak dapat dibangunkan oleh pemiliknya. Oleh itu ada tidak usaha kerajaan untuk membantu orang Melayu yang tidak mampu membangunkan tanah mereka. Boleh tidak kerajaan bantu mereka, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Saya fikir sebelum kerajaan boleh bantu ialah kita hendak lihat dari segi kebolehan ataupun potensi sesuatu tanah status rizab Melayu boleh dibangunkan atau tidak. Saya fikir kalau kita kata tidak boleh dibangunkan kerana nilai harganya yang rendah telah pun menjadi mitos.

Dalam keadaan sekarang semua tanah mudah dibangunkan sama ada rizab Melayu ataupun tidak. Bermakna ada potensi bergantung kepada keadaan tanah, bergantung kepada keluasan, bergantung kepada penduduk dan sebagainya selain daripada sama ada sesuatu tanah itu ada konflik dari segi tuntutan, tuntutan bertindih dan sebagainya, faraid, hukum faraid dan sebagainya.

Saya fikir tentang bantuan ataupun usaha inisiatif yang kerajaan sediakan untuk membangunkan tanah-tanah rizab Melayu sentiasa terbuka. Contoh yang paling hampir yang paling dekat dengan kita adalah tanah atau tanah-tanah, lot-lot tanah yang sangat kompleks di Kampung Baru, itu contoh. Kemudian kalau tanah-tanah kecil bergantunglah, tengok jenis pembangunan yang boleh dibangunkan dan saya di sini memberi jaminan bahawa memang

kerajaan sentiasa terbuka dalam isu ini untuk membangunkan tanah-tanah tersebut untuk dibangunkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Oleh kerana Yang Berhormat Tanah Merah pantun, saya hendak mulakan dengan pantun.

*“Pakatan Harapan gabung bersama,
Mohon jawab soalan saya”.*

Tuan Yang di-Pertua, antara wasiat Raja-raja Melayu semasa pembentukan Perlembagaan Persekutuan, Raja-raja waktu itu telah meletakkan nisbah 50 peratus tanah rizab Melayu. Saya percaya parti Yang Berhormat juga melaungkan slogan, *“Hidup Melayu”*. Sudah pasti tanah Melayu ini penting.

Saya hendak tanya tadi saya dengar 4 juta hektar. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada satu kajian pada tahun 2008 yang dibuat oleh UiTM sendiri yang meletakkan satu analisa bahawa tanah rizab Melayu ini hanya tinggal 12 peratus sahaja. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, apakah dari segi dasar ataupun polisi, tadi Yang Berhormat sebut bahawa ianya berkaitan dengan negeri.

Akan tetapi adakah suatu dasar kerajaan di peringkat Persekutuan untuk memantau negeri-negeri yang gagal untuk menggantikan semula tanah rizab Melayu kerana antara alasan kehilangan tanah rizab Melayu adalah kerana tanah itu dibatalkan status untuk tujuan pembangunan dan penggantian tanah tersebut tidak dilakukan dengan serta-merta. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Soalan itu sebenarnya bagus sebab saya lebih suka menjawab soalan yang pada saya penting pada masa ini. Di peringkat kementerian telah pun ditubuhkan satu jawatankuasa di mana kementerian sayalah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun ditubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Data Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia. Ini peringkat awallah dan banyak peringkat yang kita akan laksanakan.

Pertama, sudah tentulah untuk mengurus data. Ini di antara objektif utama ialah untuk mengurus data tentang tanah rizab Melayu seluruh negara pada masa ini. Itu peringkat pertama dan peringkat kedua kita hendak tengok sejauh mana potensinya dan pada masa sama kita hendak pantau dari segi keluasan tanah rizab Melayu yang dibangunkan kemudian ditukar status dan diganti semula.

Di antara yang paling menarik ialah pandangan beberapa pihak boleh dikatakan daripada semua negeri tanah rizab Melayu yang ditukar milik ditukar statusnya pada rizab Melayu kepada bukan rizab Melayu hendaklah diganti dengan serta-merta. Itu di antara keputusan ataupun saranan yang dibuat oleh beberapa pandangan dalam jawatankuasa tersebut.

■1030

Walaupun sebelum merdeka, tanah rizab Melayu tidak perlu diganti sekiranya dibatalkan, ini merujuk kepada data TRM ataupun tanah rizab Melayu selepas merdeka sehingga kini. Data meningkat, dari segi jumlah keluasan, saya nak beritahu lebih kurang secara umumnya boleh dikatakan meningkat tahun 2008, ini keseluruhan, terperinci saya tidak ada, boleh dikatakan meningkat lebih kurang 10 peratus.

Average, hitung panjang empat juta hektar seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Maknanya, sekurang-kurangnya jawatankuasa tersebut telah pun ditubuhkan di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar seperti mana yang telah pun saya fikir diputuskan oleh Majlis Tanah Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, *please one*, tanah rizab Melayu.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Boleh.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, satu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, sila Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, *for the second time* dia merayu, saya bagilah dia.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya kurang jelas dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Bukit Katil mengatakan bahawa satu kajian daripada UiTM mengatakan bahawa tanah rizab itu telah tinggal 12 peratus, tetapi Timbalan Menteri mengatakan ia meningkat. Tetapi jelas di dalam laporan-laporan, bahawa kerajaan-kerajaan negeri gagal mengganti balik tanah rizab yang telah ditukar statusnya. Jadi saya hendak bertanya, *non-compliance* apabila negeri-negeri tidak mengikut, tidak mentaati undang-undang yang telah ditetapkan ini, apakah Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang untuk *take to task*, maknanya mengenakan satu tindakan ke atas kerajaan negeri.

Saya tahu pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah, tetapi Perlembagaan kita adalah *supreme*. Adalah paling teratas di dalam negara kita. Jadi apakah perkara ini akan terus menerus berlaku tanpa satu tindakan yang tuntas daripada Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Tentang kajian UiTM tu saya tidak boleh hendak bincang sebab saya pun tidak pasti mereka dapat data daripada mana, kan? Walaupun UTM. Tetapi saya nak beritahu *is* meningkat ya, meningkat. Sekurang-kurangnya kita ada lagi empat juta hektar lebih kurang. Walaupun Yang Berhormat Kota Raja menyebut bahawa Perlembagaan Persekutuan *supreme*, tetapi dalam soal-soal hak negeri, seperti mana yang kita sedia maklum, tanah, air, sumber hutan, itu adalah usaha negeri. Sama tadi soal agama yang tidak ada *supreme* di situ, itu adalah hak negeri.

Cuma di peringkat Pusat, kita sedia ada Majlis Tanah Negara dan di situlah kita bincang di mana yang boleh dinasihati, boleh berkongsi maklumat, berkongsi pengalaman, antara negeri-negeri dan sebagainya dalam usaha untuk mengekalkan atau meningkatkan keluasan tanah rizab Melayu itu menjadi satu perkara yang saya fikir ataupun kerap dibincangkan.

Sebab itulah saya sebut tadi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun mengorak langkah dengan menumpukan Jawatankuasa Pengurusan Data Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia (PEMANDU), bagi mengumpulkan data yang tepat supaya data ini dapat dibincangkan di peringkat Majlis Tanah Negara dan menjadi satu rujukan penting untuk dikongsi maklumat tersebut dengan penguasa-penguasa negeri bagi tujuan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan secara terperinci projek-projek bekalan air bersih termasuk yang sedang berjalan atau dalam perancangan di pulau-pulau seluruh Sabah. Nyatakan nama projek dan peruntukan yang diberikan serta tarikh projek siap.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Selamat pagi juga Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Untuk makluman yang bertanya, kementerian pada masa kini sedang melaksanakan dua buah projek bekalan air luar bandar iaitu, satu projek di Pulau Banggi, Parlimen Kudat dan satu lagi di Pulau Lihak Lihak Parlimen Semporna. Projek ini sedang dalam pembinaan di Pulau Banggi adalah projek penambah baikkan ke atas muka sauk loji, Pulau Banggi Kudat, Sabah, dengan nilai kontrak berjumlah RM37.73 juta. Pelaksanaan projek ini dijangka siap pada bulan Mei 2017. Manakala di Pulau Lihak Lihak adalah projek bekalan air Pulau Lihak Lihak Semporna Sabah Zon 12C yang berjumlah RM31.79 juta. Pelaksanaan projek ini dijangka siap pada bulan Julai tahun 2017 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu juga, dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah RM60 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan satu lagi projek bekalan air luar bandar di Daerah Sandakan iaitu projek bekalan air luar bandar di Pulau Timbang yang merangkumi beberapa kawasan perkampungan yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa air negeri dan projek ini telah disenaraikan untuk dilaksanakan pada tahun 2017 ini. Status terkini pelaksanaan projek adalah di dalam proses lantikan perunding dan juruukur tanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Pulau Sepanggar adalah satu pulau yang paling cantik dan mempunyai potensi yang paling besar untuk pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, pulau ini hanya 10 sahaja dari ibu kota Kota Kinabalu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Berapa *horse power*? Yang Berhormat, 10 menggunakan berapa *horse power* enjin?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Itu hanya pakai 15 *horse power*, 75 *horse power*, saya sudah *try*. Kalau 200 mungkin lima minit sampai sudah dari Kota Kinabalu.

Pulau ini paling cantik dengan potensi yang paling besar untuk pelancongan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, 54 tahun sampai hari ini masih lagi belum ada bekalan air yang bersih dan juga elektrik.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah, bolehkah bekalan air dan elektrik ke pulau ini dicepatkan? Nombor satu. Kedua, jika boleh, berapa lama diperlukan untuk sambungkan bekalan air dan elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, pulau ini ada lebih kurang 650 orang tetapi ada berapa *resort* sudah ada di sana, tetapi tiada air dan elektrik. Sekian, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Saya sudah jangka pun di Pulau Sepanggar, sebab banyak telah dibincang di antara Yang Berhormat Kota Kinabalu semasa jawapan penggulungan kementerian ini minggu lepas, pada 21 hari bulan. Jadi ada dalam *Hansard*, banyak maklumat juga telah dibagi oleh Menteri pada masa penggulungan itu dan permohonan daripada Yang Berhormat tadi, kementerian sudah ambil perhatian dan kita mungkin dengan secara prosedur yang biasa tertakluk kepada senarai yang dikemukakan daripada pihak dari kerajaan negeri kepada kementerian ataupun *Economic Planning Unit* di Jabatan Perdana Menteri untuk projek masa hadapan. Untuk projek ini, mungkin kita boleh masukkan untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey banyak terima kasihlah ke atas jawapan. Banyak terima kasih. Saya hanya minta Menteri ambil perhatian, pulau sana penduduk masih minum air perigi.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, ini soalan undang-undang Yang Berhormat. Salah peraturan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Diharaplah pihak Menteri, ambil *action* secepat mungkin. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ini wakil-wakil rakyat dari pulau-pulau Labuan ya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, ini kawasan saya.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Tidak apa Yang Berhormat, saya dah terpandang Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini kawasan saya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Dia seluruh Sabah Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Di Pulau Labuan, bekalan air daripada Sabah, 70 peratus dan juga paip-paip utama adalah dikendalikan ataupun di bawah Kementerian KeTTHA.

■1040

Akan tetapi sebenarnya banyak juga di kawasan perkampungan di Labuan, yang masih memerlukan penambahan paip-paip untuk di-*distribution channel* ini, untuk *distribution* paip supaya rumah-rumah dapat didirikan di kawasan-kawasan perkampungan. Sebenarnya, buat masa ini sudah adapun rumah yang sudah dibina tetapi tidak mempunyai air disebabkan paip utama itu tidak sampai ke kawasan itu. Begitu juga ada beberapa pulau-pulau di Labuan, pulau yang kita bangunkan untuk pelancongan tetapi tidak mempunyai bekalan air.

Jadi, bolehkah Kementerian KKLW bersiap sedia untuk membantu Labuan mengadakan infrastruktur-infrastruktur tersebut. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Labuan, sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat, KKLW sentiasa prihatin kepada keperluan prasarana ataupun perkhidmatan yang seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi, saya ingat Pulau Labuan ini dalam kawasan wilayah. Kawasan wilayah mungkin ada peraturan yang lain yang akan boleh merancang dan bertindak untuk mengatasi masalah bekalan air di pulau-pulau di kawasan Labuan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua. *It is* tidak adil kalau saya tidak memperjelaskan fasal sekolah Petagas — sebab itu kawasan saya, memperbetulkan keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak ada *standing* untuk menjelaskan, Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, *because* Yang Berhormat Menteri tidak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat mahu tanya soalan, saya mungkin bagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak, saya bantu kepada Yang Berhormat Menteri, bantu kepada Yang Berhormat Menteri. [*Dewan riuh*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You want to ask the question to the Minister?*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kawasan air Tuan Yang di-Pertua, kawasan / sudah ada tadahan kami sudah buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat nak tanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya memohon untuk menyoal soalan. Soalan yang berkenaan dengan Pulau Sepanggar ini. Pulau Sepanggar dalam kawasan saya sudah tiga *term*. Kita sudah sediakan graviti, dia pernah satu kali pergi yang dua bulan yang lalu, Tuan Yang di-Pertua. Kita ada air, kita ada solar panel untuk penduduk di sana dan rumah-rumah sudah pun diperbaiki, ini penjelasan. Jangan bilang tiada bekalan air di Pulau Gaya untuk membantu. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya? Itu soalan saya. [*Dewan riuh*].

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang sebenarnya banyak tempat-tempat yang mungkin dituduh atau dikatakan belum ada prasarana ini seperti bekalan air, sudah adapun. Cuma ia belum lengkap selengkapnyanya. Banyak juga masalah-masalah ini sebenarnya bertahun-tahun sudah dikemukakan, dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan ataupun Barisan Nasional.

Jadi, kalau adapun yang sudah ada memang usaha daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah usahawan muda yang telah berjaya selepas Dana Usahawan Muda (YEF) diwujudkan sehingga sekarang mengikut negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negara ku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan milik kerajaan SME Bank, telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bagi membantu usahawan PKS sehingga Mac 2017 secara keseluruhan bagi semua negeri di Malaysia. SME Bank telah meluluskan sebanyak RM26 bilion pembiayaan bagi membantu lebih daripada 15,200 usahawan PKS dengan purata kelulusan tahunan sebanyak RM2 bilion setahun melibatkan 1,200 usahawan PKS. Ini termasuklah kepada usahawan muda.

Secara kumulatif, SME Bank telah merekodkan kadar kelulusan pinjaman sebanyak 84.3 peratus daripada jumlah permohonan keseluruhan. Ini menunjukkan pencapaian yang cemerlang berbanding dengan kadar kelulusan bank komersial sebanyak 79.3 peratus dalam jangka masa yang sama. Ada empat dana usahawan kepada golongan belia di bawah MITI dan SME Bank.

Pertama, Dana Usahawan Muda (YEF) mula diperkenalkan pada tahun 2013, bagi membantu golongan belia yang terlibat dengan bidang perniagaan, berumur antara 18 hingga 30 tahun dengan peruntukan dana sebanyak RM50 juta. Menawarkan kemudahan pembiayaan antara RM20 ribu hingga maksima RM100 ribu setiap pelanggan dengan kaedah perbankan Islam. Setakat Disember 2016, SME Bank telah meluluskan pembiayaan kepada 611 usahawan belia dengan nilai pembiayaan sekitar RM45 juta. Dari segi jumlah peserta Wilayah Persekutuan mencatatkan bilangan tertinggi 158 peserta, pembiayaan RM12.4 juta. Selangor 98 peserta, pembiayaan RM9.1 juta, Johor 58 peserta, pembiayaan RM4.7 juta, dan Kedah 23 peserta, pembiayaan RM1.7 juta. Berdasarkan nilai pembiayaan tidak berbayar yang rendah iaitu di bawah sepuluh peratus adalah dianggarkan lebih 550 usahawan YEF yang dibiayai masih aktif meneruskan perniagaan mereka.

Kedua, Tabung Usahawan Siswazah. Mula diperkenalkan pada tahun 2005 bagi membantu golongan siswazah yang terlibat dengan bidang perniagaan, berumur 21 hingga 40 tahun, peruntukan RM137 juta. Sepanjang tempoh pelaksanaannya, seramai 1,717 usahawan siswazah telah berjaya dibantu dengan nilai pembiayaan sebanyak RM228.8 juta.

Ketiga, *Online Business Financing (OBF)*. Objektif dana ini adalah untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perniagaan usahawan muda Bumiputera melalui platform perniagaan atas talian. Setakat Mac 2017, sebanyak 82 kelulusan berjumlah RM11.06 juta telah diberikan.

Keempat, Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) telah dimulakan pada tahun 2014. Membantu usahawan muda 18 hingga 30 tahun. Setakat ini RM29 juta dibelanjakan sebagai geran diberi kepada 1,436 usahawan muda di seluruh negara. Pada tahun 2017 ini, seramai 1,000 lagi usahawan belia akan dilatih di bawah Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak kementerian mempunyai sesuatu bidang perniagaan yang tertentu yang mempunyai daya maju supaya belia-belia ataupun pemuda yang menyertai program ini tidak menghadapi masalah untuk mengendalikan perniagaan mereka dan apakah pihak kerajaan atau kementerian memberikan kursus insentif yang khusus kepada bakal-bakal peminjam yang telah pun mempunyai kelayakan diberi pinjaman.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Kita tidak menetapkan sebarang bidang tertentu yang ingin diceburi oleh para usahawan muda. Ia terpulung kepada mereka. Akan tetapi, kebanyakannya dalam bidang perkhidmatan. Ada juga dalam bidang pembinaan dan ada juga dalam bidang pertanian. Akan tetapi, majoritinya adalah dalam bidang perkhidmatan terutama dari segi restoran misalnya, ataupun bengkel, ataupun jahitan dan juga perusahaan kecil sederhana di kampung-kampung. Itu di antara yang diceburi oleh usahawan-usahawan muda.

Adakah kita mengadakan kursus? Untuk Tunas Usahawan Belia Bumiputera, mereka dikehendaki menghadiri tiga minggu kursus. Tujuh hari yang pertama itu adalah untuk diberikan latihan ala ketenteraan di sepuluh kem PLKN di seluruh negara termasuklah di Sarawak dan juga di Sabah. Kemudian, dua minggu kita berikan kursus asas-asas perniagaan dari segi teori, dua minggu. Tambahan daripada itu, kita ada apa yang kita panggil sebagai sistem *buddy* atau pun *buddy system*. Pegawai-pegawai daripada SME Corp, *Small and Medium Enterprise Corporation* agensi di bawah MITI akan bersama dengan mereka selama setahun, Tuan Yang di-Pertua membimbing mereka supaya mereka boleh berjaya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih juga kepada pihak kementerian kerana begitu prihatin kepada golongan belia sehinggakan ke hari ini menyediakan peruntukan sebanyak empat tabung untuk golongan belia mendapatkan bantuan daripada segi perniagaan.

Cuma soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh mana pihak kementerian turun ke bawah terutamanya ke kawasan-kawasan luar bandar untuk memberi penerangan kepada golongan-golongan belia ini agar mereka juga berpeluang untuk mendapat bantuan di bawah Kementerian MITI ini dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mempermudah urusan

untuk mendapatkan pinjaman ataupun dana melalui tabung-tabung yang telah disediakan. Terima kasih.

■1050

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Empat tabung ini yang di bawah MITI tetapi kita ada lagi kementerian-kementerian lain yang memberikan tabung-tabung lain. Tabung Usahawan Belia misalnya oleh Kementerian Belia dan Sukan. Manakala yang ini hanya di bawah MITI, di bawah SME Corp, di bawah SME Bank. Segala maklumat-maklumat itu kita boleh dapati kebanyakannya dalam *website* TERAJU yang mengendalikan juga tentang urusan dana-dana kepada usahawan-usahawan.

Turun ke luar bandar memang saya setiap minggu pergi sebenarnya saya juga melawat PKS di luar bandar di pelbagai tempat, banyak sudah yang kita pergi dan jelajahi. Penerangan-penerangan ini kita akan usahakan dari masa ke semasa.

Kaedah mempermudah sebagai contoh, tabung Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) ini boleh dipohon menggunakan *online*. Ia tidak ada birokrasi yang terlalu— ia dipermudahkan dengan kaedah atas talian. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) tidak hadir]

7. **Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Kewangan menyatakan kepentingan sistem kemudahan pembayaran tanpa sentuh iaitu payWave melalui kad debit atau kredit kepada masyarakat dan ekonomi negara sejak ianya diperkenalkan pada tahun lepas.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Parit Sulong. Untuk makluman Yang Berhormat, Visa payWave merupakan salah satu jenama kad pembayaran di mana pemegang kad hanya perlu melayang atau menyentuh kad mereka di terminal kad. Untuk membuat pembayaran bagi urus niaga bernilai rendah. Transaksi sehingga RM250 setiap transaksi seperti mana yang dipersetujui oleh pihak industri dan tidak menggunakan pin serta juga tidak perlu tandatangan.

Jenama kad pembayaran tanpa sentuh yang lain termasuk juga MasterCard PayPass dan juga MyDebit iaitu jenama domestik. Kad pembayaran tanpa sentuh mula di keluarkan secara meluas sejak akhir tahun lalu tahun 2016 apabila bank-bank menggantikan dengan kad debit berciri tanpa sentuh yang merupakan sebahagian daripada inisiatif perpindahan kepada *Chip and PIN* dan juga spesifikasi kad cip Malaysia.

Menjawab kepada soalan tentang kepentingan dan kelebihan kepada pengguna, kad pembayaran tanpa sentuh menawarkan kelajuan transaksi yang cepat dan memudahkan proses pembayaran serta pengguna tidak perlu beratur lama dan boleh digunakan selalunya di rantaian makanan segera dan juga pasar raya serta juga akhirnya ia menjadi satu instrumen yang efektif dan juga dapat menggantikan wang tunai atau *cashless transaction* menjadikan *efficiency* dan juga peningkatan kepada produktiviti negara.

Kad ini tidak perlu diserahkan kepada *cashier* dan sudah tentu ia mengurangkan ruang untuk penyalahgunaan ataupun penipuan oleh pihak ketiga. Dari segi kepentingan ekonomi, impak yang kita dapat adalah kalau dari segi data tahun 2015 dibandingkan dengan tahun 2016 terdapat penambahan yang mendadak iaitu pada tahun 2016 sebanyak 7.2 juta pembelian ataupun transaksi menggunakan payWave ini berbanding dengan tahun 2015 sekitar 2.8 juta.

Dari segi peratus pula, peratus bilangan pembelian jika dibandingkan dengan penggunaan pembelian melalui kad pada tahun 2015, payWave menggunakan sekitar 0.6 peratus, tetapi pada tahun 2016 telah pun meningkat kepada 1.5 peratus. Dari segi nilai pembelian juta, pada tahun 2015 sebanyak 547.2 juta manakala pada tahun 2016 sebanyak 1,328.5 juta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Begitu juga terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah berdasarkan pada baru-baru ini terdapat *viral* di laman sosial yang kononnya kad bercirikan payWave ini senang untuk di klon. Justeru itu, saya ia secara tidak langsung menimbulkan keresahan terutama di kalangan masyarakat dan juga rakyat.

Jadi sehubungan dengan itu, soalan tambahan saya adalah sejauh manakah kebenaran mengenai perkara ini? Apakah tindakan segera kerajaan untuk memastikan bahawa ciri-ciri keselamatan kad ini dapat dipertingkatkan supaya kita dapat mengekang ancaman penyeluk saku digital pada hari ini? Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya boleh katakan di sini mengikut makluman yang kita dapat, apa yang di-*viral*-kan itu tidak benar. Sebenarnya kad ini tidak boleh diklon, *unclonable*. Ini merupakan salah satu *security features* yang penting dalam kad ini. Begitu juga untuk mengurangkan ataupun untuk mengelakkan langsung *fraud* ataupun penipuan penggunaan kad ini *customer* ataupun pemegang kad ini boleh memilih untuk mengehadkan berapa transaksi sehari. Contohnya, jika kita beritahu pihak bank kita hanya mahu menggunakan maksimum paling tinggi dua kali sehari, bernilai katalah dari sudut nilai tidak lebih daripada RM500. Maka ianya boleh dibuat. Sekiranya kad itu hilang daripada simpanan atau dapat ke tangan orang lain pun kita boleh beritahu pihak bank dengan segera untuk kita *block*-kan kad itu daripada digunakan oleh pihak yang tertentu.

Jadi sudah tentu kita maklumkan kepada pengguna bahawa ciri-ciri keselamatan ini amat penting dan direka khas oleh pihak industri dan pihak bank bagi memastikan sekiranya berlaku kehilangan dan sebagainya, ianya tetap melindungi pengguna dari segi *exposures* yang berat seperti mana kad kredit dan sebagainya. Terima kasih Yang di-Pertua.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak dapat dinafikan bahawa payWave ini merupakan satu kemajuan. Ini merupakan sebahagian daripada *cashless transaction*. Soalan tambahan saya yang pertama, berapakah peratusan *cashless transaction* yang berlaku di negara berbanding dengan transaksi melalui *cash*? Kedua, setakat manakah kerajaan akan menggalakkan penggunaan telefon bimbit pintar sebagai sebahagian daripada *cashless transaction*. Sekian.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat memberikan data perbandingan di antara penggunaan *cashless transaction* jika hendak dibandingkan dengan *conventional transaction* sekarang ini. Akan tetapi seperti yang saya sebutkan tadi jika kita bandingkan payWave ini dengan kad selain, penggunaan-penggunaan kad yang lain terdapat peningkatan yang mendadak. Jika mahu dibandingkan peratus contohnya penggunaan payWave *against other cards*, pembelian transaksi menggunakan kad, pada tahun 2015 sebanyak 0.6 peratus tetapi pada tahun 2016 meningkat 1.5 peratus ataupun *jump of sum* 150 peratus.

Akan tetapi perbandingan antara penggunaan kad dengan *cash transaction* ini susah kita hendak buat sebab kita pun tidak ada data daripada *cash transaction*. Akan tetapi jika saya dapat *insya-Allah* saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis di masa akan datang. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Telefon pintar? Telefon pintar?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penggunaan telefon pintar ini selalunya kita gunakan dari segi personel ataupun EFT, *e-banking and all that*. Jadi dari segi ini kita akan dari masa ke semasa meningkatkan ciri-ciri terutama dari segi keselamatan memastikan bahawa penggunaan telefon pintar ini tidak membolehkan mana-mana pihak menyalahgunakan, boleh klon dan sebagainya akhirnya merugikan *account holder* itu sendiri. Terima kasih.

8. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan untuk Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) pada tahun 2017 dan bila peruntukan tersebut akan disampaikan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kulai di atas soalan. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kulai, anggaran jumlah peruntukan mengurus untuk Sekolah Kebangsaan (SK) bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM12,910,709,878.

■1100

Manakala anggaran jumlah peruntukan mengurus untuk sekolah menengah kebangsaan yang juga melibatkan sekolah menengah jenis kebangsaan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM14,25,140,684. Peruntukan tersebut adalah bagi pembayaran emolumen dan juga kos pengoperasian sekolah yang telah disalurkan bermula pada 6 Januari 2017.

Selain daripada itu Yang Berhormat, peruntukan persekolahan sebanyak RM3,59,975,200 bagi tahun 2017 telah disalurkan kepada semua sekolah termasuk sekolah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan mulai 18 Januari 2017. Jumlah ini meliputi 19 jenis bantuan persekolahan yang diperuntukkan berdasarkan kadar dan juga syarat yang telah pun ditetapkan enrolmen murid sekolah serta peruntukan yang diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertama memandangkan bahawa peruntukan mengurus ini adalah untuk bayaran kos

operasi termasuklah bil-bil air dan juga *electricity* jadi saya hendak tanya di sini sama ada Kementerian Pendidikan merancang untuk membayar sepenuhnya bil *electricity* dan juga bil air untuk sekolah menengah jenis kebangsaan dan juga SJK(C) dan juga SJK(T) kerana sekolah SJK(C), SJK(T) yang merupakan sekolah bantuan mereka hanya mendapat satu peruntukan yang terhad untuk membayar bil *electricity* dan air yang lebih mereka perlu bayar sendiri.

Kedua, saya hendak tanya menurut kepada kenyataan media Timbalan Menteri bahawa pada tahun 2016 peruntukan RM3 juta untuk SMK(J) dan saya hendak tanya peruntukan khas sebanyak RM3 juta ini kenapa sampai hari ini belum disampaikan kepada SMK(J) kerana RM3 juta ini adalah untuk tahun 2016 tetapi sekarang sudah bulan Mac 2017. Akan tetapi duit tersebut masih belum disampaikan lagi. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Dua soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertama tentang bayaran utiliti untuk sekolah-sekolah bantuan SJK(C) dan SJK(T).

Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun ada peruntukan had untuk setiap sekolah dan maksima ini ditentukan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan telah pun menentukan sebanyak RM5 ribu untuk sekolah-sekolah bantuan SJK(C) dan juga SJK(T). Saya pasti sekiranya ada peruntukan tambahan dan sebagainya kita boleh meningkatkan lagi. Akan tetapi buat masa ini Kementerian Pendidikan akur kepada syarat yang telah pun ditetapkan oleh Kementerian Kewangan yang mana setiap sekolah bantuan SJK(C) dan SJK(T) akan diberi RM5 ribu had.

Soalan yang kedua tentang pembayaran RM3 juta untuk SMJK. Yang Berhormat, makluman terperinci sebab apa mereka tidak dapat diberi setakat hari ini tidak ada pada saya buat masa ini memandangkan soalan asalnya merupakan soalan lain tetapi ini spesifik untuk SMJK RM3 juta. Saya akan dapatkan maklumat terperinci dan diberi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Apabila saya mendengar bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah Cina, SMK(J) dan sebagainya dan juga sekolah-sekolah Tamil ingin saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Di Sarawak banyak sekolah-sekolah agama rakyat seluruh Sarawak. Setakat ini berapa banyakkah bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini terutama sekali di Sekolah Agama Rakyat Miri yang sekarang serba kekurangan adakah pihak kementerian daripada RM12 bilion untuk membantu sekolah-sekolah ini ada *sharenya*? Mendapat *share* sedikit kepada sekolah agama rakyat di negeri Sarawak. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Untuk makluman Yang Berhormat, soalan asal ialah tentang peruntukan sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah jenis kebangsaan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat tentang aspek bantuan sekolah agama rakyat negeri ini biasanya sekolah-sekolah agama rakyat negeri di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia kerajaan pusat akan menyalurkan bantuan sekiranya

mengikut silibus dan juga pengoperasian sekolah kerajaan. Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan membantu sekolah-sekolah yang di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Peruntukan-peruntukan yang saya maklumkan sebentar tadi yang mana peruntukan untuk sekolah kebangsaan 2017 sebanyak RM12 bilion ini termasuk juga sekolah-sekolah yang telah Yang Berhormat kata sebentar tadi di Sabah dan juga di Sarawak. Akan tetapi maklumat secara spesifik sekolah agama boleh saya berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

9. Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi projek sekolah rintis pembelajaran abad ke-21 ke negeri-negeri lain seperti yang dilaksanakan di negeri Johor sebagai corak perubahan dalam melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan inovatif selaras dengan Transformasi Nasional (TN50) serta sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 menjadi penanda aras sektor pendidikan negara menjelang tahun 2050.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sudah datang ke Labuan, sudah pun jalan-jalan, ini jawapan soalan sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai perancangan khusus untuk memperluaskan projek sekolah yang membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan membuat penarafan di sekurang-kurangnya satu sekolah rendah dan satu sekolah menengah di setiap daerah seluruh negara sebagai model dalam pembudayaan KBAT. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah membangunkan instrumen sendiri untuk mentafsir pembudayaan KBAT di sekolah dan mula dilaksanakan di semua sekolah pada tahun ini 2017. Selepas pentaksiran sendiri ini selesai, sekolah-sekolah yang terlibat akan melalui pemeriksaan verifikasi untuk diberi penarafan sebagai sekolah yang membudayakan KBAT agar sekolah-sekolah yang lain dalam daerah berkaitan akan dapat mencontohinya. Melalui langkah ini amalan dan budaya KBAT yang merupakan elemen utama dalam pembelajaran abad ke-21 akan dapat diperluas menjangkau kemenjadian murid yang mampu bersaing di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 telah digubal selari dengan aspirasi negara dalam Pelan Transformasi Negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menyediakan kerangka pembangunan menyeluruh untuk menjangkau transformasi sistem pendidikan secara pantas dan mapan. Pelaksanaan inisiatif setiap tahun adalah bersandarkan bidang keberhasilan utama negara dan turut mengambil kira aspirasi antarabangsa seperti *sustainable development goals* (SDG). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia juga telah menetapkan sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses dalam tempoh 13 tahun bagi sistem pendidikan Malaysia berdiri setaraf dengan sistem pendidikan negara berkelas dunia dan melahirkan individu yang bukan sahaja mampu bersaing di pentas global tetapi menjadi penanda aras bagi negara-negara lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya apakah langkah proaktif kementerian dalam memastikan para guru lebih cakna akan makna sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 supaya sesuatu inovasi yang dilaksanakan itu tidak gagal dan seterusnya mampu menyumbang kepada peningkatan mutu pendidikan negara. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengadakan sesi pemakluman dan juga dialog bersama guru-guru supaya mereka lebih memahami Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan juga PDP pembelajaran abad ke-21.

■1110

Harus kita ambil maklum Yang Berhormat, bahawa apabila kita maklum tentang pembelajaran abad ke-21, ia bukan sahaja merangkumi dalam aspek teknologi. Pendidikan abad ke-21 bukan bermaksud kita hanya mahir dalam bidang teknologi. Dia ada dua aspek, satu bidang teknologi, satu bidang pedagogi yang mana sebentar tadi Yang Berhormat kata PDP. Kedua-dua ini memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan pembelajaran abad ke-21 ini berjaya. Mengapa ia harus berjaya ialah supaya kita dapat melahirkan pelajar-pelajar dengan enam aspirasi utama iaitu berpengetahuan, kemahiran fikir, kemahiran dwibahasa, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian dan identiti nasional.

Maka apabila kita hendak menanamkan keupayaan ini kepada anak-anak kita, maka guru-guru memainkan peranan yang penting. Tanpa guru-guru menerima pemahaman ini, maka agak sukar kita untuk memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini dapat berjalan dengan lancar.

Oleh yang demikian, seperti mana Yang Berhormat kata sebentar tadi, kita Kementerian Pendidikan Malaysia setiap kali malah Yang Berhormat Menteri baru-baru ini dalam program kita di Kuala Terengganu telah pun melaksanakan satu program dialog bersama guru-guru untuk memaklumkan betapa pentingnya penglibatan mereka dalam pelan pembangunan pendidikan dan pada masa yang sama, pembelajaran abad ke-21.

Kita berasa amat bersyukur kerana tindak balas ataupun respons yang kita terima daripada guru-guru di Malaysia amat mengagumkan dan kita pasti dengan kerjasama dan komitmen yang cukup baik daripada guru-guru negara kita, kita dapat membawa sistem pendidikan negara ke satu tahap yang dapat kita banggakan semua. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit dalam usaha memberi peruntukan kepada Kementerian Pendidikan dan juga dalam usaha kita untuk memartabatkan ilmu di kalangan rakyat Malaysia. Bilakah agaknya prasarana dapat kita sediakan untuk membolehkan agar kita dapat lahirkan *environment* dengan izin, yang amat selesa bagi pelajar-pelajar untuk belajar? Sekolah rendah digabungkan, dia tumpang. Milik sekolah itu dimiliki oleh sekolah rendah dan sekolah menengah menumpang sekolah rendah. Sesi pagi sekolah rendah, sesi petang sekolah

menengah. Bayangkan sesi pagi kemudahan ini sesuai untuk sekolah rendah, tetapi bila sekolah menengah, makmal pun tak lengkap, makmal pun tak cukup. Saya ingin bertanya kepada Dewan yang mulia kerana saya sudah bersuara banyak ini, semasa saya menjadi Menteri pun saya sudah bersuara, bila agaknya usaha pihak kerajaan mengambil berat tentang kemudahan prasarana di sekolah-sekolah di peringkat negeri Sabah khususnya. Terima kasih banyak.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Semporna. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mencari kaedah-kaedah yang terbaik menyelesaikan masalah seumpama ini dan kita komited untuk memastikan perkara-perkara ini. Saya faham, saya cukup faham Yang Berhormat apabila Yang Berhormat menjadi Menteri pun, Yang Berhormat sendiri telah membangkitkan perkara ini dan Yang Berhormat juga sedar apa masalah-masalah yang wujud. Kita mempunyai masalah kekangan kewangan dan cukup peruntukan kita melaksanakan semua program-program yang dilaksanakan. Kalau boleh bila Yang Berhormat menjadi Menteri, boleh juga sokong pada masa itu untuk meningkatkan keperluan Kementerian Pendidikan tetapi Yang Berhormat pun pada masa itu tidak buat apa-apa.

Akan tetapi tidak mengapa Yang Berhormat, sekarang kita komited. Kita masih hendak melaksanakan komitmen dan kita pasti akan dapat menambah baik sistem pendidikan dan menambahbaikkan taraf sekolah-sekolah. Itu harapan kita. Kita melihat semua negeri secara saksama, Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia, semua sekolah memerlukan perkhidmatan, semua sekolah memerlukan bantuan. Kita komited, Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pendidikan, semua akan memastikan semuanya dapat dilakukan dalam masa yang terdekat. Oleh kerana itulah kita pun telah merancang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini yang telah pun digubal, yang telah mendapat input daripada lebih 50 rakyat Malaysia termasuk Yang Berhormat Semporna sendiri. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Manivannan a/l Gowindasamy. Sungguh panjang soalan. Ayat-ayat soalan ini terlalu panjang Yang Berhormat ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan memperbaiki dalam masa yang akan datang. Selamat pagi, salam reformasi dan *vanakkam*.

10. Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan :-

- (a) sama ada terdapat keperluan untuk mengawal caj yang boleh dikenakan oleh syarikat perkhidmatan televisyen digital. Apakah pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam caj yang dikenakan oleh syarikat perkhidmatan televisyen digital; dan
- (b) sama ada Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membuka satu saluran khas televisyen untuk memberi ruang dan peluang khas kepada artis-artis tempatan khususnya artis tempatan India. Apakah pendekatan yang telah

diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperkasa dan memartabatkan artis-artis tempatan, khususnya artis tempatan India.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan di dalam soalan yang dikemukakan oleh sahabat saya ya. Bagi menjawab pertanyaan pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sedia ada di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 membolehkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) secara berterusan memantau kadar caj yuran langganan, kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan ini terpakai pada agensi penyiaran termasuklah syarikat perkhidmatan televisyen digital.

Syarat-syarat lesen untuk pemberi perkhidmatan rangkaian terkandung di dalam senarai capaian ataupun dengan izin, *access list* di bawah seksyen 145 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan ini membolehkan pihak SKMM memantau dan mengkaji keperluan untuk mengawal caj yuran langganan perkhidmatan televisyen digital. Pihak SKMM sedang menjalankan kajian mengenai caj yuran langganan dan dijangka siap penghujung tahun 2017.

Bagi menjawab pertanyaan kedua pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha untuk memperkasa dan memartabatkan artis-artis tempatan termasuk artis tempatan berbangsa India sentiasa dititikberatkan oleh pihak kementerian ini melalui RTM, SKMM dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Melalui pihak SKMM, usaha dalam memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu dan kandungan tempatan telah disyaratkan ke atas semua para pemegang lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan individu ataupun dengan izin, CSPI yang merangkumi kesemua stesen TV swasta tempatan.

Penumpuan pemerksaan kandungan tempatan ini adalah bersifat generik termasuk lagu, iklan komersial, pengumuman khidmat awam, bahasa, karya tempatan dan lain-lain secara umum. Sebagai contoh, kesemua stesen TV swasta dikenakan syarat khas lesen untuk menyiarkan 60% kandungan dalam bahasa Malaysia dan 60% lagi dari kandungan selain daripada bahasa Malaysia hendaklah kandungan tempatan. Pihak pemegang lesen juga dikehendaki menyediakan program kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan. Pihak kementerian melalui SKMM juga sentiasa memantau dan menggalakkan stesen-stesen swasta supaya memperbanyakkan lagi kandungan tempatan yang melibatkan artis-artis tempatan yang merangkumi pelbagai bahasa dari semasa ke semasa.

Melalui RTM pula, kementerian telah memperuntukkan saluran TV2 sebagai saluran pelbagai bahasa bagi memenuhi keperluan dan permintaan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Bagi penonton berbangsa India, sejumlah 24 jam iaitu 14% daripada keseluruhan 168 jumlah jam siaran seminggu di TV2 diperuntukkan bagi program-program berbahasa Tamil meliputi drama, bual bicara, berita dan lain-lain. Jumlah tersebut akan ditambah semasa sambutan misalannya Hari Deepavali bertujuan memeriahkan sambutan perayaan. Di samping itu, melalui RTM juga setiap tahun peluang sama rata dibuka kepada mereka yang berpotensi untuk menyertai sesi pemilihan perolehan bagi program-program untuk siaran TV dan peluang

tersebut terbuka kepada pelbagai penerbitan program-program berbahasa termasuk program-program Tamil. Kaedah ini terbukti berkesan dalam mempromosikan perpaduan dan keharmonian di Malaysia. Dasar ini juga diyakini dapat melibatkan penggiat seni India terlibat dalam produksi arus perdana dan seterusnya menyerlah nilai Malaysia dari sudut pandang penggiat seni India Malaysia.

Selain daripada itu, bagi membantu artis-artis tempatan India, kementerian ini melalui FINAS juga telah menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada Persatuan Kebajikan Penghibur-penghibur India Malaysia (MIEWA), Persatuan Pekerja-pekerja Filem dan Televisyen India Malaysia (MIFTWA) dan Persatuan Artis India Malaysia dalam bentuk bantuan kewangan bagi penganjuran pelbagai program dan aktiviti persatuan serta perbelanjaan mengurus dan mentadbir melalui Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia di bawah seliaan FINAS. Dari tahun 2011 sehingga tahun 2013, sebanyak RM80,300 bantuan kewangan telah disalurkan bagi membantu persatuan-persatuan industri hiburan India untuk menjalankan aktiviti dan program masing-masing. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang jelas tadi. Berkenaan dengan bahagian (a) di mana ada penambahan dalam caj dan sebagainya, saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat, setiap kali ada aksi bola sepak tidak kisahlah piala Eropahkah, piala duniakah, setiap kali sebelum pertandingan ini caj akan naik. Jadi soalan tambahan saya untuk bahagian (a) adalah berkenaan dengan syarikat perkhidmatan televisyen digital, apakah kerajaan bercadang untuk hapuskan monopoli dan bersedia untuk memberi lesen televisyen digital kepada mana-mana syarikat tanpa syarat-syarat yang ketat dengan hasrat untuk mempelbagaikan dan memperbanyakkan syarikat TV digital untuk membawa persaingan yang sewajarnya. Dengan itu, saya rasa caj ini akan dikawal dan dipantau oleh kerajaan. Itu untuk bahagian pertama.

■1120

Untuk bahagian kedua, mengadakan satu saluran khas khusus untuk artis-artis tempatan India dipertimbangkan oleh kerajaan kerana artis-artis tempatan India mempunyai kemahiran, kreativiti dan kepakaran tersendiri, namun begitu tidak dapat memasarkan kemahiran, kreativiti dan kepakaran mereka kerana, satu, adalah kekurangan dana. Dua, sokongan daripada pihak kerajaan yang tidak menyeluruh dan tidak menentu sebab walaupun FINAS memberi bantuan tetapi itu tidak secara holistik, dan saingan daripada luar negara.

Jadi, saya cadangkan lagi sekali untuk kementerian mempertimbangkan satu *channel* khas, satu saluran khas untuk artis-artis tempatan khususnya artis India. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, tiada apa-apa halangan dikatakan untuk memberhentikan selain daripada mempromosikan bangsa dan sebagainya. Saya rasa sebagai bangsa India, satu saluran khas di televisyen biasa RTM mahupun syarikat swasta tak ada apa-apa kekangan dan halangan daripada pihak kementerian. Saya minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari:Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Terdapat dua persoalan. Pertamanya berkaitan dengan penghapusan monopoli. Suka saya berkongsi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa apabila kita melaksanakan program DTTB ataupun Projek

Pendigitalan Penyiaran Nasional ini, ia berkonsepkan PFI, maknanya *private and public* dengan *government*, dengan izin.

Dan di sini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa setakat ini kalau kita lihat projek yang akan dilaksanakan ini, ia berbentuk *terrestria* I di mana satu syarikat yang telah diamanahkan iaitu MyTV dan di mana apabila terlaksana program ini, sejumlah lebih kurang dua juta unit *decoder* percuma akan diberikan kepada para penerima yang terdiri daripada dua juta penerima di bawah bantuan BR1M.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa apabila pelaksanaan ini dilaksanakan, tidak ada apa-apa kos yang akan dikenakan kepada penonton yang melayari melalui *terrestrial* kerana kita ada dua lagi konsep iaitu saya percaya apa yang dirujuk oleh Yang Berhormat ialah program yang disiarkan melalui satelit iaitu Astro di mana ia akan diteruskan dan satu lagi kita ada iaitu melalui *fiber* iaitu HyppTV. Jadi di sini seperti yang saya maklumkan bahawa daripada segi caj-caj, memang kita akan sentiasa memantau dan ini yang saya tekankan tadi bahawa penghujung tahun ini, *insya-Allah*, satu kadar yang sesuai akan dapat kita tetapkan.

Dan untuk makluman Yang Berhormat juga berkaitan dengan konsep monopoli, sebenarnya kita tidak ada meletakkan sebarang syarat. Dan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat juga, setakat ini kita telah pun memberi sejumlah 11 lagi pemegang lesen baru yang akan bersaing di dalam era penyiaran digital. Itu yang pertama.

Bagi menjawab persoalan kedua berkaitan dengan cadangan untuk mengadakan siaran khusus kepada satu-satu komuniti, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya untuk perolehan satu-satu saluran, suka saya berkongsi di Dewan ini, kosnya akan melibatkan sejumlah RM100 juta dan untuk satu-satu tayangan hanya merangkumi sejumlah enam jam.

Jadi sebenarnya kalau mengikut rekod yang telah kita sediakan, kita telah beri kesamarataan daripada segi jenis-jenis bahasa yang akan digunakan. Sebagai contoh, misalnya bahasa Tamil, 24 jam seminggu dan bahasa Hindi misalnya, tiga jam seminggu dan ada bahasa-bahasa lain yang digunakan seperti bahasa Mandarin, 25 jam seminggu. Jadi tidak ada banyak beza antara satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Jadi maknanya selain daripada saluran yang diberikan, beberapa program juga yang telah kita sediakan untuk mempelbagaikan kaum berbangsa India.

Sebagai contoh satu lagi, Yang Berhormat ya. Pembelajaran sepanjang hayat yang disediakan oleh pihak FINAS yang, dengan izin, dinamakan *Creative Industry Lifelong Learning* ataupun *CILL program* di mana pihak FINAS telah mewujudkan program ini bagi meningkatkan kualiti serta kemahiran tenaga kerja dalam sektor industri kreatif tempatan dan kita tidak mengkhususkan kepada mana-mana bangsa di mana pada tahun 2016 sahaja, seramai 337 orang peserta pelbagai bangsa telah pun menyertai program ini. Jadi, saya percaya maknanya kita telah buat yang terbaik berkaitan dengan program-program yang meliputi dan merangkumi kesemua bangsa di Malaysia ini. Terima kasih.

11. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan langkah yang bakal diambil kerajaan dalam menambahkan jumlah eksport barangan komoditi terutamanya sekali selepas penarikan diri Amerika Syarikat dalam Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA).

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri komoditi negara yang meliputi produk-produk sawit, getah, kayu-kayan, koko dan lada merupakan salah satu penjana utama eksport negara. Pada tahun 2016, industri komoditi telah mencatatkan pendapatan eksport sebanyak RM122 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.2 peratus berbanding tahun 2015. Selain itu, eksport produk-produk komoditi menyumbang 15.5 peratus daripada keseluruhan eksport negara.

Amerika Syarikat merupakan salah satu destinasi eksport utama produk-produk komoditi negara dengan nilai eksport sebanyak RM13.1 bilion pada tahun 2016. Produk-produk nilai komoditi utama yang dieksport ke Amerika Syarikat adalah:

- (i) produk-produk sawit bernilai RM3.9 bilion;
- (ii) produk-produk getah bernilai RM5.3 bilion;
- (iii) produk-produk kayu kayan bernilai RM3.3 bilion;
- (iv) produk-produk koko bernilai RM496.1 juta; dan
- (v) produk-produk lada bernilai RM2.91 juta.

Di bawah Peraturan TPPA, duti import semasa Amerika Syarikat yang dikenakan bagi produk-produk komoditi di antara kosong peratus hingga 48 peratus akan dihapuskan secara berperingkat dengan berkuat kuasanya perjanjian itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun TPPA tidak dapat dimeterai, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPSC) akan meneruskan langkah-langkah untuk meningkatkan eksport komoditi negara.

Ini termasuk, pertama, memperbanyakkan aktiviti promosi dan teknikal bagi memperkukuhkan eksport ke pasaran sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru.

Kedua, terlibat dalam rundingan-rundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau. Umpamanya, Malaysia terlibat dalam rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang melibatkan ASEAN dan enam rakan dagangan yang lain. RCEP mempunyai penduduk seramai tiga bilion penduduk, keluaran dalam negara kasar (KDNK) gabungan kira-kira USD17 trilion dan menyumbang 40 peratus daripada perdagangan dunia.

Ketiga, memperkasakan aktiviti hiliran bagi menghasilkan produk-produk baru bernilai tinggi di samping meningkatkan penggunaan domestik komoditi.

Keempat, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam menghasilkan produk-produk baru berasaskan komoditi untuk dikomersialkan oleh pihak industri.

Kelima, mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa bersama-sama negara-negara pengeluar komoditi. Ini termasuk kerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) dan dengan Indonesia di bawah

Council of PalmOil Producing Countries (CPOPC). Kerjasama seumpama ini selain memperkukuhkan pembangunan industri komoditi, ia juga dapat membolehkan menangani isu-isu akses ke pasaran. Sekian, terima kasih.

■1130

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Soalan saya adalah kita melihat daripada perkembangan ekonomi kita sangat baik sekali, yang diiktiraf oleh IMF yang berpotensi sangat baik sekali sebagaimana yang dikatakan oleh profesor-profesor baru-baru ini. Persoalan saya kepada Menteri, apakah pasaran komoditi kita sudah buat dengan RCEP itu cukup baik tetapi apakah kepentingan kita pula dengan India yang akan dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak silap saya dalam minggu ini untuk membincangkan bagaimana menambah baik dari segi ekonomi di bidang komoditi itu sendiri.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat daripada Lipis. Sebenarnya India adalah pembeli terbesar bagi eksport kita, minyak kelapa sawit, terbesar setakat ini ya, dan Eropah adalah kedua. Jadi oleh itu memang India adalah sebuah negara yang amat penting bagi kita dan saya percaya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India akan datang ini adalah untuk memperketat, merapatkan lagi hubungan perniagaan di antara Malaysia dan India. Kita tahu bahawa India sekarang ini memperkenalkan juga peraturan-peraturan berhubung biodiesel. Oleh sebab itu, dengan adanya peraturan-peraturan berhubung dengan biodiesel ini, mereka perkenalkan di India maka mereka memerlukan minyak kepala sawit untuk digunakan, dicampurkan dengan minyak diesel. Jadi ini adalah satu pasaran yang amat baik bagi kita.

Banyak lagi usaha-usaha lain dan baru-baru ini juga, MPOB telah meletakkan, membuka satu lagi pejabat mereka di India. Tujuannya adalah untuk memperkasakan, memperhebatkan lagi pasaran di negara India. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itulah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Jabatan Insolvensi Malaysia merupakan jabatan yang bertanggungjawab sebagai penerima, pengurus,

pentadbir dan pemegang amanah bagi kes kebangkrutan individu menurut Akta Kebankrutan 1967. Sehingga Februari 2017, Jabatan Insolvensi Malaysia masih mentadbir sebanyak 292,086 kes kebangkrutan yang aktif dan bankrap yang masih belum dilepaskan. Daripada jumlah kes kebangkrutan tersebut, Selangor merekodkan kes kebangkrutan tertinggi dengan 70,817 kes di seluruh negara. Sebanyak 58.57 peratus kes kebangkrutan yang melibatkan golongan yang berumur antara 25 tahun dengan 44 tahun. Ini merupakan satu perangkaan yang amat membimbangkan. Selain itu, peminjam sewa beli kereta kenderaan dan pinjaman peribadi antara sebab utama seorang dibankrapkan di Malaysia.

Kerajaan amat prihatin isu-isu kebangkrutan terutama di mana mereka diisytiharkan bankrap disebabkan mereka menjadi penjamin kepada peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman. Golongan ini tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya tanpa tindakan terhadap peminjam prinsipal terlebih dahulu untuk menjelaskan pinjaman yang diambil. Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif dan merangka strategi bagi mentransformasikan kerangka perundangan lama kepada perundangan moden sejajar dengan perkembangan perundangan antarabangsa dan peredaran semasa.

Perancangan strategik kerajaan akan memberi impak langsung dan tidak langsung kepada negara dan masyarakat secara keseluruhannya selaras dengan agenda kerajaan dalam Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesebelas. Jabatan Insolvensi Malaysia telah melaksanakan kajian menyeluruh seiring dengan proses konsultasi yang komprehensif di mana akan membawa perubahan dasar kepada kerangka perundangan kebangkrutan, menghapuskan prosedur-prosedur lapuk serta memudahkan prosedur yang sedia ada. Di samping itu kajian ini juga mengambil kira perkembangan dan kemajuan perundangan antarabangsa berkenaan insolvensi tadbir urus korporat dan amalan terbaik.

Dalam ucapan Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara lain menyatakan bahawa kerajaan akan mengambil langkah positif untuk meminda Akta Kebankrutan 1967 mulai tahun 2017, berkaitan dengan mereka yang diisytiharkan bankrap terutamanya penjamin sosial, mereka yang menghidap penyakit kronik serta disahkan oleh hospital kerajaan dan juga mereka yang telah berumur.

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Majlis Parlimen Ketiga Belas juga menyatakan bahawa kerajaan sedang meminda Akta Kebankrutan 1967 bagi memberi peluang kepada golongan yang bankrap untuk bangkit semula memulakan kehidupan baru dan terus menyumbang semula kepada ekonomi negara. Rang Undang-undang Kebankrutan (Pindaan) 2016 yang dibentangkan ini diyakini akan mendatangkan manfaat bukan sahaja kepada penghutang malah ia juga memberi manfaat kepada pihak pemiutang. Kerajaan telah mempertimbangkan lapan perubahan dasar untuk meminda Akta Kebankrutan 1967 seperti berikut:

- (i) tindakan kebangkrutan tidak boleh diambil terhadap penjamin sosial. Walau bagaimanapun penjamin bukan sosial boleh

dibankrapkan setelah mahkamah berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak pemiutang;

- (ii) menaikkan nilai minima kebangkrapan dengan izin, *threshold*;
- (iii) seorang bankrap boleh dilepaskan awal daripada status kebangkrapan selepas tempoh tiga tahun daripada pemfailan penyata hal ehwal;
- (iv) menetapkan keutamaan penyampaian notis kebangkrapan dan petisyen kebangkrapan secara sendiri dengan izin, *personal service* atau pos berdaftar dengan akuan terima penghutang;
- (v) mewujudkan mekanisme penyelamat dengan izin *rescue mechanism*;
- (vi) memperkenalkan sistem satu perintah dengan izin *single bankruptcy order* menggantikan perintah penerimaan dan perintah penghukuman;
- (vii) mewujudkan kumpulan wang bantuan insolvensi dengan izin *Insolvency Assistance Fund*; dan
- (viii) pelepasan daripada kebangkrapan tanpa prosedur bantahan oleh pemiutang bagi golongan bankrap sebagaimana yang berikut:
 - (a) penjamin sosial yang dibankrapkan di bawah Akta Kebankrapan 1967;
 - (b) bankrap yang telah meninggal dunia;
 - (c) bankrap yang disahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai seorang yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya; dan
 - (d) bankrap yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai penghidap penyakit kronik atau serius.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kebankrapan 2016 ini adalah satu akta yang dicadangkan bagi memasukkan dasar-dasar sebagaimana yang dinyatakan di atas. Jabatan Insolvensi Malaysia telah merangka Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini yang sesuai dengan peredaran terkini. Antara ciri-ciri penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini adalah seperti berikut:

- (i) tindakan kebangkrapan adalah pilihan terakhir untuk penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman, prosiding kebangkrapan bukan pilihan pertama;
- (ii) mewujudkan kaedah alternatif kepada prosiding kebangkrapan sebelum seseorang individu dibankrapkan;

- (iii) seorang bankrap yang memenuhi kriteria pelepasan adalah berpotensi untuk dilepaskan dengan lebih cepat bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara, dalam masa yang sama pemiutang boleh memperoleh manfaat apabila sumbangan yang munasabah dibuat oleh pihak pembangkang;
- (iv) mewujudkan masyarakat yang bijak dari segi pengurusan kewangan dan memberi kesedaran agar lebih bertanggungjawab mengenai pembayaran hutang serta memastikan pihak pemiutang lebih berhemah dalam memberikan kemudahan pembiayaan pinjaman;
- (v) mengurangkan kadar kes kebangkrutan; dan
- (vi) memudahcara prosiding kebangkrutan dan proses pentadbiran kes kebangkrutan.

Sesi *engagement* antara Jabatan Insolvensi Malaysia dan pihak-pihak yang berkepentingan telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas yang diterima daripada pihak-pihak berkepentingan berkenaan telah diteliti oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia sebelum pembentangan ini dan telah dipertimbangkan di dalam Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) yang akan dibentangkan ini.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini, pindaan-pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 adalah daripada fasal-fasal 1 hingga fasal 60 seperti yang terkandung dalam naskhah biru, rang undang-undang yang telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, secara seluruhnya dari segi faktor ekonomi, Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini akan menyediakan mekanisme kepada pemiutang agar berpeluang atau berhak untuk mendapat peluang bayaran hutang semaksima mungkin. Selain daripada itu, institusi kewangan yang lebih berhemah akan dalam memberikan kemudahan pinjaman hanya kepada peminjam yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk membayar balik hutangnya. Dari segi sosial pula, kerangka perundangan pindaan ini juga lebih seimbang dalam menjaga kepentingan pihak-pihak seperti pemiutang dan penghutang. Tambahan pula, ia akan memberikan peluang kedua kepada bankrap untuk sama-sama memacu ekonomi negara dan berdaya saing serta menjayakan aspirasi negara ke arah negara maju.

Bagi menjayakan pelaksanaan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini, satu transformasi minda diperlukan daripada semua pihak bagi memastikan pentadbiran kes kebangkrutan di Malaysia adalah bertaraf dunia dan menjadi model terbaik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kelana Jaya.

11.41 pg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan tadi apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya memang bersetuju dengan semua poin itu. Bagi saya, isu yang penting pada masa Jawatankuasa nanti saya akan sentuh tentang *social guarantor, exemption from bankruptcy, protection* untuk *other guarantors, stricter requirement for service of bankruptcy, voluntary arrangement* dengan izin, banyak hendak kena pakai bahasa Inggeris ini. Ini adalah satu cadangan yang baik sekali di mana penghutang itu boleh *arrange for his own repayment*. Okey. *Automatic discharge bankrupt*, kita tahu prosesnya mengambil masa lima, enam tahun. Sekarang automatik, itu bagus sekali. Terakhir ialah *certain bankrupts allowed to be discharged without objections*. Jadi, proses semua ini baik dan saya akan bincangkan dengan lebih mendalam dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bagi isu tentang dasar, pada pagi ini saya akan fokus kepada tiga tema. Tema pertama ialah apabila kita merangka apa-apa rang undang-undang, kita perlu melihat data. *Data driven policy making*. Yang Berhormat Menteri telah beritahu kita sedikit tentang data-data siapa yang pinjam, saya akan *repeat*-lah nanti ya. Ini saya akan bagi fokus kepada - Selepas itu, saya hendak melihat sama ada data-data ini ada *correlation* ataupun ada *pattern* yang boleh kita lihat. *The analysis of big data*. Perkara *bankruptcy*, ia memang jelas ia mempunyai kaitan yang kuat dengan industri perbankan *itself, the banking industry*. *There's a direct correlation between bankruptcy and also banking industry*. Tema ketiga ialah masalah perbankan adalah masalah kita yang besar sekali berpunca daripada *deregulation*, bayaran bonus kepada *banker*, sistem *quantitative easing* yang dipakai di negara-negara Barat termasuk Jepun dan ekonomi dunia yang berdasarkan hutang, *the debt economy*.

Baik. Saya pergi kepada tema pertama saya iaitu isu tentang data. Dalam empat tahun terkini ini dan Yang Berhormat Menteri telah beri data tadi, daripada tahun 2013 ke tahun 2016, kita melihat lebih kurang 82,000 kes kebangkrapan. Ini adalah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kepada soalan kawan baik saya, Yang Berhormat Segambut. Kalau kita kira puratanya ialah lebih kurang 22,000 setahun. Jumlah 22,000 setahun, orang bankrap baru. Data yang lain yang penting bagi saya ialah melihat data pada tahun 2008 *before the big financial crisis, the global financial crisis*. Kadar ataupun kes baru kebangkrapan pada tahap 14,000 sahaja, tetapi kepada data yang terakhir kerajaan iaitu tahun 2014, angka itu telah

mencecah 22,000. Maknanya kita boleh lihat satu *pattern* meningkat bahawa kebangkrapan ini selepas *global financial crisis* berterusan di Malaysia.

Kumpulan terbesar seperti Yang Berhormat Menteri cakap tadi ialah umur 35 ke 44 tahun iaitu 35 peratus, umur 45 ke 54 tahun, 27 peratus. Ketiga, umur 25 ke 34 tahun, 23 peratus. Isunya bukan umur itu. Isunya ialah semua kategori ini yang merangkumi lebih kurang 80 peratus lebih adalah semua orang produktif yang mempunyai kerja. *These are productive age citizens*. Jadi soalan pertama saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah saya hendak minta Yang Berhormat Menteri bagi data terperinci, apakah impak kebangkrapan golongan ini, golongan yang boleh bekerja kepada kutipan *income tax* kerajaan? Berapa banyak yang telah hilang kerja? Apakah impaknya kepada fiskal kita? Sebab kalau kita kira sahaja, lebih kurang terdapat 250,000 orang yang bankrap pada masa ini. Kalau setiap orang *contribute* RM10,000 dalam *income tax*, adakah ini terjejas *collection* itu? Maknanya RM2.5 bilion kita memang kemungkinan terjejas daripada segi fiskal.

Jadi penting sekali undang-undang ini untuk meng-*address* isu *fiscal crisis*. Kita semua tahu kerajaan sudah, saya tidak mahu guna pokailah tetapi kerajaan sudah memang terdesak daripada segi *austerity*. Tahun ini sudah potong bajet kita. Jadi saya juga prihatin, Yang Berhormat Menteri sudah cakap bahawa kereta, beli kereta, *the biggest group*, 28 peratus. Beli rumah 21 peratus, *personal loan* 20 peratus, *business* 12 peratus. Semua 81 peratus *direct connection* dengan isu bank. Jadi isu kebangkrapan memang bersama dengan isu *financial institution* kita.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Kelana Jaya. Sungai Petani.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Oh, silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kelana Jaya, kalau kita lihat *pattern* orang-orang yang telah pun di-*declare*-kan bankrap, kebanyakannya ialah mereka yang beli kereta, rumah, *personal loan*, bukan berniaga. Bukan berniaga. Jadi ini menunjukkan bahawa adakah Yang Berhormat Kelana Jaya bersetuju dengan saya bahawa disebabkan oleh pendapatan mereka yang terhad, kemudian dengan menurunnya nilai ringgit dan kemudian bertambahnya harga barang yang naik menyebabkan mula-mula mungkin dia punya *forecast* dia boleh bayar, tetapi apabila elemen-elemen lain masuk menyebabkan *income* yang dia ada, *disposal income* itu semakin mengecil, ini menyebabkan mereka tidak ada pilihan lain tetapi dia pergi *default loan*-nya. Akibatnya ialah mereka bukan sahaja tersangkut dalam kedudukan yang sudahlah susah, tetapi akibat bankrap ini lagi susah. *Double jeopardy*. Apa pendapat Yang Berhormat Kelana Jaya tentang hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Memang kalau boleh dimasukkan dalam ucapan saya. Memang betul, tetapi terdapat faktor lain juga selain daripada faktor gaji kita, sebab harga barang naik, gaji tidak naik dan juga apa yang kita panggil *economic behavioral hubris*. Kita rasa kita boleh buat, kita boleh beli.

Isu yang paling penting bagi saya ialah isu *predatory landing*. Maknanya bank tahu *you* memang tidak layak, tetapi dia hendak bagi juga sebab dia hendak untung. Jadi isu yang saya hendak, *pattern* yang saya hendak tujukan kepada Dewan yang mulia ini adalah bahawa isu data, *growth numbers of bankrupts. Mirrors directly the free flow of money from quantitative easing*. Maknanya sejak tahun 2008, negara-negara Barat dia cetak duit, tidak cukup duit. Dia cetak, dia salur kepada bank dia. Bank dia salur kepada bank kita. *Hot money* sudah sampai sini. jadi dia hendak untung. Dia punya *interest rate two percent, one percent*. Jadi dia pakai, dia hantar ke Malaysia, kita terdapat banyak *hot money* dan ini juga menyebabkan bank-bank kita giat meminjam kepada orang. Orang yang tidak layak dia pinjam juga.

Jadi apa yang kita perhatikan dari segi *pattern* ialah angka kebangkrapan naik bersamaan dengan lebih wang yang dicetak melalui QE. Oleh kerana terdapat wang cetak yang disalurkan ke dalam *banking system* kita, wang panas ini, *what we called hot money* pula disalurkan kepada peminjam secara agresif melalui amalan *predatory landing*. Orang yang tidak patut terima sudah menjadi orang yang boleh mendapat *credit card*. Kita tahu berpuluh-puluh *credit card* setiap orang boleh ada. Kenapa bank begitu suka memberi pinjaman? Ini kerana wang ini dicetak secara QE. Maknanya dia tidak payah *earn*, dia keluarkan sahaja tetapi QE ini adalah satu-satu masalah, bukan masalah yang terpenting.

■1150

Bagi saya pokoknya ialah peranan bank dan budaya bank sudah lama bertukar. Tuan Yang di-Pertua, dulu *banker* adalah kerja boring, boring ya. Pakai *bowler hat*, UK lah, dia tidak ambil risiko langsung. Akan tetapi sekarang budaya *banking* kita pada hari ini mengejar *maximum profit* melalui sistem ekonomi yang berdasarkan kepada hutang, *a death economy*. Kita tidak kira, dalam 20 tahun ini kita sudah melihat seluruh dunia dan saya pernah dengar ucapan Yang Berhormat Marang mengatakan tentang isu ini ya, *dead economy* maknanya semua hutang sahaja. Melalui sistem ini berdasarkan hutang, lebih hutang lebih baik.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Lebih cepat ekonomi tumbuh, lebih rancak *stock market* macam kasino.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat di belakang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Kelana Jaya, Stampin kalau boleh?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Boleh.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kelana Jaya, saya hendak minta pengesahan dan mungkin pandangan daripada Yang Berhormat. Setahu saya, orang yang bankrap juga tidak boleh buka *bank account*. Jadi bagi orang yang bankrap ini apabila mereka tidak boleh buka *bank account* sepatutnya tenaga yang mereka ada itu sepatutnya dituju kepada macam mana – *how to get from this bankruptcy* dengan izin. Ada tetapi dengan tidak diizinkan untuk membuka

bank account, menyusahkan lagi bagi mereka untuk mengatasi *bankruptcy* ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Ini isu apa yang kita akan katakan, isu jawatankuasa. Nanti saya akan *address* tetapi memang tepat bahawa isu ini isu penting. Kalau kita tidak boleh buat *bank account*, kita tidak boleh berniaga. Kalau kita tidak boleh berniaga, macam mana kita hendak bayar balik hutang kita ya.

Saya terus dengan isu tentang *maximum profit seeking* daripada bank-bank ya ataupun apa yang kita katakan peranan bank sekarang semua *short term profit* dan juga ekonomi yang berdasarkan hutang. Kita tidak payah pandang jauh di Malaysia, dalam kes 1MDB dan bukan *sub judice* ya Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes 1MDB, ini adalah syarikat yang berdasarkan hutang. Mantan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir cakap kita tidak boleh buat satu badan untuk *investment* berdasarkan hutang. Yang 1MDB, duit itu hilang mana kita tidak tahu tetapi yang teruk itu ialah konsep syarikat ini boleh berdasarkan hutang adalah satu konsep yang tidak bertanggungjawab.

Sejak tahun 1981 dengan polisi-polisi Margaret Thatcher dan kemudian Ronald Reagan, selepas itu semua dunia pakai iaitu *policy hyper capitalism*. Bank sedang menjadi satu perkara yang kita panggil *too big to fail* kerana bank-bank kaya melalui perdagangan hutang dan perdagangan wang. Selagi CEO-CEO dibayar mengikut sistem *performance* bonus, maka setiap CEO akan mengambil risiko lebih untuk *maximize short term profit*. Bank tidak lagi memainkan peranan yang sepatutnya iaitu peranan membina ekonomi, memberi sokongan kepada industri tetapi cuma sekarang *maximization of profit* supaya bonus – bonus ini setiap tahun. Jadi ia ada *short term goal*, bonus itu dibayar kepada CEO terhadap *performance* dia. Jadi dia ambil risiko yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *the final link between the issue of bankruptcy and banking, is the fact that banks profits have increased over the same period and the same pattern as the number of bankruptcy cases has increase*. Saya meminta Yang Berhormat Menteri, ini permintaan saya nombor dualah ya. Untuk memberi kita satu penjelasan sama ada Bank Negara ataupun Menteri Kewangan akan membuat satu *study, cost benefit study* yang lebih untuk memantau keuntungan bank dan memberi fokus kepada *correlation* di antara *banks profit* dan *incidence of bankruptcy*. Data bank *profit* di Malaysia memang susah, sukar didapati. Kalau kita hendak buat, kita kena tengok individu bank. *Public* Bank berapa, Maybank berapa, itu kerja yang susah.

Di Amerika, data yang kita perlukan iaitu *total profits of all the banks* senang dicari dengan *Google*. Data ini sangat merunsingkan Tuan Yang di-Pertua sebab sebelum *financial crash* tahun 2008, itu *high the banking industry* punya *maximizing profit*, semua bank di Amerika mencapai USD125 bilion *profit*. Selepas dia bayar bonus-bonus, dia ada *balance* untuk USD125 bilion. Apa yang merunsingkan ialah pada hari ini 2017, data terperinci data terbaru 2016 ialah syarikat-syarikat bank sekarang telah mencapai USD170 bilion *profit, US Dollar*.

Maknanya pada *height 2008*, ekonomi bank terlalu baik, terlalu panas sampai kita *crash*. Sekarang lebih baik selepas lebih kurang sembilan tahun, tidak ada perubahan. Akan

tetapi bank-bank menjadi lebih kaya. Jadi kita juga memantau pinjaman bank di Amerika telah mencapai satu tahap, *the highest ever in history*, 2.5 trilion. Masa 2008 pun dia tidak capai macam ini, ia sampai 2 trilion sahaja. Sekarang 2.5 trilion. Kesimpulan adalah bank masih *too big to fail* dan ekonomi dunia akan terus berdasarkan hutang. Jika hutang berterusan Tuan Yang di-Pertua, maka kes kebangkrapan rang undang-undang yang kita lihat pada pagi ini akan juga berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah cuma bagi saya satu *handy plus* kepada *cancer of the banking system*. Kita sepatutnya merangka undang-undang baru untuk memastikan bank di pantau dan *predatory banking* dihentikan. Kita lebih perlukan undang-undang yang membenarkan bank meminjam kepada orang yang betul-betul layak dan bukannya membenarkan bank untuk meminjam kepada orang tidak layak selepas itu dia menjadi bankrap. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak kita perlukan undang-undang baru untuk memantau bank dan bukannya hendak tolong *after the case* kebangkrapan.

Kesimpulan saya pada tahap dasar ini adalah ini. Sekiranya bank masih gila mengejar keuntungan, maka bank *are the real problem*. Bank mempunyai orang yang cerdik pandai. Kita tahu semua – semua saya *intern*, saya ada 60 lebih *interns* dalam empat tahun ini, semua kalau kita tanya hendak buat kerja apa lepas ini, lepas *internship* dengan saya. Lebih kurang 25 peratus kata dia hendak kerja dengan bank, *financial system*. Dia banyak orang cerdik pandai tetapi kerana ketamakan *shareholder interest are paramount, profits are maximize for short term gain*. Maka walaupun bank benar-benar ada *intelligence, they are very short on conscience*.

Kerja kita di Parlimen ialah untuk memastikan keadilan pada rakyat dan rang undang-undang ini sedikit sebanyak ada tolong, saya setuju. Saya memang menyokong rang undang-undang ini terdapat satu, dua poin yang saya tidak setuju nanti saya akan bantah pada *committee stage*. Akan tetapi kerja yang lebih penting bagi kita ialah memperluaskan dan memastikan bank mempunyai *conscience*. Sekiranya undang-undang aktiviti bank dikemaskan maka Bank Negara boleh pantau bank dengan baik. Masyarakat dan bank boleh *win-win*. Oleh demikian soalan saya terakhir sebelum saya menutup ucapan saya, adakah Yang Berhormat Menteri setuju untuk menubuhkan satu *select committee Parliament* untuk memantau *banking and finance*? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Setiu.

11.58 pg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan merujuk kepada beberapa perkara sahaja dalam pindaan ini. Sebagaimana kita tahu bahawa sekarang ini terlampau ramai sangat rakyat kita yang diisytiharkan bankrap, disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Jadi dalam kalangan mereka itu termasuklah *businessman*, ramai juga *businessman* yang terlibat. Jadi dalam usaha kita untuk mencapai negara maju dan juga pendapatan yang tinggi, maka akta ini perlu dipinda kerana mereka yang

saya sebutkan tadi *businessman* dan sebagainya mereka boleh kembali balik untuk menjalankan perniagaan mereka dan juga mereka yang diisytiharkan bankrap yang hendak berniaga.

■1200

Kita perlu mengubah landskap kewangan kita sekarang dengan harapan saya dengan pindaan ini akan merubah kita punya landskap kewangan kita. Ini kerana perkara ini sebenarnya kalau saya sentuh berkenaan dengan *automatic discharge*. Sebenarnya perkara ini telah diamalkan sejak lama sudah oleh negara-negara maju terutama UK. UK sudah amalkan.

Jadi sebenarnya *automatic discharge* adalah merupakan ciri-ciri kepada negara maju dalam usaha memajukan negara mereka. Kalau kita lihat *automatic discharge* ini kalau dulu mungkin melebihi lima tahun. Sekarang ini sudah ditentukan hanya dalam masa tiga tahun sahaja. Selepas tiga tahun boleh dilepaskan bankrap mereka. Cuma masalah mungkin timbul dalam pelaksanaan sebab kalau mengikut 33C(3) itu, kuasa diberikan kepada *Director- General* Insolvensi untuk menentukan sama ada untuk dilepaskan atau tidak.

Perkara yang disebut dikatakan notis yang perlu dibagi adalah dalam tidak kurang daripada enam bulan tapi dia boleh buat perkara itu dalam masa setahun. Jadi maksudnya notis diberi adakah selepas habisnya tempoh tiga tahun ataupun boleh diambil kira dalam masa yang— selepas dua tahun maksud saya. Ini sebab kalau ikut di sini dia kata tidak boleh serah awal daripada setahun notis itu. Maknanya selepas dua tahun bolehlah diserah notis. Adakah perkara itu telah ditentukan boleh dilepaskan selepas perkiraan selama masa setahun yang diberi masa tersebut.

Saya sangat bersetujulah dengan apa yang diperuntukkan bawah 33C ini. Maknanya akan ramailah mereka yang bankrap, selama ini memang bankrap. Terutama mereka yang dikatakan sosial tadi – sosial bankrap tadi. Kemudian OKU disebut juga. Cuma dalam 33C ini ada sedikit yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan 33C(2)(c) tentang *spouse*. Maknanya adakah pendapatan *spouse* ataupun sama ada *spouse* ini kena bagi kebenaran dulu untuk membantu si bankrap ini.

Ini sebab disebut sini dia kata *the extend to wish the current monthly income of the bankrupt spouse may contribute*. Maknanya saya rasa yang *spouse* ini kita tidak payah ambil kira sangatlah. Kadang-kadang ada orang— isteri-isteri ini kesian dengan dia orang juga. Kalau dia orang ada *income* kita hendak ambil kira *income* mereka itu hendak membantu si bankrap.

Saya ingin menyentuh juga kebaikan pindaan ini antaranya diperuntukkan tentang penyerahan secara ganti pada mereka yang lari, hendak mengelak ke luar negeri dan sebagainya. Cuma persoalannya dalam penyerahan secara ganti ini kita kena tentukan biar betul penyerahan ganti dibuat mengikut yang sebenar-benarnya. Kadang-kadang dia orang ambil peluang daripada peruntukan ini. Peluangnya dia pergi ke rumah yang penghutang tadi. Cara dia pergi pun kadang-kadang dia pergi sekali pun dia sudah buat satu affidavit menyatakan sudah pergi dua, tiga kali.

Jadi peruntukan (1A) ini dalam pindaan seksyen 6 ini memang tepatlah. Ini sebab dia beri kuasa kepada— dia kena buktikan kepada mahkamah semua fakta-fakta bahawa mereka

telah pergi ke rumah yang si penghutang tadi. Jadi bila dia sudah pergi, biar betul-betul dia buat bahawa di rumah itu memang tidak ada orang dan bertanya dengan jiran-jiran dan sebagainya. Dia tidak boleh pergi macam itu tidak ada orang, terus dia failkan permohonan ini. Jadi kita kena pastikan. Pihak mahkamah saya harapkan supaya mengambil kira semua usaha-usaha yang dibuat.

Selain-lainnya mungkin boleh diambil kira kalau hendak hantar SS ini tentukan bahawa mereka ini memang tidak ada dalam negeri. Mungkin dia boleh buat dengan pihak Imigresen, menunjukkan kepada pihak Imigresen, kepada Pejabat Pendaftaran Negara dan sebagainya, menentukan di mana sebenarnya mereka tinggal. Jadi benda-benda macam ini perlu kita ambil kira dalam pindaan kita.

Akhirnya, saya hendak sentuh lagi kebaikan pindaan ini iaitu berkenaan dengan *voluntary arrangement* maknanya kepada penghutang ini dia sebelum dibawa kepada mahkamah, kepada prosiding dan sebagainya. Dia diberikan peluang untuk berbincang dan bila peluang ada maknanya pihak-pihak kreditor pun pihak-pihak pemiutang pun sama-sama juga bersetuju dan bawa pergi mahkamah untuk diberi perintah.

Cuma masalah besar saya, dia kena lantik dalam proses dia untuk buat *voluntary arrangement* tadi dia kena ada pelantikan kepada *nominee*. Jadi *nominee* ini melibatkan sama ada akauntan ataupun peguam. Ini masalah yang mungkin timbul, kita sudah tahu dia itu memang penghutang, sudah tidak ada duit. Tapi bila berlaku pelantikan *nominee* kena bayar dan sebagainya. Kuasa untuk menentukan *fees* itu diberikan kepada Menteri. Ini masalah yang perlu ditentukan berapa banyak sebenarnya *fees* yang kena bayar.

Kalau berlaku kepada Yang Berhormat Pandan okeylah, apa pula tidak ada masalah? Kalau berlaku kepada Yang Berhormat Pandan dia tidak apa, banyak selama ini dia banyak menghentam kita..

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Macam satu— nanti dulu tidak habis lagi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, sebab dia selalu petik nama saya tapi dia tidak pernah pun bagi peluang untuk saya mencelah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak apa, nanti-nanti. Saya bila saya sudah habis, nanti saya beritahu.

Saya hendak beritahu dulu dia masalah kadang-kadang ini macam Yang Berhormat Pandan ini hebat menghentam. Bila dia menghentam kita dia mungkin disaman, mungkin kena tuduh di mahkamah. Bila sudah macam itu adalah maknanya orang yang membela.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, dia lebih lama duduk dalam mahkamah, pelbagai kes.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini semua drama.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang membela, diamlah. Yang Berhormat Kapar ini. Yang Berhormat Kapar pun sama membela barangkali yang susahnyanya bil— kira orang kaya jugalah Yang Berhormat Pandan ini orang kaya juga. Ada beberapa ratus ribu

dalam Tabung Haji. Dia sudah bawa keluar sudah, barangkalilah. Tidak tahulah bawa keluar kah tidak.

Jadi bila dia kena saman ataupun dituduh di mahkamah, ramailah pembela-pembela. Antaranya Yang Berhormat Kapar, okey *free of charge*. Dia *free of charge*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa masalahnya Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nantilah dulu, sabar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa masalahnya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti sabar saya hendak bagi tahu dulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kita juga membela rakyat dan *pro bono free of charge*...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dari segi *fees*...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah tidak ada modal duduk lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak apa.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ramai yang kita bela. Ramai rakyat biasa pun kita bela.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak apa, betul tapi apa yang saya cuba bagi tahu bahawa kalau orang yang berhutang kena bayar *fees*.

■1210

Akan tetapi Ahli Parlimen Pandan, diberi *free*. Okey? Apa yang kita panggil itu? Kalau servis kepada seseorang..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta penjelasan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sama ada ahli Parlimen yang memegang jawatan dalam parti diberi servis *free*. Apa yang kita hendak katakan ini sebagai apa? Ini merupakan sebagai satu rasuah. Adakah ia termasuk di dalam rasuah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar berdiri.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa yang, sabar dulu belum habis, saya hendak sentuh. Ada lagi sikit.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Setiu, saya mohon untuk ada satu celahan. Tidak pernah diberi kepada saya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sabar, sabar, sabar. Dia sama juga. Macam Yang Berhormat Pandan ini pun dia tidak bagi celahan kalau dia..

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya bagi celahan kepada semua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya pernah bangun beberapa kali, saya hendak cuba, tidak boleh.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *No substance*. Tidak pernah, Yang Berhormat Setiu tidak pernah berucap cuba celah semasa saya berucap.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi persoalan sekarang ini, masalah sekarang ini bila BR1M dikatakan rasuah. Bila perkara-perkara macam ini tidak dikatakan rasuah. Benda BR1M dikatakan haram. Yang susah haram.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiu..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Akan tetapi masalahnya sebelah sana ini dia lupa, dia lupa satu perkara.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya betul-betul minta penjelasan. Ini satu penghinaan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mereka yang..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu penghinaan kepada peguam-peguam yang membuat .. kes secara pro bono sebagai..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kepada siapa..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sebagai seorang hakim dia sepatutnya arif, faham tugas seorang peguam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ya. Diminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri itu duduk dulu. Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Duduk, *this is not your floor.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *This is not my floor but you are talking rubbish.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *You want me to seat here and listen to your rubbish.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini fakta saya bercerita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan mesyuarat Speaker apabila bercakap, semua Ahli Yang Berhormat duduk. Jelas sekarang peraturan mesyuarat, duduk kalau Speaker bercakap. Satu lagi, ingat kalau berhujah, jangan ada sangkaan jahat, jangan menggamit reaksi negatif daripada pihak sebelah kerana kalau ada reaksi negatif bermakna kecoh. Perjalanan mesyuarat tidak lancar, sila Yang Berhormat Setiu teruskan dan elakkan sebut nama. Apabila sebut nama memang ada reaksi dari Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Kapar. Sila teruskan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Khusus kepada apa yang dibincang iaitu kebankrapan. Sila.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebab dia orang bercakap saya tidak pernah ganggu. Bagi saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu bagi laluan Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Kapar?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak bagi, tidak bagi, tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada, okey teruskan. Elakkan isu itu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebab saya takut tidak sempat. Sebab saya bercerita tadi pasal *fees*. Hendak bercerita pasal *fees* ini, ada yang *in the free* tetapi kalau orang yang penghutang ini tidak dapat *free* lah. Fasal saya kata rasuah pula tadi, bila disebut perkara begitu mungkin boleh jadi satu rasuah. Ada yang orang tua yang memang pada saya tidak sedar diri, dia kata BR1M yang diberi oleh kerajaan ini adalah merupakan satu rasuah dan haram pula. Akan tetapi dia lupa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan, Petron siapa punya? Kilang arak, siapa punya? Kilang judi siapa punya? Akan tetapi semua diam. Yang Berhormat Pandan juga yang sebut. Yang Berhormat Pandan juga yang sebut.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi perkara macam ini..

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [Bangun]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mengapa disebut haram, kenapa bila ada perkara macam ini..

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tidak sekarang Yang Berhormat yang berdiri itu tolong duduk sekejap. Duduk dulu. Okey, tidak apa, tidak apa. Ahli-ahli Yang Berhormat Kapar duduk dulu, duduk dulu.. duduk dulu, duduk dulu Yang Berhormat..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu saja, satu saja,...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk. Tidak apa, selepas nanti Yang Berhormat Setiu berhujah, siapa tadi yang mahu *rebate* kepada apa yang ditimbulkan, saya beri laluan. Saya akan bagi laluan kepada Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Kapar. Tidak apa, jangan ganggu dia. Sila.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu arahan yang tepat. Jadi saya hendak beritahu sedikit lagi tentang kilang arak, kilang judi ini. Ha, kena pandai-pandailah. Akan tetapi yang beraninya memang Yang Berhormat Pandanlah, Yang Berhormat Pandan memang berani. Dia buka benda ini. Dia minta jangan beli minyak di Petron kalau tidak membantu Mahathir dan kroni-kroni dia. Dia masalah dengan Yang Berhormat Pandan ini dia suka bergurau sebenarnya. Dia bila dia sudah bantai kita, hentam kita, akhirnya dia kata itu gurauan. Akan tetapi Yang Berhormat Pandan jangan orang panggil kita biawak esok. Tahu tak? Ha, dia orang Terengganu, orang Besut..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua: *This is..*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti dulu, saya tak kata dia biawak, saya kata jangan orang panggil esok Yang Berhormat Pandan ini biawak. Maksud saya, kalaulah setiap yang kita hentam gurauan itu dipanggil gurauan biawak. Tahu ya? Siapa Kelantan? Siapa Kelantan, gurau '*bewok*' dipanggil. Inilah berlaku dalam Parlimen ini sebenarnya dan juga di luar-luar. Jadi saya hendak katakan bahawa *general* ini masalah

dasar. Dasar saya boleh bercakap apa sahaja. [*Dewan riuh*] Semua boleh. Sebab saya hendak kaitkan dengan dia punya fees. Saya bercerita bukan pasal benda lain. Saya bercerita pasal fees kepada penghutang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini AP biawak ini.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang pun hendak jadi biawak juga ke? Hentam, hentam, hentam, selepas itu gurau. Ya, macam itu ya? Hendak jadi biawak, jadilah biawak. Boleh. Jadi saya akhirnya saya menyokong pindaan ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pandan.

12.16 tgh.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Beberapa Ahli: Go, jangan bagi peluang.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya sebenarnya tidak berniat untuk berucap membahaskan dengan panjang kerana kita ada sahabat-sahabat yang lebih berkemahiran. Akan tetapi oleh sebab dia sudah menjadi satu acara mingguan untuk Yang Berhormat Setiu bangun dan memaki hamun saya di dalam Dewan, saya tidak kisah langsung kerana video ini akan disiarkan di dalam media sosial. [*Tepuk*]

Saya sangat bersyukur kerana beliau bukan lagi seorang hakim kerana sangatlah berbahaya kalau ada seorang hakim yang berpandangan seperti ini. [*Tepuk*] Saya hendak kembali kepada dengan secara cepat Tuan Yang di-Pertua, bahawa rang undang-undang yang kita bincangkan sekarang ialah mengenai Akta Kebankrapan 1967 dan saya ada lihat dengan sepintas lalu secara cepat yang saya juga hendak sentuh sedikit apa yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Setiu tadi.

Dalam banyak-banyak perkara yang cuba dibawa di dalam pindaan ini, seperti juga yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sementara kita menghargai pindaan untuk membolehkan lebih ramai orang mempunyai jalan yang lebih mudah supaya dibawa keluar daripada senarai muflis.

Akan tetapi jika kuasa itu dipusatkan di tangan Yang Berhormat Menteri, maka itu boleh membuka ruang yang mana Yang Berhormat Menteri boleh menjadi broker untuk memastikan seseorang itu boleh dibawa keluar dari senarai muflis. Yang ini Tuan Yang di-Pertua yang ada konsep rasuah. Bukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu.

Apabila saya membawakan isu-isu rakyat dan saya mendedahkan ketirisan penyelewengan yang melibatkan pentadbiran kerajaan kerana wang itu adalah wang rakyat, maka sudah ada kumpulan lain yang merasakan sedang Ahli Parlimen berdepan dengan pelbagai tekanan baik diserang tiap-tiap malam di dalam TV3 dan media kerajaan, baik diserang di luar, baik difitnah, sudah tentu ada sekumpulan di belakang seperti peguam-peguam yang merasakan paling kurang yang mereka boleh buat ialah membela wakil-wakil rakyat yang cuba membawa isu rakyat dan penyelewengan kerajaan. [*Tepuk*] Unsur rasuah hanya boleh timbul..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sikit sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ya, ya, ya, Yang Berhormat Setiu sila Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ada satu Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya tidak seperti Yang Berhormat Setiu, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak, sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak, saya ulas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu duduk. Sila teruskan. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak bawa konsep rasuah ialah perbezaan yang jelas. Rasuah ini melibatkan pertembungan kepentingan yang mana seseorang yang boleh membuat keputusan yang tidak adil kepada umum sehingga dia boleh mendapat sesuatu keuntungan daripada keputusan itu.

Jadi kalau dibandingkan dengan Akta Kebankrapan, seorang Menteri atau pegawai kerajaan yang ada kuasa untuk pastikan seorang itu muflis ataupun tidak, tak payah bayar hutang ratus-ratus juta atau pun tidak, keputusannya itu boleh disalahgunakan supaya dia dapat keuntungan daripada itu.

■1220

Itu ada unsur rasuah. Akan tetapi seorang wakil rakyat yang tidak berduit hanya kerana dia membawa isu yang mendedahkan kepincangan pentadbiran kerana itu memang tugas kami sebagai wakil rakyat pembangkang. Apabila ada peguam-peguam.....

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *[Mencelah]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Nanti saya habiskan ayat. Kemudian Yang Berhormat Setiu boleh mencelah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sikit sikit sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ya, Yang Berhormat Setiu boleh mencelah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Oleh sebab Yang Berhormat Pandan dia ulas apa yang saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu duduk, Yang Berhormat. Ini selama lebih kurang sembilan tahun saya cuba untuk mewujudkan satu budaya Parlimen, di mana dalam perbahasan mesti kita beretika dan mengikut Peraturan Mesyuarat. Satu, apabila kita berhujah kita tidak mahu diganggu maka kalau kawan lain berhujah jangan kita ganggu. Kalau kita tidak mahu umpamanya disindir ataupun ada hujah-hujah yang kita rasa pedas, jangan berhujah menyindir dan nanti kita rasa pedas. Kalau kamu bantu saya, Ahli-ahli Yang Berhormat bantu saya dengan budaya begitu kita dapat berbahas dengan cara baik. Sila teruskan, Yang Berhormat Pandan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat penjelasan sahaja. Sebab apa yang dia ulas tadi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum saya beri Yang Berhormat untuk berdiri. Sila duduk, Yang Berhormat. Apabila tadi Yang Berhormat sedang berhujah ramai yang berdiri

tetapi Yang Berhormat tidak kasi laluan. Jadi kalau Yang Berhormat Pandan berdiri lepas itu Yang Berhormat diganggu, saya kasi laluan pula bermakna saya dinampak tidak adil. Kalau Yang Berhormat sahaja yang duduk di sini saya tidak nampak tidak adil tidak apa. Akan tetapi ada di *public gallery* sana yang tengok. Sila, Yang Berhormat Pandan teruskan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya tidak berniat untuk memanjangkan perkara ini kerana saya tidak sepatutnya berucap untuk isu ini. Akan tetapi, saya hendak tutup dengan soal perbandingan rasuah tadi. Kalau dalam Akta Kebankrapan seperti yang saya sebut, kuasa Menteri dan pegawai-pegawai yang terbabit mesti kita pastikan ada timbang tara supaya ia tidak membuka ruang seorang Menteri boleh menghapuskan hutang sampai beratus-ratus juta. Setelah seseorang itu berada di dalam senarai mufliis satu dua tahun kemudian dibebaskan. Ini kerana kalau kita lihat di negara-negara asing terutamanya Amerika Syarikat adalah menjadi satu kebiasaan sesebuah syarikat besar menubuhkan anak syarikat. Kemudian anak syarikat itu menjalankan perniagaan yang merugikan sehingga puluhan juta wang rakyat hilang. Kemudian syarikat itu akan memfailkan notis kebangkrapan. Jadi, itu satu strategi perniagaan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua bahawa mengambil wang orang untuk buat perniagaan kemudian bankrap kerana satu dua tahun kemudian boleh dilepaskan.

Jadi saya minta supaya Dewan selepas ini, kita tengok pastikan bahawa sementara niat kita untuk memastikan orang biasa yang selalu menjadi mangsa kepada Akta Bankrap ini dapat dimudahcarakan hanya kerana dia menjadi penjamin. Dia tidak tahu pun dan hutang yang tertunggak itu mungkin RM10,000 dia telah jadi mufliis. PTPTN mungkin jadi mufliis, orang ini patut diberi kelebihan dan juga dimudahcarakan. Akan tetapi bukan untuk perniagaan syarikat besar yang mengambil wang rakyat dan kemudian memfailkan kebangkrapan hanya untuk dilepaskan balik satu dua tahun kemudian oleh pihak yang bertanggungjawab. Ini kerana itu akan memusatkan kuasa yang besar dalam keadaan itu lah saya hendak jawab apa yang Yang Berhormat Setiu sebut tadi. Itu baru ada risiko dan unsur rasuah kerana seorang pegawai awam mempunyai kuasa yang cukup besar dan dengan keputusan itu boleh menyebabkan pihak lain dan dia sendiri mendapat untung laba puluh-puluh juta.

Keadaan saya sangat berbeza. Saya hanya ada kucing. Saya tidak ada kuasa lain, harta lain apabila peguam-peguam membela saya memang betul secara percuma saya hanya membayar *reimbursable*. Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pandan. Saya ingin menggunakan ruang ini untuk merekodkan maklumat bahawa di negara kita ada *legal aid bureau*, kita ada Yayasan Bantuan Guaman (YBGK) yang membantu rakyat biasa. Sebagai seorang peguam, kita bukan sahaja memilih seseorang individu untuk mempertahankan. Di mana kita rasa ada keadilan, kebenaran, kebajikan yang perlu dibawa ke hadapan. Kita sebagai peguam akan mempertahankan hak mereka dari sudut *pro bono*. So, untuk menghina tugas kami atau memperlekehkan tugas kami, saya rasa tidak sesiapa pun ada hak sedemikian. Hak saya ingin merekodkan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih, Yang Berhormat Kapar dan saya masukkan perkara itu sebagai sebahagian ucapan saya. Memang benar saya juga di Pandan contohnya, ada satu kumpulan peguam-peguam anak muda yang saya guna dan minta bantuan mereka untuk membela orang-orang biasa yang jatuh bankrap atas sebab perkara-perkara seperti menjadi penjamin ataupun lewat bayar hutang kereta dan lain-lain.

Peguam bukan sahaja membela orang seperti saya dengan percuma. Saya hanya satu kes dalam sejuta. Banyak lagi peguam-peguam lain yang membela rakyat biasa yang selama ini mungkin menjadi mangsa kepada undang-undang atau peraturan yang berat sebelah. Jadi sebab itu dalam kes kami, sama ada saya atau rakyat biasa oleh — dan Dato' Seri Anwar Ibrahim, mantan Permatang Pauh sendiri. Oleh sebab kami tidak mempunyai kuasa untuk membalas apa-apa jasa, tidak ada imbuhan yang boleh kami bagi. Maka itu tidak ada unsur rasuah. Jadi saya ingin perbetulkan Yang Berhormat Setiu adalah tidak benar sekiranya...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini yang masalahnya. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya tidak boleh bagi kerana saya sudah bagi ruang tadi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini saya rasa dia salah. Saya rasa peguam boleh beritahu apa maksud rasuah ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagi kat siapa? Bagi kat Yang Berhormat Setiu.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Minta supaya Yang Berhormat Pokok Sena dapat mencelah sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa Yang Berhormat bersetuju tidak dengan saya bahawa penyalahgunaan kuasa Menteri itu bukan hanya akan sahaja berlaku selepas seseorang itu disenaraikan sebagai senarai bankrap? Akan tetapi penyalahgunaan itu juga, unsur rasuah itu boleh berlaku apabila mahkamah telah menjatuhkan perintah supaya si yang berhutang itu membayar. Contoh-contoh saya kata, Exco Kerajaan Negeri Kedah, Ketua UMNO Bahagian Merbok, Yang Berhormat Dato' Tajul Urus. Dia telah pun di saman oleh Bank Pembangunan. Pada Januari baru-baru ini, mahkamah telah mengarahkan untuk dia membayar RM48 juta lebih. Ini Exco Kerajaan Negeri, RM48 juta. Dia dan juga beberapa orang defendan yang lain. Sampai sekarang dia tidak bayar. Sampai sekarang dia tak bayar. Malah dia ada buat permohonan atas nama anak dia untuk memohon mendapatkan beberapa bidang tanah dalam kawasan Sungai Petani, kalau tidak silap saya. Ya.

Jadi ini juga saya fikir dan permohonan itu dibuat dalam Januari tahun ini. Jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini juga merupakan satu unsur rasuah dan juga boleh berlaku bahawa ada satu pengarahannya nanti untuk mengarahkan Bank Pembangunan jangan lagi mengambil tindakan untuk memfailkan bagi menuntut dia disenaraikan sebagai seorang bankrap dan kemudian boleh berlaku — mungkinlah UMNO duit banyak. Lebih lebih RM2.6 bilion itu bayar RM48 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini lagi jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah buat reaksi kepada apa yang disuruh tadi kerana itu ialah andaian.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ya ya.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang belum berlaku.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Setiu minta penjelasan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya rasa dua-dua ni tidak faham ni.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh. Saya akan beri ruang sepenuhnya kalau masa mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Pandan tidak faham. Yang Berhormat Pokok Sena lagi tidak faham.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kalau masa mengizinkan saya boleh ambil celahan daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sila.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik. Saya hendak sambung. Saya sebenarnya hendak berucap pendek sahaja. Cuma itulah Yang Berhormat Setiu lain kali jangan bagi bola tanggung nanti kena sepak balik begini.

[Dewan ketawa]

Seperti yang disebutkan....

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bagi bola tanggung. Saya hentam.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi....

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tidak bola tanggung, saya bagi fakta.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kalau Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi Tuan Yang di-Pertua mungkin boleh dikira sebagai andaian. Akan tetapi surat daripada Ketua Setiausaha Sulit Yang Amat Berhormat Pekan kepada satu bank yang memohon supaya tindakan mufliis terhadap Ketua UMNO Bahagian Kepong yang juga suami kepada Ketua Audit Negara sekarang, itu bukan satu andaian. Itu surat yang memang dikeluarkan oleh pejabat Yang Amat Berhormat Pekan.

■1230

Jadi sebab itu soal Akta Kebankrapan ini sementara saya menyokong sepenuhnya, kita memudahcarakan supaya orang-orang biasa, rakyat biasa terutamanya yang muda, tidak terlalu cepat dijatuhkan hukuman mufliis. Saya mohon supaya kita ada dua peringkat, supaya

yang besar, “jerung”, syarikat besar ini perlu dikawal selia oleh dengan lebih ketat supaya kuasa itu tidak ada di tangan Yang Berhormat Menteri secara mutlak.

Oleh sebab yang ada sekarang ini pun, boleh ada surat-surat daripada orang-orang yang berpangkat besar dalam kerajaan, yang memberi arahan atau dilihat sebagai memberi cadangan supaya kalau yang diambil tindakan itu adalah orang-orang besar, tindakan itu tidak diambil segera. Sedangkan kalau yang muda-muda, yang orang biasa ini, kalau terlewat bayar RM2 ribu, RM5 ribu, RM10 ribu dengan segera akan dijatuhkan hukuman.

Akhir sekali saya hendak tutup, sebenarnya saya hendak menjawab sedikit saja. Terima kasih ruang yang diberikan Tuan Yang di-Pertua. Masa yang kita ada dan kesempatan di dalam Dewan ini cukup pendek kerana kita ada ramai yang hendak bercakap. Kita sepatutnya menggunakan sepenuhnya untuk membawa isu rakyat. Saya tidak ada masalah untuk dihentam tiap-tiap hari di dalam dan luar Dewan.

Akan tetapi amatlah merugikan rakyat dari Setiu apabila wakil rakyat mereka masuk ke dalam Dewan, membahaskan rang undang-undang yang cukup penting bagi rakyat tetapi tidak menggunakan sepenuhnya ruang itu untuk membahaskan tentang rakyat. Akan tetapi cuba membodek Yang Amat Berhormat Pekan dengan menghentam saya. Saya tidak ada terkesan langsung panggil saya biawak. Panggillah saya apa pun, saya buat tugas saya sebagai pembangkang.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini yang susah. Pandai dia.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Maka Yang Berhormat Setiu sebaiknya menggunakan...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalah dengan Yang Berhormat Pandan ini, dia suka pusing tahu. Apa yang saya beritahu, lain yang dia cakap.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Cakap apa?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya hendak bela lah sebagainya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyaa-Allah*.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak ada masalah bela sekarang.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Boleh, boleh sikit Yang Berhormat Pandan?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Salah cakap semua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, duduk.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Duduklah Yang Berhormat Setiu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu yang sedang berdiri. Duduk dulu. Saya sejak memegang jawatan Tuan Yang di-Pertua ini, sudah beberapa kali kena saman apabila saya jalankan tugas. Jadi saya harap ada peguam-peguam di luar sana yang nanti bela saya secara percuma.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah, boleh, boleh. Tidak ada masalah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak boleh. Ada pegang jawatan tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat Pandan. Selepas daripada sebelah kiri, sebelah kanan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

12.32 tgh.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di Dewan ini pada hari ini mengenai Rang Undang-undang Kebankrapan. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan objektif kepada pindaan akta ini adalah untuk mengurangkan bilangan bankrap dan beri mereka yang sudah bankrap satu peluang untuk membina semula kehidupan mereka. Pindaan baru akta ini juga akan menjadikan prosiding kebangkrapan lebih sukar untuk dimulakan bagi pemiutang dan ini akan membolehkan penghutang mempunyai lebih banyak masa untuk mendapatkan bantuan.

Sebelum pindaan akta ini, pemiutang dibenarkan untuk menggunakan penyampaian gantian iaitu *substituted service*, dengan izin seperti surat khabar sebagai cara tidak langsung untuk menyampaikan notis. Cara ini telah menyebabkan ramai penghutang terganggu apabila mereka mendapati mereka telah diisytiharkan mufliis padahal mereka tidak mempunyai pengetahuan ataupun menerima notis tuntutan kebangkrapan oleh pemiutang secara kediri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dengan pindaan yang dicadangkan dalam akta ini, melainkan terbukti bahawa penghutang dengan sengaja melambatkan penghantaran notis kebangkrapan secara kediri atau berada di luar negara, pemiutang akan diwajibkan untuk mengambil langkah tambahan dalam memastikan penghutang menerima notis kebangkrapan secara kediri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan pengenalan mekanisme penyelamat iaitu *voluntary arrangement* kerana ia membolehkan penghutang untuk melindungi penyelesaian hutang dengan pemiutang mereka. Mekanisme ini adalah sejajar dengan amalan negara-negara maju seperti Singapura dan juga United Kingdom. Ini akan memberi lebih ruang kepada penghutang untuk mengelakkan daripada perintah kebangkrapan dan juga mengelakkan kesan kebangkrapan seperti larangan ke luar negara dan pembekuan akaun bank. Mekanisme yang baru ini juga akan membolehkan penghutang untuk menyelesaikan hutang mereka pada sekali

gus dengan peningkatan semua hutang yang tertunggak kepada satu rancangan pembayaran sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju pengenalan pelepasan automatik yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Pada masa ini, walaupun sesuatu penghutang telah membayar semua hutangnya, penghutang tersebut masih tidak dilepaskan daripada kebangkrutan dan perlu membuat permohonan kepada mahkamah untuk perintah pelepasan kebangkrutan ini. Ini akan mengambil masa yang panjang dan lama. So, dengan pelepasan automatik ini, akan mempercepatkan proses tersebut dan membolehkan orang keluar dari kebangkrutan dengan lebih cepat.

Saya juga ambil kesempatan hendak ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mempertimbangkan untuk memberi perlindungan kepada penjamin sosial. Ini adalah kerana kebanyakan individu yang diisytiharkan muflis adalah penjamin sosial. Dalam 11,159 individu yang diisytiharkan bankrap iaitu di antara tahun 2010 dan Oktober 2015 sebanyak 60.8 peratus adalah penjamin sosial yang telah memberi jaminan untuk ahli keluarga mereka. Selepas Rang Undang-undang diluluskan, penjamin sosial akan mendapat imuniti penuh daripada prosiding kebangkrutan manakala penjamin sosial yang telah diisytiharkan muflis akan dilepaskan daripada kebangkrutan.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa penjamin sosial adalah bebas daripada hutang yang telah dijamin oleh mereka. Pemiutang masih boleh mengambil tindakan undang-undang seperti menyaman mereka atau menyita harta mereka. Tambahan pula peningkatan dalam nilai minimum kebangkrutan daripada RM30 ribu kepada RM50 ribu dengan berkesan akan mengurangkan bilangan orang yang layak menjadi muflis.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan pindaan-pindaan dalam akta ini akan dengan berkesan mengurangkan jumlah bankrap di negara kita, tapi ia mungkin tidak menangani punca kepada masalah ini. Bilangan bankrap di negara ini masih membimbangkan dan ia tidak hanya terdiri daripada isi rumah berpendapatan rendah tetapi juga golongan atasan, isi rumah berpendapatan sederhana dan golongan profesional. Fenomena ini adalah disebabkan ramai orang dengan izin, *over leverage* dan menanggung lebih banyak hutang daripada apa yang mereka dapat mengendalikan. Punca utama tersebut adalah disebabkan oleh kesan kumulatif daripada pinjaman yang berganda. Kesan ini lebih buruk lagi apabila individu telah dikenakan faedah tinggi bagi pembayaran lewat.

Sebagai kos sara hidup naik secara tahunan ke tahunan, ditambah dengan pertambahan upah yang terbantut, semakin ramai orang mendapati bahawa mereka memerlukan untuk meminjam lebih demi menampung kehidupan mereka. Statistik daripada KWSP telah menunjukkan bahawa pada Disember 2015, iaitu 91 peratus dari ahli KWSP yang aktif berpendapatan kurang daripada RM6 ribu sebulan. Sebanyak 83 peratus berpendapatan kurang daripada RM4 ribu sebulan dan 58 peratus berpendapatan kurang daripada RM2 ribu.

■1240

Ini adalah selaras dengan data dari Laporan Tinjauan Gaji dan Upah Tahun 2015 yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik yang menyatakan di mana separuh daripada jumlah pekerja di negara kita berpendapatan lebih kurang daripada RM1,600 sebulan. Justeru, keperluan untuk menangani isu struktur gaji yang rendah dan pertumbuhan gaji yang terbantut perlu dibangkitkan di sini.

Apakah punca utama orang diisytiharkan mufliis? Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik yang disediakan oleh Jabatan Insolvensi antara tahun 2007 dan 2015, ketidakupayaan untuk membayar pinjaman sewa beli kereta adalah punca untuk kebangkrapan iaitu menyebabkan 43,811 kes kebangkrapan ataupun 27 peratus daripada keseluruhan 162,977 kes iaitu jumlah kes di negara kita ini. So walaupun kegagalan membayar pinjaman sewa beli kereta merupakan punca utama kebangkrapan, namun pemilikan kereta di negara kita masih tinggi iaitu golongan 10 peratus termiskin daripada isi rumah di Kuala Lumpur dianggarkan memiliki sekurang-kurangnya satu buah kereta. Ini adalah kerana disebabkan oleh kekurangan sambungan pengangkutan awam yang berdaya maju.

Isi rumah di seluruh negara secara purata didapati membelanjakan hampir 10 peratus daripada jumlah perbelanjaan mereka ke atas kos pengangkutan kerana mereka bergantung berat kepada kenderaan persendirian. Perbelanjaan kos pengangkutan kalau dibandingkan dengan pendapatan isi rumah di Kuala Lumpur juga didapati 50 peratus lebih tinggi daripada di Hong Kong dan juga di Tokyo. Bank Negara telah melaporkan bahawa pada tahun 2014 hanya 17 peratus daripada jumlah penumpang di Kuala Lumpur menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan 62 peratus di Singapura dan 89 peratus di Hong Kong.

Bank Dunia menyatakan bahawa penggunaan yang rendah pada pengangkutan awam adalah disebabkan oleh sistem pengangkutan awam semasa tidak mempunyai keteguhan dan rangkaian yang mencukupi untuk mengendalikan kerumitan asas mereka. Oleh itu kita mesti terus menerajui pembangunan sistem dan infrastruktur pengangkutan awam untuk mengurangkan penggantungan kepada pengangkutan persendirian dan dengan itu akan meringankan beban hutang dan mengurangkan risiko masalah kewangan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kebimbangan yang menekankan adalah bahawa jumlah hutang telah diambil harus berbanding dengan keupayaan isi rumah untuk membayar. Ini adalah kerana terdapat kekurangan undang-undang kredit pengguna untuk melindungi pengguna dan mandat yang ditetapkan daripada pihak berkuasa untuk mewajibkan semua pembekal kredit pengguna untuk dengan jelas mengiklankan kadar benar peratusan iaitu tahunan atau juga dikenali sebagai *annual percentage wage* iaitu APR.

Negara seperti Australia telah mewajibkan semua industri kredit untuk menyediakan dan mengiklankan semua maklumat yang relevan termasuk kadar perbandingan, kadar benar tahunan, yuran dan caj tambahan dan sebagainya untuk membantu pengguna mengenal pasti kos sebenar kredit yang ditawarkan oleh mereka. Oleh itu saya menyeru kepada kerajaan untuk mempertimbangkan dan mengkaji penggubalan iaitu undang-undang kredit pengguna untuk

menguatkan perlindungan kredit pengguna dan melindungi lebih orang ramai daripada terperangkap daripada kadar faedah pemangsa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih membimbangkan daripada statistik kebangkrutan adalah jumlah golongan belia yang diisytiharkan mufliis. Sejak tahun 2011 hingga 2014, trend kebangkrutan di golongan belia telah semakin meningkat. Tidak menghairankan faktor utama yang menyebabkan ramai golongan belia menjadi bankrap adalah kerana kegagalan untuk membayar pinjaman sewa beli kenderaan, diikuti oleh pinjaman harta tanah dan peribadi.

So punca utama mengapa ramai yang dibelenggu hutang tanpa keupayaan untuk membayar balik akan menghadapi risiko kebangkrutan terutama golongan belia adalah disebabkan oleh kekurangan celik kewangan dan tabiat pengurusan kewangan. Saya percaya dengan teguh bahawa nilai-nilai literasi wang dan tabiat pengurusan kewangan harus diterapkan dalam diri seseorang sejak kecil. Oleh yang demikian, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: ...Di bawah agensi kaunseling dan pengurusan kredit iaitu AKPK untuk menyemai tabiat pengurusan wang dan kecekapan kewangan di kalangan pelajar pada usia muda melalui kerjasama dengan sekolah-sekolah awam dan institusi pendidikan lain untuk mengintegrasikan pendidikan...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat mengatakan belia yang terlalu susah hendak bayar hutang. Pada masa kini kita mendengar, kita menerima laporan bahawa kebanyakan belia kita yang baru bekerja telah diberi kemudahan kad kredit oleh bank-bank dan institusi kewangan dan dengan kad itulah mereka cuba hendak berbelanja dengan membeli pakaian yang mewah, kasut yang mewah, *handphone* yang mewah dan sebagainya. Jadi apabila waktu hendak membayar, inilah jadi kegagalan untuk mereka membayar sehingga mereka diisytiharkan bankrap oleh bank-bank.

Jadi adakah perkara begini kita mengharapkan dapat dalam rang undang-undang baru ini disebabkan galakan daripada pihak bank dan penjual-penjual barang-barang seperti *handphone* dan sebagainya ini dapat kita bendung. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Yang Berhormat Sibuti, ini boleh masukkan sebagai sebahagian ucapan saya. Inilah yang kita semua prihatin yang dibangkitkan. Saya sebenarnya - kerajaan telah melaksanakan pelbagai program iaitu di bawah AKPK dan lain-lain. Ini pun salah satu langkah yang diambil oleh pihak kerajaan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sekijang, boleh Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih. Saya tertarik juga dengan hujah yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan golongan belia ini

kebanyakan kes mereka terlibat dengan muflis atau bankrap ini adalah kerana mereka membuat pinjaman berkaitan dengan sewa beli kenderaan. Kalau kita lihat hari ini, rata-rata orang muda yang membeli kenderaan, mereka menggunakan kenderaan ini biasanya lebih kepada untuk memudahkan mereka bergerak untuk pekerjaan. Namun apa yang kita lihat hari ini ialah faktor institusi kewangan yang dilihat kadang-kadang memberikan terlalu banyak kelonggaran untuk golongan belia ini memiliki kenderaan.

Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, sejauh mana kita melihat peranan institusi kewangan ini sendiri. Sepatutnya mereka sebagai sebuah institusi kewangan yang tahu pemohon-pemohon ini terutamanya golongan belia yang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sibuti tadi, baru masuk kerja dan sebagainya ini yang kita tahu kelayakan kewangannya belum cukup tempoh matang untuk melayakkan mereka memiliki kenderaan ini diberikan peluang untuk memiliki kenderaan.

■1250

Adakah pihak institusi kewangan sedar bahawa peluang kalau ada 10 orang peminjam yang meminjam kenderaan ini, biasanya tiga orang atau empat orang akan mengalami masalah berkaitan dengan pembayaran semula sewa beli ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Ini memang saya setuju pandangan Yang Berhormat Sekijang. Boleh masukkan dalam sebahagian ucapan saya. Akan tetapi langkah-langkah yang perlu diambil termasuk tadi saya pun sebut iaitu sekatan undang-undang kredit pengguna iaitu satu langkah juga cara untuk atasi masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan juga golongan yang membeli kereta sewa. Ini kerana tadi Yang Berhormat Sekijang pun tadi sebut iaitu apabila mereka mula kerja, sudah jadi *need you know*, keperluan untuk ada kenderaan ke pejabat dan ke tempat-tempat mereka kerja. Terima kasih.

So, saya teruskan dengan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program di bawah agensi iaitu AKPK untuk menyemai tabiat pengurusan wang dan kecelikan kewangan di kalangan pelajar pada usia yang muda melalui kerjasama dengan sekolah-sekolah awam dan institusi pendidikan lain untuk mengintegrasikan pendidikan kewangan iaitu mustahaklah ke dalam kurikulum pelajaran, menjalankan aktiviti kurikulum seperti bengkel untuk para pendidik dan pelajar dan juga menjalin perkongsian dengan institusi kewangan untuk menjalankan seminar kesedaran dan pendidikan kewangan yang berkaitan dengan produk perbankan, insurans dan pengetahuan asas kewangan.

Namun, statistik individu terutama golongan muda yang diisytiharkan bankrap masih tinggi. Dengan itu, saya ingin mendapatkan pencerahan daripada kerajaan. Pertama iaitu berapa ramai individu yang menyertai program yang dijalankan oleh APKP? Kedua, berdasarkan kepada jumlah penyertaan, berapa ramaikah yang telah berjaya melangsaikan dan berjaya kekal kepada rekod kewangan yang positif setelah menyertai program di bawah AKPK? Sebaliknya, berapa jumlah peserta AKPK yang telah gagal dalam kewangan dan menjadi bankrap?

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang.

12.53 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah meneliti kesemua cadangan-cadangan dalam rang undang-undang ini. Saya pada dasarnya bersetuju dengan rang undang-undang ini sebab saya rasa ini satu yang baik, khususnya dalam melindungi mereka yang berhadapan dengan masalah kewangan ini.

Telah banyak sangat *amendment* yang *substantive* dibuat ke atas rang undang-undang ini. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Setiu. Bagi saya, Yang Berhormat Setiu kalau bankrap, bankrap idea. Tidak ada idea. Relaks.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang kena sedar diri sedikit Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedar ini.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jangan bercakap benda yang auta.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta izin dahulu, baru bangun.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti kena lagi nanti. Sabar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ada masalah. Tidak ada masalah. Kena lagi, kena 10 kali - Memang betul-betul bankrap idea pun, tidak ada idea.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau bankrap idea, saya tidak cerita pasal akta bawah *arrangement* apa semua tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini makna kata yang betul-betul kata auta. Makin *spin*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan tadi dia sebut fasal biawak. Sebenarnya yang sebut biawak ini Ahli Parlimen Marang. Dia kata tak nak masuk UMNO sebab memikul biawak hidup. UMNO yang dituduh biawak hidup. Kenapa hendak tuduh orang biawak pula?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang faham tak maksud saya biawak ini?

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya: Baca betul-betul.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Maksud biawak ini saya kata gurauan biawak, gurauan kasar. Itu gurauan biawak. Ini tidak faham pun hendak bercakap, susah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin teruskan kepada - Okeylah, kawan juga ini. Biasa pergi mahkamah depan dia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Sepang, teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan penerangan kata bahawa antara perubahan besarnya ialah mewujudkan apa dipanggil *voluntary scheme* yang dibuat sebelum proses kebangkrapan itu berlaku. Ini kata kalau ikut daripada penjelasan dalam bil ini adalah untuk ikut *international standard* yang berlaku di UK dan juga di Singapura. Ini saya ucapkan tahniahlah kepada pihak yang mendraf rang undang-undang ini dan juga pihak Yang Berhormat Menteri sebab saya rasa ini adalah penting.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit berkaitan dengan pelantikan *nominee*. Kalau kita lihat kepada pelantikan *nominee* ini dicadangkan bahawa antaranya ialah *chartered accountant*. Orang yang layak antaranya selain daripada peguam, ada empat kategori orang yang layak, antaranya ialah *registered chartered accountant* berdasarkan *Accountant Act*. Saya rasa ini satu yang baik. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Kalau dalam kita hendak memastikan *nominee* ini orang yang berkelayakan, kita boleh meletakkan undang-undang yang hendak menjadi *nominee* mestilah *registered chartered accountant* iaitu orang yang berkelayakan.

Saya ingin tanya kepada kerajaan, kenapakah apabila kerajaan hendak melantik dan telah pun melantik *Auditor General* ini ataupun Ketua Audit Negara ini, tiba-tiba kita boleh melantik orang yang tidak ada latar belakang audit ataupun akauntan dipilih. Saya tidak mempertikaikan pelantikan itu dari segi Artikel 105 di mana mesti dapat persetujuan Perdana Menteri ataupun *Conference of Rulers* dan juga Yang di-Pertuan Agong. Isunya ialah beliau telah pun diakui tidak mempunyai latar belakang dalam bidang audit ataupun akaun ataupun paling kurang ekonomi. Beliau adalah seorang yang berkelulusan dalam bidang yang bukan terbabit dengan audit. Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada Perlembagaan Artikel 106, saya hendak baca ini. Ia bermula dengan perkataan *account*, "*The account of the federation and of the state* dengan izin, *shall be audited and reported to the AG*". Maknanya *the crucial word* di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah perkataan akaun dan audit.

Jadi kalau kita hendak melantik Peguam Negara sebagai contoh, syaratnya mestilah dia itu orang yang layak jadi Hakim Mahkamah Persekutuan. Saya tidak boleh bayangkan bagaimana kalau kita lantik seorang Peguam Negara yang tidak ada kelulusan undang-undang, sudah tentu orang akan rasa pelik sebab beliau adalah sebagai ketua pendakwa. Jadi kalau dalam bidang-bidang tertentu kita memastikan orang yang berkelayakan dipilih, tiba-tiba apabila melantik Ketua Audit Negara yang juga satu jawatan yang penting yang melibatkan pengurusan kewangan negara, sudah tentulah sepatutnya kita berhati-hati. Kita mesti memilih orang yang betul-betul layak.

Saya tidak kata beliau tidak layak pegang jawatan lain. Beliau telah pun jadi Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Maknanya kita boleh lantik beliau dalam bidang lain. Bukan makna kita hendak meremehkan peranan wanita, tetapi isunya ialah beliau tidak ada kelulusan dalam bidang akaun. Kalau kita lihat kepada seksyen 5 Akta Audit 1997, *Audit Act* saya bacakan dalam bahasa Inggeris, "*The Auditor General shall in such manner as he may deem fit examine, enquire into and audit*". Ada tiga, *examine, enquire into and audit*. Dia mesti, *duty* dia adalah memeriksa *enquire* dan juga

audit. Audit apa? *Audit account of accounting officers of the, federation and of the state.* Maknanya tidak lari daripada akaun ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapakah kita kalau dalam kes *nominee* ini yang melibatkan - Dia tidaklah melibatkan sampai ke peringkat dia kena audit kewangan, tetapi kita hendak orang itu mestilah orang yang layak iaitu *a registered chartered accountant*. Kenapakah dalam pemilihan Ketua Audit Negara ini kita agak dengan izin, agak *relax*, longgar, tidak mengenakan syarat yang ketat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, sambung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sambung ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyallah* saya akan sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

2.32 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung. Tadi baru mula sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bangkitkan tentang klausa dalam *bankruptcy* ini berkaitan dengan pelantikan *nominee* di mana antara orang yang layak dilantik adalah dipanggil *chartered accountant*, yang saya amat bersetuju dan saya rasa ini sepatutnya menjadi satu budaya dalam negara kita inilah.

Saya dah bangkitkan sebelum *lunch* tadi bahawa dalam pelantikan *Auditor General* (AG) ini, nampaknya pemakaian elemen yang sama tidak begitu diberatkan. Saya ingin minta supaya untuk kita pada masa-masa akan datang, kalau boleh kita minta kerajaan memikirkan bagaimanakah kita boleh, kalau kita perlu pinda Perlembagaan kah, undang-undang kah, kita perlu fikirkan bagaimanakah supaya pelantikan jawatan-jawatan penting seperti *Auditor General* dan *Attorney General* ini mendapat kepercayaan orang awam ini.

Saya ingin mencadangkan supaya walaupun telah dilantik oleh mereka yang layak melantik itu, kita adakan satu *provision* bahawa pelantikan itu adalah tertakluk kepada pengesahan ataupun *confirmation* daripada Parlimen ini sama ada melalui *Select Committee* dan sebagainya. Seperti mana di Amerika, pelantikan jawatan penting, dia akan perlukan *confirmation* di *Senate* oleh *Select Committee*. Jadi, sekali gus ia menutup segala ruang untuk

kita mungkin mempertikaikan pelantikan tersebut. Saya harap mungkin kalau perlukan pindaan Perlembagaan dan sebagainya, saya harap kerajaan dapat memikirkan perkara itu.

Berdasarkan apa yang dicadangkan dalam pindaan ini, saya merasakan bahawa sebenarnya kalau kerajaan ada *political will*, dia boleh buat. Contohnya, walaupun dah lama kita bising tentang perlunya undang-undang ini lebih memihak kepada *guarantor* dan sebagainya, nampaknya hari ini kita boleh buat. Ini menunjukkan bahawa kalau kita ada kehendak politik, kita boleh buat undang-undang seperti yang sebaik ini.

Saya akui undang-undang ini agak baik khususnya untuk melindungi *social guarantor*. Kalau kita lihat kepada klausa dalam ini, dia mengatakan tak boleh langsung diambil tindakan, *no creditor's petition, no bankruptcy petition* ke atas *social guarantor*. Makna *social guarantor* ini yang ditafsirkan sebagai antaranya orang yang pinjam perumahan, pinjam daripada bank untuk tujuan beli rumah, beli kenderaan ataupun jadi penjamin kepada biasiswa dan sebagainya yang mana mereka ini boleh dikatakan selamat daripada malapetaka *bankruptcy* ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, oleh kerana kita ada *saving* dalam klausa 60, ada *saving clause*, "*This Act shall not apply to a debtor or a bankrupt against whom a receiving order or adjudication has been made...*". Kita dalam bahasa perundangan, kita selalu gunakan bahasa RO dengan AO iaitu *receiving order* ataupun *adjudication order*. Makna kalau kita lihat kepada *saving clause* ini, yang menjadi *social guarantor* sekarang ini mereka masih lagi boleh dibankrapkan.

Jadi saya mengharapkan kalau boleh kerajaan juga memastikan kalau *social guarantor* yang lepas pindaan ini selamat, kalau boleh yang *existing one* pun kita selamatkan juga. Kita mungkin boleh memastikan mereka yang sedang ada kes yang melibatkan *bankruptcy proceeding against them*, kita minta supaya undang-undang ini juga boleh terpakai kepada mereka sebab mereka ini adalah orang-orang yang sebenarnya sekadar membantu. Mereka bukan ada mendapat apa-apa habuan.

Berbeza kalau sekiranya sebuah *company* membuat pinjaman menjadikan *director* ataupun pengarah syarikat sebagai penjamin, sudah tentu di sana ada kepentingan, dengan izin, *pecuniary interest*, ada kepentingan kewangan. Akan tetapi apabila seseorang itu nak jadi *guarantor* untuk pinjaman biasiswa yang kadang-kadang kita ambil ayah kita, saudara kita, mereka tidak ada kepentingan. Tiba-tiba mereka terus diambil tindakan dan boleh dibankrapkan.

Apa yang lebih malang lagi yang mungkin tidak dilihat di sini ialah sekarang ini, untuk makluman Menteri dan juga Ahli Parlimen sekalian, walaupun kita tahu proses *bankruptcy* ini dia berakhir sampai bankrap itu dia memakan masa tapi kalau sekiranya mereka telah pun dapat apa yang dipanggil BN- ha, ini untuk orang BN ya. BN ini ialah *bankruptcy notice*. *Lawyer* banyak guna istilah akronim ya. BN, CP, AO, RO. Jadi dalam undang-undang *bankruptcy* ini dipanggil BN itu adalah bukan Barisan Nasional tapi *bankruptcy notice*.

Kebetulan nama BN dengan *bankruptcy notice* sama pula ya. Minta maaf ya. Saya cakap ini akronim. Jadi kalau dalam undang-undang, apabila satu BN- saya gunakan BN, Tuan

Yang di-Pertua- telah diiklankan, pihak CTOS semua akan kumpulkan maklumat dalam iklan itu dan terus masukkan dalam sistem *database* mereka dan akhirnya orang-orang ini disenaraihitamkan. Mereka belum lagi dibankrapkan pun tapi kerana BN sahaja, kerana adanya *bankruptcy notice* sahaja, mereka telah pun dikenakan tindakan sehingga mereka tidak boleh pinjam dan sebagainya.

Jadi saya nak tanya pada Menteri, di manakah kewajaran seorang yang belum lagi diisytiharkan bankrap, hanya dapat kata orang diserahkan dengan *bankruptcy notice* sahaja, terus dimasukkan maklumat mereka dalam CTOS dan akhirnya pihak bank menggunakan maklumat itu untuk, walaupun mereka tak kata senarai hitam tapi itulah hakikatnya, mereka disenaraihitamkan? Jadi saya harap pihak kerajaan juga mengambil berat tentang soal ini sebab ini ramai orang yang terlibat. Saya banyak mewakili *clients*, anak-anak guam yang mereka ini menjadi mangsa kerana mereka ini hanya, belum lagi dibankrapkan pun, tapi kerana hanya mereka terima BN sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta supaya kerajaan juga memberikan penjelasan sebab dalam *amendment* ini saya rasa tidak ada satu *amendment* yang meletakkan bagaimana kalau seseorang itu telah secara tersilap dibankrapkan.

■1440

Kalau dahulu kita ada seksyen 105, kita boleh *apply* untuk batalkan EO/RO dan biasanya selepas kita batalkan itu, kita akan buat satu *action* lain pula, kita akan minta ganti rugi. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan kalau boleh, kita tetapkan satu kita dipanggil *liquidated sum* kepada kes-kes di mana seseorang itu telah secara tersilap dibankrapkan. Mereka seharusnya berhak untuk mendapat ganti rugi untuk hendak membolehkan mungkin ganti rugi kalau kita benarkan seorang peguam bawa ke mahkamah dan selepas itu dibuatkan tafsiran, mungkin ganti rugi ini agak tinggi.

Jadi kita boleh letakkan satu jumlah tertentu dipanggil *liquidated sum* untuk difikirkan, untuk ditentukan untuk dapat jumlah sekian bermakna kita *kept* benda itu, kita tetapkan seperti mana dalam kes yang melibatkan dipanggil dalam kes-kes yang melibatkan *Housing Developers Act*. Kalau sekiranya seseorang pemaju itu gagal menyerahkan *vacant possession*, dengan izin, pemilikan kosong dalam masa yang ditetapkan, maka pihak pembeli ini, mereka berhak menuntut ganti rugi dan ganti rugi itu telah ada formulanya, telah ada pengiraannya yang tetap, *liquidated*. Oleh sebab itu dalam berdasarkan satu kes Mahkamah Persekutuan dia kata, *you* hanya boleh minta *in*, tidak boleh minta *loss*, sewa dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan kalau boleh Yang Berhormat Menteri, sekiranya ada seseorang itu telah, dengan izin, *wrongfully* bankrap ataupun mereka telah pun secara tersilap dibankrapkan, maka mereka berhak dapat ganti rugi dan seterusnya ganti rugi itu ditetapkan dengan satu jumlah yang tertentu supaya tidak perlulah kita fail *separate action* pula untuk tuntutan ganti rugi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga membuat sedikit komen berkaitan beberapa cadangan klausa-klausa yang diberikan ini. Saya rasa yang paling besar *amendment* ini ialah berkaitan dengan *voluntary scheme arrangement*. Bagi saya ini satu yang sebagai satu *revolutionary*

jugalah, satu pindaan yang agak drastik dan memang baik untuk orang-orang yang berhutang. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, saya harapkan supaya pihak kerajaan dapat menjelaskan, saya ingin merujuk kepada *effect of interim order*, klausa 2E

Saya bacakan. Saya minta maaf, saya hanya baca yang *English version* sebab *bankruptcy notice* ini biasanya kita di mahkamah ini untuk prosiding bankrap ini kita masih boleh guna bahasa Inggeris lagi. "*An Interim Order made under subsection 2D(1) shall have the following effects...*". Saya tidak mahu sentuh (a) tetapi yang (b), "*no other proceedings, execution or other legal process may be commenced or continued against a debtor without leave of the court*". Maksudnya apabila ada interim order sahaja, segala prosiding yang lain seperti *garnishee*, seperti *writs of seizure and sale* iaitu kita rampas harta orang, kita lelong ataupun dipanggil "*Judgement Letter Summon*" atau Saman Penghutang Penghakiman. Semua ini tidak boleh dilakukan kecuali dengan kebenaran mahkamah, iaitu *without leave of the court*.

Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh perkataan, "*without leave of the court*" itu pun kalau boleh tidak perlu. Sebab apa, kalau kita meletakkan mahkamah masih lagi boleh beri kebenaran, bermakna kita telah dengan izin, *frustrate* ataupun *defeat the whole purpose of Interim Order* itu. Oleh sebab *Interim Order* ini tujuannya ialah untuk kita memastikan ada satu penyelesaian yang terbaik antara *creditor* dengan *debtor*. Akan tetapi bila kita masih lagi benarkan mahkamah campur tangan iaitu mahkamah masih boleh membenarkan prosiding-prosiding lain diambil ke atas penghutang, bermakna *of course* dengan kebenaran, bermakna kita mungkin akan *frustrate*, menggagalkan proses *voluntary arrangement* ini.

Oleh sebab itulah saya ingin mencadangkan kalau boleh perkataan, "*without leave of the court*" itu kita mungkin buang, tidak perlu ada. Bukan bermakna kita tak nak mahkamah campur tangan. Kalau kita lihat dalam *propose amendment* ini, memang banyak mahkamah diberikan hak untuk campur tangan. Akan tetapi dalam perkara ini sahaja saya minta supaya kalau boleh peranan mahkamah tidak dimasukkan sebab ia akan mungkin mengganggu atau menggagalkan *voluntary arrangement* itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, panjang lagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit lagi. Saya hanya sentuh- nanti dalam Jawatankuasa akan lebih ini. Sedikit lagi, boleh ya? Saya akan cuba ringkaskan lagi.

Begitu juga saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan *report of decision to court* iaitu dalam klausa 2J(2). Dia katakan, "*Where the meeting of creditors has declined to approve the debtor's proposal, the court may set aside any interim order which is in force in relation to the debtor*".

Saya ingin minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, kenapakah kita hanya meletakkan *creditor* ini *decline* sedangkan tidak diletakkan syarat bahawa dia mesti *decline* dengan alasan. Kalau dalam ini dia tidak perlu kemukakan alasan. Maksudnya kalau ada satu cadangan daripada *debtor* ataupun penghutang bahawa ini cadangan dia untuk selesaikan

masalah ini, tiba-tiba *creditors* bank tolak. Kalau ikut dalam kes kalau dalam *propose amendment* ini, mahkamah boleh ketepikan interim order itu sedangkan kita tidak pasti kenapa dia tolak. Dia tidak perlu bagi alasan.

Selalunya pihak bank ini memang susah hendak terima cadangan daripada pihak *debtor* ataupun pihak penghutang. Saya hendak bagi contohnya katakan berhutang itu mungkin RM35,000, tiba-tiba dia cadang mungkin boleh bayar RM200, RM300. Kata bank kalau macam ini sampai bila hendak habiskan, jadi dia pun tolak. Bila tolak, segala *arrangement* itu boleh diketepikan. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, kenapa tidak diletakkan satu syarat bahawa *creditor* dalam bila dia hendak tolak itu dia mesti beri alasan, mesti ada alasan yang kukuh kenapa dia tolak. Alang-alang kita hendak melindungi *debtor*, kenapa kita tidak letak satu peruntukan yang membolehkan penghutang yang ada hasrat untuk selesaikan masalah itu tiba-tiba proses itu diketepikan begitu sahaja.

Seterusnya saya ingin juga minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Kalau kita lihat kepada akta ini, dalam akta ini dalam *proposed amendment* ini dia mengatakan dalam klausa 5, *reference to Bankruptcy Act 1967*, “*All references to the Bankruptcy Act 1967 in any written law or document shall, when this act comes into operation, be construed as references to the Insolvency Act*”. Apa yang saya faham, selepas ini kita namakan akta ini sebagai *Insolvency Act 1967*. Akan tetapi dalam klausa 1 itu dalam seksyen 1 itu, *short title and commencement* dia kata, “*This act may be cited as the Bankruptcy (Amendment) Act 2016*”. Maknanya perkataan *Bankruptcy Act* ada lagi. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri *which is which*, adakah kita hendak kekalkan *Insolvency Act*, hendak kekalkan *Bankruptcy Act* ataupun kita hendak tukar kepada *Insolvency Act*. Saya ingin mencadangkan kalau boleh diperjelaskan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, ada masa lagi untuk Peringkat Jawatankuasa. Fasal demi fasal.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey. Kalau begitu, saya rasa saya akan teruskan dalam Peringkat Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau Yang Berhormat *detailkan* merujuk kepada fasal demi fasal nanti lagi lama. Kita sabar di Peringkat Jawatankuasa ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, tidak apa. Kalau begitu saya menghormati cadangan daripada Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* yang lain saya akan bagi dalam Peringkat Jawatankuasa. Itu sahaja saya minta Yang Berhormat Menteri bagi respons apa yang saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

2.49 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Membaca sepotong doa] Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Pertama sekali saya menyatakan bahawa Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju menyokong pindaan rang undang-undang ini. Ini kerana pindaan pada undang-undang yang agak lama memanglah sangat penting dan sangat sesuai kerana undang-undang yang sudah lama contohnya undang-undang yang sudah lama tidak ada pindaan sudah tidak sesuai, sudah tidak memberi kesan dan juga mungkin menekan seseorang yang dituduh umpamanya.

■1450

Kalau kita bagi satu contoh, kalau dulu ada undang-undang yang dikenakan RM1,000, 20 tahun dulu. Akan tetapi undang-undang itu sekarang masih lagi RM1,000, bermakna orang yang kena undang-undang ini kena bayar RM1,000 bagi dia sudah tidak ada makna, kerana RM1,000 dulu dan sekarang dah berbeza, ini contohnya. Begitu juga contohnya, kalau ada keputusan-keputusan daripada undang-undang ini yang tidak sesuai, yang dikenakan pada orang yang tertuduh, maka mungkin dia akan terkesan. Jadi, pindaan ini adalah satu perkara yang sangat penting, yang sangat sesuai dan Bagan Serai memang menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak cakap sebelum kita pergi terus kepada pindaan-pindaan ini adalah tentang stigma. Kita nak label orang ini bankrap ini, ini bukan seronok punya cerita ini. Label bankrap, kadang-kadang dia tidak tahu tiba-tiba dia jadi bankrap. Bankrap ataupun mufliis ataupun tidak eloklah, stigma ataupun label yang dikenakan, seperti orang masuk *jail* lah. Ada orang kena tangkap umpamanya, contohnya ada orang kena tangkap, ada disyaki dadah ataupun masuk *jail*, apabila dia keluar, dia bekas banduan, oh dia pernah masuk *jail*. Jadi, label yang dia terima tu boleh mengganggu kepercayaan orang kepada dia. *Trust* orang kepada dia, kepercayaan orang kepada dia. Mana dia hendak letak air muka dia. Ini mufliis, ini banduan, ini bankrap, mana dia hendak letak muka dia?

Ini boleh menjejaskan. Jadi, untuk label, untuk letakkan bankrap seseorang itu, *threshold* yang diletakkan adalah penting. Sebab itu saya melihat pada awalnya lagi daripada *threshold* 30,000 naik kepada 50,000 adalah satu perkara yang baik sebenarnya. Sebab kerana perkara yang dia tidak mampu pada tahap yang rendah dah dilabel. Jadi, perkara stigma ini penting kerana ia akan melibatkan masa depan seseorang itu. Masa keluar tu orang semua tengok, kalau dia lalu pergi masjid, katakan orang kata ini bekas banduan. Walaupun dia dah masuk *jail* 20 tahun dulu, kalau dia lalu kat masjid, dia kata ini bankrap ini, ini orang bankrap ini. Jadi, ini perkara yang sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan beberapa perkara yang disentuh saya tengok lapan perkara ini, perlindungan penjamin sosial, notis kebangkrupan disampaikan secara sendiri, mekanisme penyelamat, nilai minimum kebangkrupan yang saya sebutkan tadi, pelepasan automatik *release*, perlepasan automatik, perlepasan bankrap tanpa bantahan pemiutang,

sistem satu perintah kebangkrapan dan Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi. Jadi, perkara ini adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak melihat pada pindaan ini kita hendak letak dua perkara di depan kita. Satu, kita hendak lindung dia. Satu, kita hendak bantu dia supaya dia terlepas daripada masalah kebangkrapan yang mungkin bukan sebab dia dan satu lagi selepas kebangkrapan, dia dapat meneruskan kehidupan, bangun semula membina kehidupan dan jadi sedia hidup senang dan mungkin jadi orang kaya dan mungkin menjadi seorang yang sangat berjaya dalam hidup dia.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini orang buat pinjaman sosial. Bila orang buat pinjaman, orang minta kita jadi penjamin. Ini dah banyak kali saya tengok dah. Ada orang mari jumpa saya dulu, macam mana saya ini, saya tidak ada duit ini, orang yang pinjam tu tidak boleh bayar, yang kena penjamin, penjamin yang tanggung. Jadi, hari ini orang jadi takut. Bila ada orang hendak buat pinjaman, adik-beradik hendak buat pinjaman, siapa kena jamin? Kita kena jamin. Kawan nak buat pinjaman, dia jumpa kita, tolonglah aku, aku tidak ada orang ini, kita pun jamin dia. Jadi, banyak kita jamin. Siapa-siapa yang tidak bayar, penjamin yang kena. Jadi, ini satu bentuk lagi pindaan yang perlu dibuat iaitu melindungi dan membantu orang-orang yang terkena dalam pinjaman sosial ini. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Bagan Serai, Setiawangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa bangun, sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Mengenai isu penjamin ini, maknanya bank ataupun institusi kewangan ini mengambil mudah dalam erti kata dia tidak memperketat pada awalnya kepada peminjam ini. Adakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju supaya penjamin ini hanya boleh bermula daripada pinjaman yang lebih besar kepada pinjaman yang RM50,000, RM100,000 ini tekanan kepada penjamin ini ditiadakan tetapi bank ataupun institut peminjam harus ketat sebelum mereka memberi pinjaman ini, nilai dulu sebelum mencari jalan mudah dengan menangkap si penjamin ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Satu cadangan yang baik, saya setuju. Kita tengok apa nanti kata Menteri, kerana pinjaman sosial ini banyak menyebabkan kesusahan kepada penjamin itu dan benda itu tidak datang sekarang. Orang ambil pinjaman biasiswa, budak tu pergi belajar ke US, dia balik daripada US, dia tidak boleh bayar pinjaman, penjamin kena. Jadi, orang sini lari, tolonglah saya, saya tengah tidak ada duit ini, saya pula kena. Ini yang kita takut kalau dia terjebak dalam apa yang kita katakan kebangkrapan ini tadi. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Shah Alam pun hendak juga? Silakan Yang Berhormat Shah Alam, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang masalah penjamin ini agak merupakan satu dilema. Tujuan nak adakan penjamin itu adalah supaya orang yang boleh dapat pinjaman itu atas sebab nak melanjutkan pelajaran dan sebagainya, dia tidak cukup duit, dia tidak ada kedudukan ekonomi tetapi kelayakan akademik itu ada. Lalu kalau dia ketatkan sangat sehingga orang yang berada sahaja boleh dapat pinjaman, maka orang yang kurang berada, dia nak dapatkan pinjaman tu macam mana? Maka, terpaksa bank membenarkan kaedah di mana penjamin tu yang agak berada, dia menjamin.

Kalau kita nak memperketat prosedur itu sehingga orang yang nak diberi pinjaman itu dia ada kemampuan sendiri, tidak bergantung kepada penjamin, maka apa yang akan berlaku ialah keadaan di mana orang yang kurang berada tidak akan ada peluang untuk melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Lalu, saya rasa masalahnya bukan soal kita nak ketatkan syarat-syarat hendak beri pinjaman itu kepada orang yang layak dapat pinjaman tetapi tidak ada kedudukan kewangan. Akan tetapi kita kena cari satu kaedah di mana penjamin itu, walaupun dia memberikan jaminan tetapi kalau orang yang dah ambil pinjaman itu dia tidak menunaikan tanggungjawab dia, kita kena tentukan bukan sahaja penjamin ataupun bukan penjamin yang menjadi sasaran yang pertama oleh pihak bank. Masalahnya kadangkala- saya merujuk pandangan Yang Berhormat Bagan Serai ya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasihlah Yang Berhormat Shah Alam, panjang dah tu. Cakap sikit sahaja, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pandangan daripada Bagan Serai, adakah setuju...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, memang saya hendak beritahu tadi, malah saya ingin bertanya sebenarnya. Sebenarnya, saya ingin bertanya kepada Menteri apakah definisi sebenarnya *social guarantor* ini? Oleh kerana kalau dia kena, kalau kita tahu dah kita akan kena dan ada kemungkinan orang yang buat pinjaman itu tidak bayar, kalau betul kita akan kena, jadi siapa pun tidak nak jadi penjamin. Jamin anak sendiri sahaja lah, jamin orang lain nanti kita kena bayar. Jadi, kita masalah, lagi banyak menjamin, akhirnya kita yang kena bankrap. Tidak tahulah Yang Berhormat Shah Alam. Ada jamin orang ye, Yang Berhormat Shah Alam? Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, dia tanya saya ke? Dia hendak saya jawab ke tidak?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Saya hendak berkata, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 97,215 kes kebangkrapan dicatatkan di negara ini sepanjang tahun 2012 hingga September 2016. Sekarang sudah tahun 2017, saya ingat ini sudah sampai 100,000 dah sekarang ini. Daripada jumlah itu, sebanyak 22,521 kes atau 23 peratus membabitkan kartografi dewasa muda, orang mudalah, Gen 'Y' yang berumur 25 hingga 24 yang diisytiharkan mufliis, bankrap. Selain sebanyak 1,157 kes membabitkan

mereka di bawah 25 tahun. Sebab utama, pinjaman kereta, pinjaman peribadi, pinjaman perumahan. Ini perkara pertama sekali yang kita hendak uruskan.

Sebenarnya, saya berharaplah sangat, sebab apa kalau benda-benda ini kita telah kata hari itu, ada kita telah bincang hari itu, hutang ini bagus ke tidak bagus. Siapa yang tidak berhutang? Saya pernah kata dulu tetapi saya takut tidak betullah saya kata, yang tidak berhutang ini binatanglah. Binatang sahaja yang tidak berhutang tetapi kebanyakan orang ada berhutang. Akan tetapi hutang ini bagus atau tidak bagus, penilaiannya ada dalam diri sendiri. Kalau kita nak beli rumah, kita kena ukur dengan badan kita sendiri, ukur baju di badan sendiri. Kita hendak beli kereta, kita tengok kereta apa yang kita hendak beli. Kalau awak baru mula kerja, awak baru keluar universiti, baru kerja setahun, dua tahun, jangan beli *Honda*, belilah *Proton*.

■1500

Ini penting sebab apa, kena ukur badan sendiri. Jangan kita kata orang apa, "*Biar papa, asal bergaya*". Kalau "*biar papa asal bergaya*" Memang bergaya memang *bankrupt* lah kita. Jadi tujuan hutang itu dibuat sebab benda-benda perlu, rumah perlu, kereta perlu dan perlu atau tidak membuat pinjaman *personal*, untuk apa dibuat pinjaman *personal*. Kalau baru kerja dua tahun, tiga tahun perlu kah beli rumah lagi? Mampu ke beli rumah lagi? Ini persoalan-persoalannya, sebab itu saya masih katakan walaupun itu- sebab itu banyak yang ini adalah anak muda. Anak muda, yang tengah kita bincang ini, anak muda ini 30 tahun, TN50. Dia 50 dah *bankrupt*, apa cerita ini?

Jadi maknanya disiplin diri, ilmu dan *financial planning*. Cara dia *plan* kewangan dia. Kalau gaji dia banyak mana, berapa banyak dia nak simpan. Kalau gaji dia banyak ini, 1/3 dia nak simpan, 1/3 dia sudah guna, 1/3 lagi dia nak buat bayar hutang dan sebagainya, itu okey dan mesti disiplin.

Kalau dia tidak boleh pakai *handphone* yang mahal, hari ini pakai, pun banyak jenis, *smartphone*. Masalah hari ini mungkin banyak anak muda yang juga boros, tidak jaga, sebab apa mak bapa mungkin bagi. Kita tengok hari ini kereta banyak atas jalan raya, mak bapa bagi anak kereta seorang satu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lagi banyak perkara yang mak bapa sudah bagi, sudah ajar dia jadi boros, maka hari ini kita tengok bila dia kerja, dia terlibat dalam hutang dan dia tidak boleh membayar hutang, siapa yang salah?

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya memang minta sangat bank...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Sepang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, sikit. Saya tadi nak...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sepang ini tidak... berehat Yang Berhormat Sepang, berehat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit, sikit, nak bantu.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Betul sikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit, sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dalam sikit-sikit itu sudah ambil masa itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa. Tadi beliau ada- terima kasih rakan saya MP GST [Ketawa] Hari ini tidak ada GST pula, baguslah.

Yang Berhormat Bagan Serai, saya amat bersetujulah banyak *point* tadi. Hari ini lah, hari ini nampak baik sikitlah. Saya nak tanya tadi Yang Berhormat Bagan Serai tentang *social guarantor*, minta *define*. Sebenarnya sudah adapun *definition* itu. Kalau tengok Akta Ibu lah, mungkin Akta Ibu tidak ada di sini, itu yang mungkin- saya nak beritahu kepada Yang Berhormat Bagan Serai dalam Akta Ibu dia kata, "*Social guarantor means "a person who provides not for the purpose of making profit."* Termasuk dia kata, "*...guarantee for loan, scholarship and grant for educational or research purposed.*" Lepas itu, "*...guarantee for high purchase and guarantee for housing loan*". Jadi setuju tidak dengan saya kalau sekiranya definisi ini kita lanjut, kita perluaskan lagi *we widen it*. Setuju tidak? Kalau tiga dan empat macam terlalu sedikit jumlah yang tergolong dalam *social guarantor* ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sepang memang dia mahir tentang undang-undang. Baguslah terima kasih, bantulah itu, kira bantulah. Kali pertama Yang Berhormat Sepang dia kata sikit memang sikit. Selalu dia kata sikit, dia panjang. Dia ikut Yang Berhormat Shah Alam, itu masalah dia [Ketawa]

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak pergi ke kredit kad pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kluang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kluang bangun.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Kluang...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak apa dahulu, bagi saya habis ini dulu. Saya nak pergi kepada kredit kad pula.

Kredit kad ini pun satu masalah lagi. Apakah kredit kad hari ini digunakan pada tempat yang sepatutnya ataupun kredit kad ini digunakan untuk membeli benda-benda yang tidak patut? Itu yang kita risau kadang-kadang. Adakah benda ini diguna kerana penggunaan kredit kad ini kalau tidak cukup disiplin, saya nak kata tidak cukup iman tadi hancur. Hendak pergi kedai ini, nak beli ini, pergi kedai sebelah semua beli pakai hutang dan bila bayar, bayar lima persen.

Berapa orang bayar kredit kad *full*? Bayar lima persen lepas itu kena *interest* 18 persen, selepas itu bertokok-tokok akhirnya tidak boleh bayar, dan akhirnya berhutang dan akhirnya diisytiharkan bankrap dan muflis dan ini melibatkan ramai orang hari ini. Sebab itu saya mengharapkan bank berhati-hati. Bank jangan nak buat bisnes sahaja. Bank kena hati-hati dan ketatkan undang-undang untuk bagi kredit kad ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jangan orang ada banyak sangat kredit kad.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mungkin dia nak buat *business* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh gulung sudah? [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sepang ini kacau, Yang Berhormat Shah Alam kacau tadi. Dia nak bantu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi nak balik sikit kepada pelepasan automatik ini. Katakan kalau kita ada perundingan dengan orang yang bagi kita pinjam dan sebagainya dan selesaikan sebagainya, maka boleh dapat pelepasan diberikan pelepasan ini tiga tahun. Tapi saya nak tanyalah Menteri, saya fasal apa pelepasan sampai tiga tahun, tidak bolehkah dipercepatkan bagi jadi setahun? Kalau dia sudah berkelakuan baik, dia sudah okey dan sebagainya patut dia selesaikan benda ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya apakah perancangan kerajaan menggalakkan golongan muda ini dalam mendapatkan perkhidmatan pengurusan kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mengelakkan pengisytiharan *bankruptcy* terhadap peminjam? Sejauh manakah kerajaan menerapkan nilai atau budaya tanggungjawab seorang penghutang yang di isytihar bankrap agar tampil ke hadapan untuk mendapatkan perkhidmatan yang selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, dia sudah boleh berhutang ini, dia mesti tahu cara nak bayar. Kalau sekarang ini orang kaitkan dengan kos sara hiduaplah, dengan benda ini semua. Akan tetapi kita ini kita tidak boleh duduk diam dan *complaint* sahaja. Kalau kita nak senang hidup, kita kena kerja kuat. Kita kena cari peluang. Orang yang datang daripada luar negara itu junjung kain kaya dekat Malaysia ini. Apa fasal anak Malaysia, anak muda hari ini bankrap bila hutang, apa fasal ini? Adakah kita malas, adakah kita tidak ambil peluang ini? Jadi yang ini saya nak tekankan nak tanya, kalau kita bincangkan tentang bankrap, kita patut juga bincang tentang bagaimana nak buat usaha supaya anak muda kita, supaya orang kita menjadi kaya, menjadi senang dan keluar daripada bankrap. Tidak ada cerita tentang bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bankrupt is a sejarah yang patut dilupakan.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat rujuk kepada MP Kulim-Bandar Baharu kah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ternampak dia senyum tadi itu [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf, saya lihat Tuan Yang di-Pertua sekarang ini. Saya pun sudah kering tekak Tuan Yang di-Pertua, jadi saya Yang Berhormat Bagan Serai menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

3.07 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma saya nak mendapatkan kepastian ramai atau tidak Wakil Rakyat yang berminat untuk bahas? [*Beberapa Ahli bangun*] Dua, empat, enam, lapan, sembilan- lebih kurang 10. Saya hadkan masa 15 minit seorang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk benarkan saya turut membahaskan Akta Kebankrapan ini. Pertama, saya nak sebut bahawa isunya sekarang ini ialah masalah hutang, seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Bagan Serai. Hutanglah menyebabkan seorang itu boleh diisytiharkan bankrap kerana ketidakmampuan untuk membayar sama ada orang yang buat hutang ataupun orang yang menjamin hutang itu dibuat.

Akan tetapi sudah tentu kita harus melihat kepada persoalan-persoalan yang menyebabkan masyarakat di Malaysia ini terlibat dengan hutang dan memang saya akui bahawa kajian yang menyebut bahawa rakyat Malaysia ini 22.8 persen seperti mana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Bagan Serai tadi ialah kerana punca kegagalan merancang kewangan. Jadi 22.8 persen dan satu perkara lagi yang harus dilihat ialah 18.1 persen nya ialah kerana kos perubatan yang tinggi, itu kajian yang di sebut tentang kos perubatan yang tinggi antara punca yang menyebabkan seseorang itu berhutang.

Walaupun ada solusi, ada penyelesaian melalui insurans kesihatan dan takaful kesihatan dan sebagainya tetapi tidak semua orang mampu untuk membeli ataupun mempunyai pengetahuan dan juga membeli tentang takaful ataupun insurans kesihatan dan juga berkaitan dengan 11.1 persen yang terlibat dengan kad kredit. Sebanyak 11.1 persen yang terbeban melalui hutang dengan kad kredit dan juga 4.4 persen iaitu melalui kos sara hidup

yang meningkat. Jadi kalau 4.4 persen itu di campur dengan masalah kos perubatan 18.1 persen itu, saya lihat bahawa ini satu benda yang sangat tinggi yang menjebakkan rakyat Malaysia ini di dalam hutang yang akhirnya membawa kepada masalah tidak berkemampuan untuk membayar.

Tetapi isu yang besar yang harus dilihat di sini ialah orang-orang yang berhutang seperti mana yang disebut oleh rakan saya dari Pandan pagi tadi, orang-orang yang seperti ini, orang kebanyakan ini memang sukar untuk mencari jalan untuk melepaskan diri daripada membayar hutang. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan pindaan ini khususnya kepada penjamin-penjamin yang ada ruang sedikit untuk mengelak mereka itu daripada diisytiharkan sebagai bankrap kerana kes jaminan hutang-hutang yang berkaitan dengan hal sosial, kebajikan, pendidikan dan sebagainya.

■1510

Akan tetapi persoalan yang harus dilihat seperti yang telah saya sebut yang telah saya sebut yang saya hendak *detail*-kan sedikit pada petang ini ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kapar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Bagaimana orang-orang politik yang mempunyai hubungan tangan yang panjang dengan orang yang berkuasa di dalam negara kita untuk mereka mengelak diri daripada diambil tindakan diisytiharkan *bankrupt* oleh pihak yang memberi hutang.

Apatah lagi institusi-institusi kewangan ialah institusi kewangan yang ada hubung kait dengan kerajaan yang sekali gus ada kepentingan rakyat di sana. Contohnya, macam saya sebut ialah berkaitan dengan MBSB iaitu *Malaysia Building Society Berhad* iaitu anak syarikat di bawah EPF. Ini sudah tentu apabila seseorang yang membuat pinjaman kepada MBSB ini, untuk tujuan perniagaan dan sebagainya, akhirnya dia tidak mampu membayar dan ada pihak MBSB telah pun mendapatkan perintah BN iaitu *Bankrupt Notice* ini daripada mahkamah, tetapi ada unsur campur tangan untuk mengetepikan BN- *Bankrupt Notice* ini.

Seperti mana yang di sebut oleh rakan saya Yang Berhormat Pandan pada pagi tadi, seperti surat yang dikeluarkan ditandatangani oleh Tan Sri Haji Shukry bin Mohd Salleh, Ketua Setiausaha Sulit Kanan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Datuk Seri Ahmad Zaini bin Othman, Presiden dan Ketua Eksekutif, *Malaysia Building Society* (MBSB) iaitu untuk mengarahkan MBSB ketepikan notis kebangkrapan dan penyelesaian pinjaman bank di luar mahkamah ke atas Yang Berbahagia Datuk Rizuan Abdul Hamid, Ketua UMNO Bahagian Kepong Wilayah Persekutuan iaitu suami kepada Ketua Audit Negara sekarang ini.

Jadi ini menunjukkan bahawa ini sudah pun sampai kepada peringkat seseorang itu sudah pun mendapat *BN* iaitu *Bankrupt Notice* daripada mahkamah. Ini membabitkan institusi yang ada kepentingannya ialah pencazum-pencarum di dalam KWSP iaitu di kalangan golongan kaum pekerja dalam negara kita.

Jadi ini yang membimbangkan saya apabila- walaupun saya tidak nampak dari segi kita katakan dalam akta ini ada ruang yang begitu besar untuk Perdana Menteri ataupun Menteri

untuk campur tangan dan sebagainya tetapi, dari sudut kuasa yang ada itu menyebabkan apabila seseorang yang mendapat surat daripada Jabatan Perdana Menteri maka sudah tentu dia menganggap bahawa ini adalah notis arahan daripada Perdana Menteri sendiri.

Apatah lagi disebut dalam soal ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meneliti permohonan daripada Yang Berbahagia Datuk Rizuan Abdul Hamid tersebut dan dipanjangkan untuk perhatian dan tindakan pihak Yang Amat Berhormat Datuk sewajarnya, minit Yang Amat Berhormat Menteri bertarikh 20 Oktober 2015 adalah dirujuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut. Sila bangun.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, sedikit sahabat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Pokok Sena. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Pokok Sena, apakah kita mahu golongkan semua yang mendapat notis bankrap ini, sama ada mereka ini sendiri peminjam tidak bayar ataupun tidak mampu bayar dengan mereka yang menjadi penjamin. Yang menjadi penjamin ini, sebab peminjam masih ada dan tiba-tiba mereka pula yang dikenakan bayar. Apabila mereka gagal membuat pembayaran mereka dikategorikan pula sebagai *bankruptcy*. Jadi apakah Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju, rasanya kita tidak perlu pisahkan antara peminjam dengan penjamin. Kalau penjamin ini kena bankrap, pada pandangan saya wajar mereka mendapat perlepasan kerana bukan mereka yang berhutang terutamanya mereka menjadi penjamin sosial. Apa pandangan sahabat saya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, macam yang telah disebut di dalam pindaan akta ini ialah mereka yang menjamin kepada pinjaman-pinjaman yang bersifat sosial ini iaitu yang bukan perniagaan yang bukan berunsur mendatangkan keuntungan kepada mana-mana pihak. Bagi saya bahawa itu harus dipisahkan.

Namun dalam hal konteks seorang yang menjamin yang berkaitan dengan soal pinjaman untuk perniagaan dan sebagainya, di sana ada unsur-unsur yang kadang-kadang bahawa dia juga akan mendapat imbuhan daripada pihak yang memohon pinjaman tersebut. Jadi, saya fikir ini tidak harus dipisahkan, apatah lagi dalam konteks pinjaman yang begitu besar. Macam apa yang disebut dalam surat daripada pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Disebabkan itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan lagi berkaitan dengan isu Exco Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Tajul Urus Mat Zain yang juga merupakan Ketua UMNO Bahagian Merbok. Dia telah pun diisytiharkan- bukan diisytiharkan, pada 19 Januari 2017 mahkamah telah mengeluarkan perintah untuk dia membayar hutang sebanyak RM48 juta kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Bank Pembangunan Malaysia Berhad juga, adalah merupakan bank milik kerajaan yang merupakan- ada kepentingan rakyat di sana. Jadi sehingga sekarang saya dapati bahawa dia tidak memberikan apa-apa pembayaran kepada bank ini.

Akan tetapi pada bulan Januari juga tahun ini, anaknya telah pun memohon- dia sebagai Exco, anak dia Intan Suhaini Tajul Urus memohon sebidang tanah dalam Mukim

Bandar Semeling, Seksyen 8, kawasan Bukit Air Nasi, tanah kerajaan- di utaranya kelapa sawit, di timurnya kelapa sawit, di baratnya kelapa sawit, di selatannya juga kelapa sawit iaitu Lot 6428. Itu anak dia yang bernama Intan Suhaini.

Yang keduanya, seorang lagi anak dia, Ida Suhaini binti Tajul Urus, pada tarikh yang sama memohon tanah daripada pihak kerajaan negeri dan tanah yang lotnya 6661 kelapa sawit, 6428, 6662 kelapa sawit dan satu lagi tanah kerajaan iaitu ada usaha kolam ikan. Dan seorang lagi anak dia, Kartini binti Tajul Urus, juga memohon tanah pada lot 6648 kelapa sawit, tanah kerajaan dan juga lot 5934 kelapa sawit dan ada juga satu lagi tanah di sebelah selatan di kawasan Mukim yang saya sebutkan tadi yang juga ada kelapa sawit pada Januari.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini macam sudah bersetuju dan meminta pihak Pejabat Tanah untuk mempamerkan kepada orang ramai sama ada, ada bantahan ataupun tidak. Dan pihak Pejabat Tanah Daerah telah pun membuat pameran dan jika tidak ada bantahan maka tanah itu akan diluluskan kepada mereka kerana prinsipnya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun bersetuju. Ini tanah kerajaan. Tiga orang anaknya dalam keadaan dia berhutang RM48 juta. Saya meragui bagaimana penyelesaian hutang yang kepada seorang Ketua UMNO Bahagian Merbok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Kulim-Bandar Baharu bangun.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ahli Parlimen Merbok ada sini tidak? Dia Timbalan Ketua UMNO Bahagian. Yang Berhormat Kulim ingin bercakap isu apa?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Isu yang sama, benda sama.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua pasai apa tunjuk pada Yang terhormat Kulim?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bertanya pada Yang Berhormat Pokok Sena kalau nak beri laluan. Ya, sila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya cuma mahu tanya Yang Berhormat Pokok Sena, apakah kaitan itu. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena mengatakan bahawa kaitan Bank Pembangunan dengan pembangunan tanah, satu.

Yang kedua, mungkin masa PAS memerintah dahulu Yang Berhormat Pokok Sena tidak duduk dalam Exco, saya pun tidak pernah duduk dalam Exco. Dia apabila kita minta tanah, Pejabat Tanah dia bagi pameran tanah dahulu, baru hantar kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Jadi Yang Berhormat Pokok Sena cuba beritahu bahawa konon-kononnya Kerajaan Negeri Kedah ini bersekongkol juga dalam soal ini. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Pokok Sena dahulu.

Saya juga mahu minta tumpang mahu mengalu-alukan sahabat-sahabat saya, daripada FELDA Gunung Bongsu yang hadir pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena.

■1520

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih. Saya pun terkejut tadi Tuan Yang di-Pertua, waktu Yang Berhormat Bagan Serai berucap tadi, ada *dok kenen* kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tadi kah, ada isu *bankruptcy* juga kah? Sikitlah, sikit. Saya pun tahu isu dia tu, saya pun tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya tidak merujuk ada kaitan, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dengan *bankruptcy* cuma saya kata, orang yang berjaya, yang kaya-raya, yang berusaha bersungguh-sungguh itu maksudnya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi *sat* tadi bila ditunjuk dia kata ada sikit dia kata. Katanya sikit, dia buat begitu dekat saya. Saya pun tidak tahu juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu pengakuan beliau sendiri tetapi saya tiada kaitan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya pun tidak perlulah jawab soalan dia itu. Dia pun mengaku ada sikit. Tidak, isunya berkaitan begini, isu ini ialah berkaitan kenyataan daripada pejabat tanah berkaitan dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Dia pamer, bila dia pamer tiada bantahan dia akan maklumlah kata kepada Mesyuarat Kerajaan tidak ada bantahan dalam tanah itu akan diberikan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Takkan bankrap bulan Januari, Januari Exco buat keputusan Januari pamer mestilah permohonan itu awal.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, isu permohonan awal ataupun tidak, saya percaya bahawa tajuk urus ini belum diisytiharkan bankrap. Kena faham. Dia diisytiharkan oleh mahkamah diperintah untuk bayar RM48 juta kepada Bank Pembangunan ini tadi. Jadi, saya percaya bahawa sudah tentu sebelum itu dia memohon tanah ini, sebelum itu kerana *dok* fikir macam mana hendak bayar hutang ini? RM48 juta ini? Duit ini, *depa* kira depan anak ini mungkin duit ini dia boleh jual *dok* mungkin tanah ini dia boleh jual. Jadi itu penyelesaian, itu cara penyelesaian. Saya bimbang kalau sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan negeri mungkin *depa* dengar ucapan saya ini, Menteri Besar tidak lena saya harap.

Untuk pastikan supaya tanah ini tidak diberikan kepada anak ini, tidak akan sampai seorang Exco tiga orang anak. Orang kampung *dok* minta tanah dan sebagainya, duduk tanah tol berpuluh tahun, ini petang ini di dalam kawasan saya sudah dekat 30 tahun mereka hendak ambil untuk hendak buat perumahan itu untuk pegawai kerajaan. Mereka bersetuju untuk hendak buat rumah untuk pegawai kerajaan itu melalui PPA1M. Maknanya mereka bersetuju tetapi biarlah ganti rugi kepada mereka itu munasabah. Ini 26, 30 tahun mereka duduk minta tidak dibenarkan, tiba-tiba tiga anak Exco Kerajaan Negeri- UMNO, Ketua UMNO Bahagian Merbok minta. Bukan Ketua UMNO Bahagian Kulim-Bandar Baharu. Dia itu sikit-sikitlah *kot* yang saya kata tadi. Saya bimbang bahawa, saya harap bahawa tanah itu tidak akan diluluskan dan jangan ada campur tangan Yang Berhormat Perdana Menteri selepas ini untuk mengarahkan Bank Pembangunan Kerjasama tidak memfailkan di mahkamah untuk mendapat notis bankrap jika dia masih gagal untuk membayar. Kalau sampai ke peringkat dia kena pecat

daripada Exco, kena pecatlah. Kalau peringkat dia ada maruah, dia hendak kena letak jawatan sebagai Ketua UMNO Bahagian ataupun Exco Kerajaan Negeri, silakanlah. Sudah dia tidak mampu, dia menyusahkan orang Bank Pembangunan Kerjasama pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa sudah cukup.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Masa sudah cukup? Saya baru hendak masuk gear ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada peluang lagi fasal demi fasal dalam jawatankuasa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya harap Ketua UMNO Bahagian Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, tolong sampaikan kepada Pengerusi UMNO negeri Kedah supaya dia jangan *dok* lena sampai tidak tahu apa Exco Kerajaan Negeri dia buat ini. Kita harap minta dia bagi tahu kepada Yang Berhormat Ahmad Bashah, Menteri Besar supaya tukar, buat rombakan Exco tukar tajuk urus ini. Saya percaya sudah tentu Ahli Parlimen Yang Berhormat Merbok pun bersetuju. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi saya peluang untuk berbahas pindaan Akta Kebankrapan 2016 ini. Tadi tengok Yang Berhormat Pokok Sena syok cerita fasal UMNO tidak sudah-sudah. Nampaknya takut dengan UMNO sebenarnya. Saya ingat keputusan kerajaan untuk menyemak semula Akta ini adalah sebenarnya rentetan daripada ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri selaku Presiden UMNO ketika penggulungan beliau pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2012. Signifikannya perkara ini untuk saya rekodkan dalam perbahasan saya adalah kerana ingin membuktikan kepada rakyat Malaysia sesungguhnya Parti UMNO dan Barisan Nasional sentiasa mendahulukan rakyat dan meletakkan kepentingan kehidupan rakyat sebagai asas perjuangan parti dan kerajaan pada hari ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Orang pun tidak percaya.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang tidak percaya Yang Berhormat Sepang sahaja. Ya, ini dengar ini. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik terkini yang dikeluarkan oleh kerajaan seramai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Ya, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Orang Felda di Jengka ramai dengar Pemimpin Belia Felda becakap ini.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasihlah, saya alu-alukan. Yang di atas ini, semua ini orang Felda ini Gunung Bongsu dengan daripada Jengka ini, selamat datang ke Parlimen.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Felda pun sokong nombor satu sekarang ini.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tidak dengar, apa benda Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sokong parti Mahathir sudah sekarang ini.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang ikut parti Mahathir itu Yang Berhormat Sepang saja. Kami orang Felda tetap setia dengan Barisan Nasional.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya parti Amanah lah bang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Bukan PAN kah?

Okey dengar ini, Yang Berhormat Sepang, seramai 82,383 orang yang diisytiharkan bankrap oleh mahkamah bagi tempoh tiga tahun yang lalu daripada tahun 2013 hingga tahun 2016 atau bersamaan dengan 0.3 peratus jumlah keseluruhan rakyat Malaysia, maksudnya daripada 30 juta itu 0.3 peratus sahaja yang terlibat dari isu bankrap. Untuk rekod kebanyakan kes individu yang telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah ini adalah datangnya daripada negeri yang berstatus maju. Ini boleh dilihat apabila Selangor negeri yang paling maju di Malaysia mencatatkan rekod tertinggi dengan jumlah kes sebanyak 22,593 diikuti dengan Johor Bahru dengan 12,028 kes dan Wilayah Persekutuan sebanyak 11,687 kes.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Sekijang, boleh saya perbetulkan, Yang Berhormat Sekijang sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sekijang, data itu 2013 sehingga 2016, itu bukan tiga tahun. Kena kira baik-baik. 2013 satu tahun, 2014 satu tahun, 2016 satu tahun. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih sahabat. 2013 hingga 2016 empat tahunlah maksudnya? Tadi kena kacau Yang Berhormat Sepang. Saya sini tulis dekat sini empat saya terbaca, tiga- minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Memang tulis empat kah?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Kita ketahui di antara sebab utama berlaku kes kebangkrutan ini adalah kerana perbelanjaan seperti yang ramai rakan-rakan sebut tadi kad kredit, sewa beli dan juga isu pembelian rumah. Membeli rumah adalah suatu pelaburan yang amat baik namun pembeli seharusnya membeli rumah mengikut kemampuan dan bukan dengan pinjaman yang maksimum. Apabila golongan muda membeli rumah untuk tempoh pinjaman yang maksimum, sebenarnya mereka hanya membayar faedah yang tinggi kepada institusi perbankan, Ini sebenarnya merugikan mereka.

Satu lagi isu yang pernah dan masih lagi berlaku pada hari ini ialah pinjaman untuk perkahwinan. Yang ini tidak tahulah Yang Berhormat Sepang pun ada *kot* pinjam untuk kahwin dulu. Di dalam kegembiraan dalam meraikan hari pernikahan dan persandingan yang meriah, seharusnya tidak perlu dibebankan dengan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Untuk makluman, dia ini yang kahwin dua bukan saya. Dia yang kahwin dua [*Seorang Ahli ketawa*]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Kalau berminat Yang Berhormat Sepang. Kebanyakan golongan muda ini telah membuat pinjaman peribadi, semata-mata untuk perbelanjaan kahwin, dan wang itu akan hilang sejeurus selepas majlis berakhir. Yang menyedihkan pula adalah bebanan...

Seorang Ahli: ...Speaker tu senyum...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: ...Terpaksa ditanggung sehingga 10 tahun. Ini peringatan kepada kawan-kawan, jangan pinjam duit kalau hendak kahwin tapi..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan Yang Berhormat Sekijang mulakan dulu kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang ini dia merujuk Tuan Yang di-Pertua- Tuan Yang di-Pertua walaupun dua tetapi tidak hutang masa kahwin.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu dekat Yang Berhormat Sepang. Kita semua ini kalau kahwin dua pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang tiga, Yang Berhormat Sekijang dua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Sekijang, hutang lama tidak bayar lagi, sudah kahwin dua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tidak baik fitnah, Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat pun ada hutang juga kah masa kahwin yang kedua hari itu? Sudah habis? Bangunlah. Yang Berhormat Kuala Langat. Bangunlah. Bangun pun.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua minta laluan, kita kahwin tiada hutang. Yang Berhormat Sekijang ada tiga, mesti hutang sebab itu Yang Berhormat Sekijang bawa isu ini Tuan Yang di-Pertua, *join the club. Thank you Sir.*

■1530

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua nampak sangatlah Yang Berhormat Kuala Langat ini cemburu dengan kita. Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Langat kalau hendak tambah jangan berhutang itu pesan saya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap melalui angka-angka ini satu kajian dapat dijalankan oleh pihak kementerian untuk mengenal pasti mengapakah negeri-negeri maju ini mencatatkan bilangan yang tertinggi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang, sahabat kita Yang Berhormat Gerik masuk itu... [*Dewan riuh*]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Dia bagi peluang Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bangun hendak mencelah itu.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tengok Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Sepang lari sudah takut sangat fasal isu ini baru cerita fasal...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Lari fobia kahwin tiga [Ketawa]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Ketawa] Okey, boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Ini adalah penting untuk kita lihat sendiri di manakah puncanya sama ada ia disebabkan oleh gaya kehidupan ataupun beban kehidupan di bandar sehingga menyebabkan mereka berhutang ataupun ada sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka akhirnya terperangkap dalam masalah kebangkrapan ini.

Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan ini akan membolehkan mana-mana individu yang telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah keluar daripada kategori muflis secara automatik selepas tempoh tiga tahun berbanding ketika ini sekurang-kurangnya lima tahun.

Ketika ini terdapat tiga cara seseorang muflis itu boleh terlepas daripada status muflis iaitu pelepasan melalui perintah mahkamah, sijil pelepasan Jabatan Insolvensi dan juga pembatalan melalui perintah mahkamah. Keputusan pelepasan automatik kepada pindaan ini akan menyaksikan Malaysia menghampiri standard dan praktis yang telah dilaksanakan oleh banyak negara maju yang lain. Sebagai contoh di Australia. Bagi mereka yang tidak mendapat apa-apa petisyen, bantahan akan terlepas secara automatik selepas tiga tahun. Tempoh tiga tahun ini juga turut sama dilaksanakan di negara Ireland yang mana sebelum pindaan pada tahun 2012, tempoh pelepasan bagi seseorang muflis di negara tersebut adalah selama 12 tahun.

Walaupun terdapat di negara-negara lain yang mempunyai tempoh pelepasan lebih pendek misalnya di Kanada yang hanya mengehadkan tempoh iaitu paling awal sembilan bulan atau paling lama pun 36 bulan, jika ia kes berulang atau terdapat apa-apa jenis bantahan. Begitu juga di United Kingdom yang memberi tempoh pelepasan automatik hanya selepas 12 bulan. Bagi saya tempoh tiga tahun pelepasan automatik menerusi pindaan kali ini dilihat sangat tepat memandangkan kehidupan seseorang muflis itu ibaratnya hidup separuh mati dengan pelbagai sekatan dan halangan yang menyukarkan kehidupan mereka. Tempoh tiga tahun merupakan satu sinar dan harapan baru bagi golongan muflis ini.

Tuan Yang di-Pertua sebagai langkah untuk memastikan golongan muflis ini tidak terjerumus semula kepada risiko kebangkrapan saya berharap dapat dilakukan pemantauan secara berkala terhadap aktiviti kewangan mereka yang telah mendapat pelepasan ini untuk satu tempoh masa. Tindakan pemantauan ini saya lihat bolehlah dilaksanakan oleh AKPK. Memandangkan AKPK ini bertindak sebagai agensi kaunseling, skop pemantauan yang boleh dijalankan adalah dengan menawarkan khidmat rundingan sebelum apa-apa keputusan berkaitan kewangan dibuat oleh golongan ini. Sebagai contoh sebelum apa-apa jenis pinjaman hendaklah dilakukan.

AKPK ini boleh dihubungi oleh golongan ini untuk mendapatkan nasihat dan juga pandangan ataupun AKPK dapat membuat semakan dengan Bank Negara tentang status terkini CCRIS golongan ini dan menghubungi golongan ini jika terdapat risiko tidak munasabah yang mungkin boleh membawa semula golongan ini ke arah kebangkrapan. Saya dimaklumkan AKPK juga ada menghubungi individu-individu terbabit yang dilihat meminjam dengan jumlah yang terlalu tinggi. Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini juga turut memberi penekanan tentang pembelaan kepada nasib penjamin sosial iaitu penjamin kepada peminjam yang membuat pinjaman kewangan.

Ramai individu yang diisytiharkan mufliis terjadi kepada golongan penjamin ini yang menjadi mangsa atas kesilapan yang dibuat oleh orang lain. Mengikut akta semasa penjamin sosial merujuk kepada tiga kategori iaitu individu yang menjadi penjamin kepada geran pendidikan atau penyelidikan, penjamin sewa beli kenderaan dan penjamin bagi pinjaman perumahan. Untuk rekod tempoh sepuluh tahun yang lalu menyaksikan lebih 7,000 orang penjamin telah menjadi mangsa diisytiharkan mufliis oleh pihak mahkamah akibat kesilapan tidak membayar hutang oleh orang yang dijamin. Walaupun ramai penjamin sedar akan risiko yang mungkin ditanggung tetapi pindaan ini sekurang-kurangnya memberi kelegaan buat penjamin-penjamin sedia ada.

Saya merasakan pindaan yang menjadikan peminjam di pertanggungjawaban sepenuhnya atas sikap sambil lewa mereka...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Sekijang minta mencelah.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Masa tidak banyak bolehlah sikit ya. Jangan lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, *just* berkenaan dengan isu penjamin yang ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat Sekijang. Saya *just* hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sama ada berkenaan dengan kita semua saya ingat bersependapat bahawa penjamin itu sepatutnya tidak dikenakan penalti yang seberatnya dengan seorang peminjam. Oleh sebab, sebenarnya peminjam itu yang membuat pinjaman dan sebagainya. Akan tetapi apakah cadangan ataupun *proposal* yang boleh ditimbulkan atau dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang untuk memasukkan peruntukkan khas dalam *Bankruptcy Act* ataupun mana-mana peruntukan-peruntukan yang lain untuk melindungi hak-hak penjamin dalam kes-kes *on a case-by-case basis*, dengan izinnya.

Adakah terdapat apa-apa cadangan yang boleh kita timbulkan untuk mengecualikan penjamin daripada dikenakan hukuman yang seberat dengan seperti peminjam. Apakah pandangan Yang Berhormat Sekijang. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih sahabat daripada Bukit Gelugor. Saya kira. Kita perlu fikirkan secara bersama kaedah supaya mengurangkan beban kepada mereka yang jadi penjamin ini. Saya ada masa tidak lama ini dan yang lain saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat bantu untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan

oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya merasakan pindaan yang menjadikan peminjam dipertanggungjawabkan sepenuhnya di atas sikap sambil lewa mereka merupakan langkah yang sangat baik. Ini kerana akhirnya kita meletakkan kesalahan kepada mereka yang bersalah dan ini sebenarnya satu bentuk keadilan yang sewajarnya kita lakukan lama dahulu. Perlindungan di bawah pindaan baru ini akan menyaksikan tiada seorang pun penjamin sosial ini boleh dikenakan prosiding muflis di bawah ketiga-tiga kategori ini.

Ini saya rasa sudah terjawab sedikit cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi. Peningkatan jumlah boleh bankrap daripada RM30,000 kepada RM50,000 juga merupakan langkah yang tepat dalam mengurangkan risiko kepada kebangkrutan seseorang individu itu. Makanya, pihak bank atau pemiutang tidak lagi boleh mengambil jalan mudah untuk melakukan prosiding kebangkrutan ke atas seseorang individu. Al maklum kita tahu kadang-kadang pinjaman melibatkan pendidikan ini kadang-kadang jumlahnya tidak sampai pun RM50,000, RM20,000, RM30,000, RM40,000 tetapi kebanyakan kes yang berlaku adalah jumlah yang lebih daripada RM30,000 ini pun diisytiharkan sebagai bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah setakat ini ucapan perbahasan saya. Saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan yang juga dapat berkongsi sama tadi dan saya harap usaha murni daripada kerajaan untuk melindungi peminjam serta penjamin serta individu yang telah diisytiharkan bankrap melalui pindaan ini merupakan sesuatu yang sangat penting dan juga bernilai bagi mereka. Umpamanya ia satu sinar baru dan harap bagi kehidupan mereka. Ada ada masa lagi 49 saat. Saya merasakan perkara ini pastinya memberikan satu kelegaan kepada mereka [*Ketawa*] Jadi, saya ingat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Sekijang menyokong cadangan ini. Terima kasih [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya bagi Yang Berhormat Bukit Gantang.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Aduhai.

3.28 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua, Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak membincangkan soal berkenaan dengan Akta Kebankrapan ini. Apabila kita menyebut membincangkan berkenaan dengan bankrap ini dia ada kaitan dengan soal hutang. Kalau awal-awal lagi nawaitu dia berhutang itu tidak mahu bayar. Itu memang layaklah untuk kita ambil tindakan. Daripada awal lagi dia sudah niat dia memang aku ini hutang untuk tidak mahu bayar.

Ini memang kita tidak boleh maafkan sama ada dia hutang itu ialah hutang daripada institusi yang ada kaitan dengan kerajaan ataupun dengan bank, maka ini perkara yang tidak boleh kita bantu. Cuma, hari ini ialah kita bincang berkenaan dengan penjamin. Penjamin pun kena tengok juga kalau sudah tahu nawaitu kawan itu dia hutang itu memang untuk hendak tidak mahu bayar. Jangan pula kita duduk menjadi penjamin dia.

■1540

Ini kerana hutang ini sepatutnya kita berhutang, memang di dalam muamalat Islam ni pun ada kaedah untuk kita berhutang. Kita berhutang ialah mampu untuk kita bayar. Macam disebutkan oleh kawan saya daripada Yang Berhormat Bagan Serai tadi, maknanya kita hutang tadi ialah mampu untuk kita bayar. Memang kalau kita tak berhutang kita tak berharta. Kita sukar macam kita hendak beli rumah, kalau konsep hutang ini terus kita tolak, maka kita tidak mempunyai harta. Cuma kita hutang tu orang panggil ukur badan. Macam sepatutnya kalau orang itu hanya layak untuk pakai Kancil, Kancillah. Jangan pula dia layak untuk pakai *Kancil* tetapi dia beli *Perdana* ataupun beli *Honda* dan sebagainya. Ini perkara yang perlu difikirkan, maknanya perlu kita *educate*, dengan izin, kepada masyarakat dan juga rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu di dalam Islam sendiri pun antara benda yang Nabi SAW ajar kita... [*Membaca sepotong doa*] Antara maksudnya, ya Allah, ya Tuhan kami, jauhkan kami daripada ditimpa, ditekan dengan hutang. Maka dengan sebab itu dalam Islam dia ada juga di sana adanya asnaf zakat yang lapan iaitu antaranya *Al-Gharimin*. *Al-Gharimin* ini adalah orang yang berhutang terutamanya macam anak-anak kita, pelajar-pelajar kita yang berhutang dalam soal pendidikan. Mereka ini perlu diberikan juga perhatian terutamanya dalam soal kerana mereka itu perlu berhutang dan memang layak kalau mereka hutang itu kita ambil daripada salah satu asnaf yang lapan itu ialah *Al-Gharimin* iaitu orang yang berhutang. Jadi macam kita ni kalau berhutang rumah, berhutang kereta dia tak layaklah untuk *Al-Gharimin* itu.

Tuan Yang di-Pertua, konsep hutang juga sepatutnya kita tengok ada berlaku sedikit tak betul yang perlu dibetulkan oleh pihak kerajaan terutamanya di dalam konteks kita berhutang untuk melabur. Ini tak kena. Macam saya sudah tengok banyak bank yang *dok* buat untuk melabur di dalam ASB atau dulunya ASN. Ini tak betul. Konsep pelaburan ini ialah lebih bukan daripada pinjaman. Kalau kita labur itu daripada pinjaman ini satu perkara yang tak betul.

Akhirnya, daripada kita labur kita tahu risiko dia, soal pelaburan ini sudah tentu kita tahu ada untung ada rugi. Akan tetapi apabila kita ambil daripada pinjaman ini suatu perkara yang tidak betul. Begitu juga macam berlaku kepada FGV yang mana peneroka-peneroka yang pinjam duit untuk beli saham FGV. Akhirnya apabila saham itu turun, dia akan mengalami masalah yang akan dialami oleh peneroka-peneroka itu sendiri. Begitu yang disentuh oleh Yang Berhormat Pandan di dalam isu 1MDB sebagainya yang kalau kita pinjam tadi ialah untuk pelaburan. Pelaburan tadi kita pinjam itu satu perkara yang perlu difikirkan. Terutamanya sikap individu sendiri apabila kita pinjam, labur, itu tak betul. Kita melabur ialah lebih kita, bukan daripada pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi. Berkenaan dengan kita lihat hari, kita tengok daripada tahun 2013 hingga tahun 2016, terdapat seramai 3,276 dari kalangan penjawat awam yang telah pun diisytiharkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia yang telah pun bankrap. Daripada 80,383 orang bankrap, 3,276 orang ialah dari kalangan penjawat awam. Manakala yang berumur 25 tahun hingga 34 tahun, ini masih lagi muda. Mereka seramai 22,581 orang. Ini orang muda yang daripada awal lagi telah pun diisytiharkan bankrap. Ertinya macam seolah-

olah masa depan mereka ini hendak berniaga, hendak apa benda pun tak boleh. Hendak buka akaun bank pun ada masalah. Hendak ke luar negara pun tak boleh. Jadi segala-galanya, sedangkan mereka ini masih muda. Kita bayangkan bagaimana ruginya dalam soal untuk produktiviti negara kita kalau umur sebegini sudah pun mengalami kebangkrapan akibat daripada mereka tidak bijak untuk menguruskan kewangan mereka.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, walaupun hari ini kita bersetuju supaya dengan pindaan daripada dulunya RM30,000 dinaikkan kepada RM50,000 dan begitu juga dengan pinjaman-pinjaman yang melibatkan soal penjamin sosial yang mereka ini dikecualikan. Cuma kita mengharapkan selepas ini ialah supaya berlakunya soal syarat yang ketat itu mesti dikenakan untuk hendak memberikan kepada seseorang itu untuk meminjam. Ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit pandangan dari menyinggung tentang isu waktu sebelum kita hendak membuat pindaan ini kita bila minta ada *settlement*, makna kita telah menyelesaikan seluruh hutang kita dalam konteks bank sebagai contoh. Apabila kita sudah lunaskan semua hutang itu kita kena bersihkan nama kita di Jabatan Insolvensi ini tetapi dikenakan sebelum ini 12 peratus Yang Berhormat Bukit Gantang, 12 peratus saya dimaklumkan. Kalau betul ini satu penganiayaan sebab setelah *settlement* dibuat dengan kerja keras yang dilakukan oleh si piutang ini dan semua telah diselesaikan tetapi bila dia hendak *settlekan* nama dia sebagai si *bankruptcy* itu dia kena bayar lagi 12 peratus.

Jadi saya percaya Yang Berhormat Bukit Gantang pun bersetuju dengan saya kerana ini satu beban yang tak boleh dibuat begitu kerana yang bertungkus-lumus untuk menyelesaikan pergi ke bank buat *settlement* semua dia selesaikan dengan sendiri tetapi bila balik untuk membersihkan nama dia kena bayar 12 peratus. Ini satu beban yang saya rasa tidak munasabah kerana mereka tidak buat kerja apa-apa pun *department* itu tetapi mereka caj 12 peratus. Apakah Yang Berhormat Bukit Gantang bersetuju bahawa perkara ini adalah serius dan perlu diambil kira sebagai ianya tidak boleh diadakan sistem sebegini untuk membebaskan si piutang? Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Bukit Gantang sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tambahan kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Sebanyak 12 peratus itu satu hal kemudian kos pentadbiran antara RM900 hingga RM1,500 lagi apabila hendak *settlement*. Yang Berhormat Bukit Gantang, saya hendak tanya macam ini sahaja. Ada institusi kewangan ini

mereka mempunyai had-had tertentu kebolehan pinjaman. Namun demikian, ada sesetengah mereka melonggarkan umpamanya mendapatkan satu penjamin, dua penjamin, tiga penjamin untuk membolehkan mereka ini berhutang. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey. Terima kasih pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Langat tadi berkenaan dengan dikenakan caj sebanyak 12 peratus. Kalau itulah yang ada, kita harapkan perkara ini juga boleh difikirkan kerana boleh diubah kerana ini inisiatif yang dibuat oleh pihak hendak bayar hutang sekurang-kurangnya sebagai satu perkara yang meringankan kerana kita hendak menggalakkan terutamanya dalam konteks mereka yang ada inisiatif. Tak ramai pun orang yang hendak bersikap demikian. Jadi apa salahnya kita berikan insentif kepada golongan seperti begini untuk mereka ini di-*write off*-kan, dengan izin, supaya 12 peratus itu tidak dikenakan kerana ini undang-undang manusia yang buat mungkin boleh kita fikirkan. Begitu juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa pun sama juga. Kalau antara RM900 hingga RM1,200 yang dikenakan itu juga perkara-perkara yang perlu difikirkan kerana ini salah satu daripada daya usaha ataupun insentif kepada mereka yang berusaha untuk melunaskan hutang tadi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pertama ialah perlu kenakan syarat ketat kepada pinjaman. Akan tetapi kadang-kadang memanglah dia berlaku kontra sikit yang kita bincang hari ini ni. Terutama kepada pihak bank. Bank ini dia memang kerja dia ialah untuk cari orang hutang. Mencari orang hutang. Sebab itu kita harapkan supaya waktu hendak bagi pinjam itu manis semua, hendak kutip hutang semua masam. Kita pun sama, waktu hendak *sign* waktu kad kredit itu semua manis, hendak bayar semua masam.

■1550

Oleh itu kita ketatkan syarat pinjaman ini mesti diketatkan. Keduanya, kita berikan kadar kemampuan. Memang kalau kita tengok dari segi pinjaman kerajaan agak baik. Pinjaman yang diberikan sama ada perumahan ataupun kereta yang diluluskan oleh pihak kerajaan, dia tengok, ada sifir dia yang hanyalah ini yang boleh layak untuk dia pinjam daripada simpanan daripada tolak gaji sebagainya baru dia layak untuk pinjam. Maknanya syarat yang telah diletakkan itu telah pun elok.

Masalahnya ada kadang-kadang sindiket sebenarnya yang ada dia buat orang panggil *pay slip* secara *hat* yang tidak betul ini. Dia pandai reka supaya nampak bahawasanya bersih, elok, tidak ada dalam hutang. Jadi ini perkara-perkara yang perlu kita tengok supaya perkara ini tidak menambahkan lagi bebanan orang-orang yang bankrap di dalam negara kita. Oleh sebab itu kita tengok macam yang diberi pinjam dalam Amanah Ikhtiar Malaysia. Itu satu perkara yang kita dapat lihat kenapa Amanah Ikhtiar Malaysia ini hampir 98 peratus orang yang pinjam itu orang yang dia bayar. Oleh sebab mereka itu ada *regular*, ada yang disebut sebagai usrah, amanah ikhtiar di kalangan peminjam-peminjam mereka yang bertemu selalu, yang berjumpa akhirnya kadar pinjaman itu memang mereka yang meminjam itu membayar balik kepada tabung Amanah Ikhtiar Malaysia ini.

Oleh sebab itu kita harapkan juga supaya di samping kita membincangkan soal kebajikan orang-orang yang telah pun dianiaya dalam soal ini, soal mekanisme supaya tidak

wujudnya golongan-golongan yang mengambil kesempatan daripada apa yang kita hendak bincang hari ini juga perlu diambil kira supaya ia mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan juga kepada negara. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

3.51 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya turut serta berbahas mengenai Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 kali ini. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya bagi pihak Dewan ingin mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Kota Gelanggi 2, Parlimen Jerantut ke Dewan ini [*Tepuk*]

Pertamanya, saya kesempatan ini serba sedikit untuk turut serta bersama membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini kerana kita melihat beberapa aspek, beberapa perkara yang telah kita sering dengar sama ada percakapan ataupun pembacaan daripada rakan-rakan kita sendiri umpamanya, daripada kawan-kawan, kita telah banyak menghadapi dari segi akta kebankrapan ini.

Pertamanya, saya hendak menyentuh perkara yang kecil sahaja sebagai contoh. Umpamanya seorang pemilik kereta. Apabila tiga bulan sahaja tidak membayar kereta, maka namanya tersenarai dalam insolvensi. Apabila tersenarai, dia membayar sebanyak satu bulan hutang. Maknanya dia tinggal lagi dua bulan sahaja hutang tetapi namanya masih tetap kekal dalam insolvensi itu. Ini juga perlu mengambil kira dalam hal ini. Mungkin ramai yang berlaku kes sedemikian rupa, sudah pastilah beliau tidak mampu untuk membayar terus hutangnya selama tiga bulan. Akan tetapi walau bagaimanapun beliau tetap membayar bulan-bulan sehinggalah hanya tertunggak dua bulan sahaja. Akan tetapi ini juga dianggap beliau sebagai telah disenaraihitamkan oleh pihak insolvensi itu sendiri.

Jadi untuk pengetahuan, kaedah ini, undang-undang ini juga perlu memikirkan berbagai-bagai proses khususnya dalam penyampaian ganti individu yang tidak dapat hadir ke mahkamah atau tidak dapat menerima dokumen-dokumen daripada pihak-pihak ini. Maka juga kena mengambil kira kadang-kadang mereka hanya diisytiharkan di dalam surat khabar. Dalam surat khabar ini isytiharnya hanya kecil sahaja ruangan kebankrapan ini, mungkin dia tidak membeli surat khabar, mungkin dia tidak membaca surat khabar. Jadi tahu-tahu beliau telah juga mengalami ambil tindakan undang-undang, telah diproses sebagai bankrap.

Maka melalui kaedah ini, si penghutang ini akan mengalami kebankrapan apabila melebihi RM30,000 tersebut. Seseorang individu itu juga akan terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah yang akan timbul. Maknanya individu yang diisytiharkan bankrap akan berada di bawah pengawasan Ketua Pengarah Insolvensi ataupun kita senang sebut KPI. KPI ini akan membawa semua aset-aset mereka ini. Kalau syarikat *sole proprietor* umpamanya, kalau di saman, kalah dalam saman, ia akan diambil segala harta-harta yang beliau ada termasuklah

kereta, rumah dan lain-lain perabot umpamanya akan dirampas dan diuruskan oleh Ketua Pengarah Insolvensi ini bagi tujuan menolak hutang yang beliau bayar. Sudah pastilah mereka akan mengalami berbagai-bagai kesukaran khususnya kalau had perjalanan umpamanya. Individu yang jatuh bankrap tidak akan dibenarkan keluar daripada negara tanpa kebenaran bertulis. Saya percaya bertulis pun tidak dibenarkan sebab dia sudah bankrap, dikira dan dianggap sebagai orang yang tidak mempunyai kedudukan kewangan untuk beliau pergi ke sesebuah negara.

Akan tetapi mungkin juga beliau sangat mustahak untuk ke luar negara kerana mungkin menjalankan perniagaan, ini telah disekat dan sudah pastilah beliau tidak akan mendapat kebenaran keluar daripada mahkamah. Beliau juga mengalami kredit had iaitu maksudnya segala akaun bank yang sedia ada akan tidak boleh, dilarang sama sekali untuk melakukan sebarang pengeluaran wang daripada akaun bank yang sedia ada. Maka beliau hanya boleh dibenarkan RM1,000 sahaja keluar. Begitu juga dengan kad kredit pihak si piutang tidak akan boleh digunakan lagi. Dengan kadar ini mungkin bermasalah kepada mereka ini sendiri.

Keempatnya had pekerjaan. Had pekerjaan individu juga tidak dibenarkan dalam sesuatu bidang seperti bidang persatuan profesional ataupun peguam, juruukur, akauntan, doktor dan selainnya disebabkan beliau ini bankrap. Maka dalam hal sebahagian daripada pemilikan perniagaan mereka juga akan turut bankrap sekali. Apa yang lebih mengecewakan lagi kesan daripada kebangkrapan ini sebagai contoh, orang yang sebagai contoh, penjamin pun akan turut juga bankrap dalam hal ini.

Maka dalam keadaan situasi seperti ini berlakulah dua orang bankrap. Maka kaedah-kaedah seperti ini bagaimanakah mereka hendak meneruskan kelangsungan hidup yang tersebut. Kalau mengikut kajian Jabatan Insolvensi Malaysia, kebanyakan rakyat Malaysia yang diisytiharkan mufliis merupakan individu dalam lingkungan umur 35 tahun hingga 44 tahun, sementara individu dalam lingkungan umur 25 tahun hingga 34 tahun adalah kedudukan yang kedua terbanyak yang telah disenaraikan oleh Insolvensi. Majoriti kes mufliis di Malaysia ini disebabkan oleh pinjaman kenderaan iaitu 36 peratus. Keduanya, tunggakan hutang perumahan sebanyak 26 peratus, hutang peribadi 24 peratus dan hutang perniagaan 14 peratus.

Maka dari saya melihat daripada umur dan faktor ini, pihak kita mestilah mengkaji bagaimanakah hendak mengelakkan mereka ini daripada berlaku kebangkrapan. Mungkin kawalan-kawalan had-had tertentu umpamanya dengan kadar-kadar yang pendapatan mereka itu sendiri. Akan tetapi saya bersetuju yang dikatakan oleh rakan-rakan sebentar tadi kadang-kadang bank ini dia hendak melihat bagaimana untuk mereka mendapat KPI untuk mendapat pencapaian pinjaman umpamanya, maka mereka membenarkan hutang ini.

Akan tetapi walau bagaimanapun kadang-kadang kita melihat orang yang betul-betul boleh meminjam dari segi perumahan, kereta dan sebagainya tidak dibenarkan. Kadang-kadang ini yang menjadi masalah bagi mereka yang tidak mampu boleh dibenarkan, yang berkemampuan tidak dibenarkan.

■1600

Jadi saya minta supaya Akta Kebankrapan ini mestilah dipermudahkan supaya mereka dapat meneruskan kehidupan untuk melakukan pekerjaan. Ini mungkin sebab salah satu yang difikirkan oleh pihak kerajaan bagaimana untuk membantu mereka daripada terus berlaku kebankrapan. Berlakunya maka kita mengambil supaya inisiatif untuk melakukan perkara ini untuk memudahkan dari segi Akta Kebankrapan ini sendiri yang telah disiarkan maka terlibat juga sebagai penjamin menjadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut bangun.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sila.

Dato' Haji AhmadNazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Lipis. Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Lipis. Selain daripada peminjam yang dikategorikan tadi sebagai bankrap, sering kali juga penjamin menjadi mangsa apabila pemiutang mengambil langkah mudah. Mereka cari, hantar surat kepada peminjam, tidak dapat dihubungi dan sebagainya atas alasan mereka sendiri maka mereka tahu penjamin yang mudah dihubungi dan mereka terus pergi mengambil tindakan kepada penjamin sedangkan mungkin si yang berhutang tadi ini, dia mampu untuk membayar tetapi dia mengelak untuk berhadapan dengan pemiutang yang menyebabkan pemiutang mengambil jalan mudah, dia mencari penjamin. Akhirnya penjamin terjebak dalam kebankrapan ini.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Lipis tentang pemiutang mengambil jalan mudah bagi menambahkan lagi senarai kebankrapan kepada penjamin tadi? Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Satu kehebatan Yang Berhormat Jerantut, maka melihat daripada pandangan Yang Berhormat Jerantut tadi, anak-anak saya daripada sekolah Jerantut ini bolehlah selalu bersama dengan Yang Berhormat Parlimen Jerantut ini. Termasuk guru-guru. Sebenarnya sebagaimana yang dikatakan Yang Berhormat Jerantut, saya sangat-sangat bersetuju. Inilah masalah yang timbul, yang sering berlaku. Mungkin berlaku, boleh berlaku pada keluarga kita, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin boleh berlaku kepada kawan-kawan kita, boleh berlaku kepada Ahli Parlimen sendiri.

Mungkin sebelum ini kita belum Ahli Parlimen, kita sudah menjamin sesuatu kes tetapi akhirnya peminjam ini tidak boleh bayar. Waktu kita menjamin itu, kita melihat keadaannya stabil. Keadaannya, mungkin kalau dia seorang peniaga, mungkin keadaan perniagaannya baik tetapi akhirnya apabila dia tidak dapat, mungkin sesuatu sebab mengganggu daripada perniagaannya, dia jatuh bankrap akan tetapi surat itu tidak dapat. Sepatutnya pihak berkenaan mesti mencari *owner* ini sebenar. Kadang-kadang yang saya dapat tahu, *owner* yang bankrap ini hidup senang-lenang di Kuala Lumpur. Hidup senang-lenang di sesuatu destinasi yang

beliau tinggal tetapi yang jadi mangsa adalah yang si penjamin yang duduk tetap di kawasan itu. Ini kena ambil kira. Sekurang-kurangnya kita dapat tahu betul-betul data si peminjam itu. Adakah beliau memang dalam keadaan kritikal ataupun mungkin sudah menjadi kaya-raya.

Kes ini banyak berlaku sebenarnya. Saya sangat setuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Jerantut. Saya tahu niat Yang Berhormat Jerantut itu memang hendak membantu masyarakat Jerantut dan seluruh negara ini sebenarnya dari segi kes-kes yang berlaku seperti ini. Ini kasihan kepada si penjamin itu sendiri yang menyebabkan perkara ini berlaku dan akhirnya dia jatuh mufliis, jatuh bankrap dan tidak boleh meneruskan hidup. Maka saya menyarankan juga supaya khidmat pertolongan profesional percuma iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi kaunseling kewangan serta nasihat mengadakan program pengurusan hutang dan juga program pendidikan ilmu kewangan untuk memainkan peranan supaya khidmat ini perlu diketengahkan kepada masyarakat umum khususnya golongan muda yang baru memulakan kehidupan.

Sebab ini sangat penting sekali. Mungkin berbagai-bagai-bagai kaedah atau cara boleh dilakukan oleh pihak kerajaan mestilah memperjelaskan. Kadang-kadang yang baru keluar ini, keluar daripada universiti dapat kerja hanya kadar gaji RM3,000 tetapi penggunaan mereka melebihi pada had tersebut. Kadang-kadang mereka hendak menggunakan kad kredit ini adalah untuk perkara-perkara tertentu tetapi ketika terdesak maka mereka menggunakan lebih dan akhirnya menyebabkan mereka tidak dapat membayar hutang. Walaupun minimum hanya lima hingga 10 *percent* sahaja had kredit yang kita boleh bayar setiap bulan tetapi kadang-kadang kalau kita bayar kurang, *interestnya* sangat tinggi menyebabkan juga mereka berlaku membayar lebih pada masa-masa selepas itu.

Jadi saya mengharapkan supaya perkara kaunseling dan nasihat kewangan ini dapat membantu mereka sebelum mereka membuat sesuatu pembelian. Sama ada aset, dari segi rumah, dari segi kereta, dari segi kad kredit dan sebagainya, kenalah mengadakan kaunseling dulu kepada mereka daripada yang telah dicadangkan oleh pihak Bank Negara itu sendiri kepada mereka ini sebelum mereka berlaku kebangkrutan ke atas diri mereka. Kadang-kadang kajian ini, kadang-kadang kita kena selaraskan perkara-perkara ini supaya anak-anak muda dapat terhindar daripada masalah yang ditimbulkan ini. Maka kita salah satu peranan kerajaan supaya dapat memainkan peranan yang rang undang-undang ini benar-benar berkesan membantu kebangkrutan sama ada peminjam atau penjamin ini supaya mereka dapat meneruskan hidup, dapat berjuang untuk menentukan masa hadapan mereka.

Kalau terus bankrap, saya percaya mereka tidak dapat meneruskan hidup kerana sumber rezeki mereka telah agak terhalang oleh disebabkan kebangkrutan itu sendiri. Dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kebankrutan (Pindaan) 2016 demi memastikan rakyat sentiasa terbela dan mendapat keadilan yang sewajarnya. Lipis mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ramai lagi yang mahu berhujah? Lapan. Okey, saya harap selepas yang berdiri ini, yang lain itu tidak ada hujah lagi kerana bankrap- yang lain

itu bankrap modal untuk mahu hujah. Jadi ini sahaja, lapan orang. Selepas itu Yang Berhormat Menteri bersedia untuk jawab. Sana, sila.

4.07 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kebankrapan 1967. Saya mengalu-alukan perubahan dan menyokongnya. Hanya saya hendak sentuh tentang empat perkara. Perkara pertama, saya minta Yang Berhormat Menteri di dalam gulungan untuk mengesahkan bahawa ini adalah bukan sahaja perubahan tentang suatu akta tetapi satu perubahan penting, *systemic* yang di negara kita akan mengalih satu sistem *pro-creditor* ke sistem untuk menyelamatkan penghutang dan memberikan mereka satu peluang yang kedua iaitu *second chance*.

Apa yang penting ialah untuk memindahkan pandangan orang awam dan berikutnya hakim-hakim di mahkamah bahawa untuk menjadi seorang bankrap, seorang yang tidak dapat membayar hutang itu bukan satu jenayah. Mereka yang gagal membayar hutang, gagal dalam perniagaan dengan cara yang ikhlas dan jujur tetapi nasib tidak baik bukan seorang penipu. Ini kerana mengadakan stigma sampai hari ini, mereka mengadakan diskriminasi dan mengikut undang-undang yang sedia ada.

Satu perintah kebangkrapan menjadi seperti satu hukuman penjara umur hidup, *it becomes a life sentence*. Kalau mereka tidak ada diberikan *second chance*, mereka tidak akan dilepaskan menjadi seorang bankrap. Ini adalah sebab akta yang kita ada, 1967 diambil daripada akta United Kingdom 1914 di mana mengikut undang-undang yang lama iaitu mereka yang tidak membayar hutang, melakukan satu jenayah dan menganggap bahawa mereka yang menjadi seorang bankrap adalah seorang yang melakukan *bankruptcy fraud* dan adakan stigma seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan di Dewan yang mulia ini.

■1610

Oleh itu, saya meminta kerajaan untuk mengambil satu pendekatan menyeluruh atau *holistic approach* bukan sahaja mengubah akta-akta kebangkrapan tetapi juga akta yang mengawal peminjam seperti bank, institusi kewangan dan juga mengadakan undang-undang untuk memberikan perlindungan kepada penggunaan kewangan iaitu *financial consumer protection*.

Perkara yang kedua ialah tentang perubahan daripada sistem yang sedia ada di mana kita mengadakan dua peringkat. Satu peringkat ialah mahkamah mengeluarkan perintah penerimaan dan selepas itu peringkat yang kedua, untuk keluaran perintah hukuman kebangkrapan. Sistem ini ialah untuk memberikan satu peluang kepada penghutang untuk memberikan cadangan untuk menyelesaikan masalah.

Dengan sistem yang dicadangkan dengan ada satu perintah sahaja, saya meminta penjelasan, bagaimana penghutang akan dapat peluang untuk memberikan cadangan *voluntary arrangement* yang diadakan? Saya bercadang bahawa di dalam petisyen *bankruptcy*, notis

diberikan bahawa penghutang ada hak di dalam akta untuk membentangkan *voluntary arrangement* supaya penghutang tahu tentang apa yang mereka hendak lakukan.

Perkara yang ketiga, saya mengalu-alukan pindaan bahawa penjamin sosial tidak akan menjadi bankrap dan kepada penjamin yang lain, tidak boleh mengadakan prosiding kebangkrapan selain daripada kebenaran diberi oleh mahkamah. Sebenarnya perlindungan telah diberi kepada *guarantor* dalam *Contract Act* dan di dalam *common law*.

Akan tetapi, sebab perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh bank terutamanya dalam *guarantee* itu adalah berat sebelah, tidak adil dan setiap muka surat dan klausa di dalam perjanjian itu tujuannya ialah untuk membatalkan perlindungan yang telah diberi oleh Akta Kontrak kepada penjamin, saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk mengesahkan bahawa peruntukan yang sedia ada di dalam rang undang-undang ini tidak boleh di-*contract out*, bahawa bank tidak boleh menggunakan surat perjanjian untuk membatalkan dan mengeluarkan perlindungan yang diberi kepada penjamin.

Oleh sebab itu, saya meminta kerajaan melihat kepada peraturan dan perundangan yang lain iaitu *financial consumer protection* yang kita melihat pada waktu ini, seperti yang kita telah bincang dan membahaskan di dalam Dewan yang mulia ini, *credit card* kalau kita pergi ke *shopping center*, kita melihat bank-bank menggunakan pemuda untuk meminta orang awam untuk mengisikan borang tanpa melihat kepada kebolehan dan kemampuan mereka untuk membayar *credit card*. Setiap orang kemungkinan mengadakan dua, tiga hingga 10 *credit cards*, dan akhirnya tidak dapat membayar. Ini bukan satu cara untuk membantu rakyat tetapi menjadi satu *entrapment* kepada mereka.

Kalau kita mengadakan undang-undang *financial consumer protection* dan juga untuk mengawal syarikat-syarikat *credit card* dan bank untuk menjadi *responsible lender*, baru kita mengadakan satu keadilan kepada semua dan kita tidak akan ada masalah yang kita sedang alami iaitu bahawa anak-anak muda di antara umur 25 tahun sampai 35 tahun, adanya juga yang kurang daripada 25 tahun sudah menjadi muflis.

Selain daripada itu, Bank Negara Malaysia dengan kerajaan hendak memberikan peraturan yang lebih ketat. Kita telah mengadakan garis panduan untuk memberi pinjaman yang bertanggungjawab untuk memastikan kemampuan membayar balik oleh peminjam. Ini hendak diketatkan supaya pemuda yang hendak meminjam kerana mereka tidak ada peluang lain kerana harga rumah terlalu tinggi dan apabila mereka mendapat pinjaman untuk membeli rumah tetapi akhirnya tidak mampu untuk membayar menjadi muflis. Kita melihat di dalam profil muflis bahawa mereka yang menjadi bankrap ialah disebabkan pinjaman perumahan, pinjaman kereta, pinjaman *credit card* dan hanya satu peratus yang kecil iaitu pinjaman untuk perniagaan.

Maknanya kita hendaklah menggunakan satu pendekatan yang holistik mengapa ini berlaku di dalam negara kita kerana ia adalah keperluan, bukan mereka telah menipu. Akan tetapi kita hendak semua menyelesaikan masalah tentang rumah mampu milik, kenderaan dengan harga yang munasabah. Ini hendak dibuat oleh seluruh dan bukan sahaja kita hendak menghukum pembeli dan peminjam.

Perkara yang keempat ialah tentang *automatic discharge*. Saya mengalu-alukan *automatic discharge* kerana tidak ada apa manfaat untuk bankrap yang memang tidak akan mampu untuk membayar balik. Contohnya, kalau menjadi penjamin kepada syarikat dan akhirnya menjadi bankrap, bukan orang penjamin yang pinjam tetapi syarikat yang pinjam menjadi bankrap RM100 juta. Akan tetapi orang atau individu itu sendiri kebolehan mereka kemungkinan RM1 juta, kalau itulah RM1 juta yang mereka ada dan itulah *contribution, targeted contribution* untuk *provable debt* dan ini diberikan, memang adil melepaskan orang itu daripada kebangkrutan dan tidak ada manfaat untuk orang ini hendak menjadi bankrap selama-lamanya.

Kalau kita tukar fikiran kita daripada cara untuk menghukum penghutang kepada satu fikiran *second chance* seperti yang sedia ada di Amerika Syarikat dan United Kingdom, kita melihat satu contoh yang jelas, Presiden Donald Trump, dia telah mengadakan *Chapter 11* dan bankrap empat kali, bukan satu kali, empat kali. Akan tetapi cara mereka di Amerika melihat bukan dengan ada stigma bahawa ini adalah seorang peniaga yang rela untuk mengambil risiko, *entrepreneurial spirit* dan akhirnya menjadi presiden. Ini yang penting untuk kita juga untuk tukar fikiran dan pandangan kita bahawa peniaga yang gagal bukan seorang yang menipu.

Akan tetapi untuk *automatic discharge*, kita hendak mengambil kira perbezaan antara penghutang yang jujur daripada mereka yang sebenar-benarnya menipu. Apa yang kita melihat ialah mengikut statistik tahun 2012 daripada Jabatan Insolvensi, ada 561 kes. Mereka yang tidak sampaikan *statement of affairs* seramai 66, *fraudulent data* hanya 23. Akan tetapi, 23 ini seharusnya tidak boleh dilepaskan.

■1620

Walaupun di dalam cadangan yang sedia ada mereka akan dilepaskan selepas tiga tahun, kalau ada bantahan maka boleh panjangkan dua tahun tetapi pada saya lebih penting ialah autoriti dan Jabatan Insolvensi mengambil tindakan kepada mereka kerana memang mereka telah melakukan kesalahan iaitu *fraudulent bankruptcy activities* dan hanya dengan cara ini untuk membezakan mereka yang jujur daripada mereka yang telah menipu baru kita mengadakan *automatic discharge* ini dengan cara yang baik.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Selayang, Kota Tinggi.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan Yang Berhormat Selayang tadi sebab bila cakap kebangkrutan ini selalunya kita ada dua satu kita bukan bersifat *penalizing* yang akhirnya tidak produktif tapi kita mesti bersifat *rehabilitative* atau memulihkan semula.

Cuma Yang Berhormat Selayang di Amerika ini lain sikit kadang-kadang ada orang dia lebih suka bankrap dan *take protection, bankruptcy protection*. Kita tidak hendak macam itu, tapi pandangan saya Yang Berhormat Selayang macam AKPK ini sebagaimana Yang Berhormat Selayang ada statistik kita dapat kenal pasti mereka yang bankrap sebab mereka

sebenarnya *entrepreneur*. Contohnya MLM ramai bankrap sebab mereka beli produk sebab itu tidak boleh jual dia bankrap tapi sebenarnya niat dia bukan menipu.

Jadi kalau AKPK- apa pandangan Yang Berhormat Selayang kalau AKPK ini, kita satu siapkan program yang kukuh untuk memulihkan semula mereka-mereka yang berpotensi untuk keluar daripada kebangkrutan ini.

Keduanya, kita perketatkan juga dan AKPK mesti mempunyai program-program untuk membantu mereka dan kedua kita menguatkan lagi mereka-mereka yang berniat jahat untuk sengaja *escape from* melalui kebangkrutan. Apa pandangan Yang Berhormat Selayang, terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, saya setuju bahawa kita hendak melihat kepada keadaan dan apa yang mereka berlaku, mereka jujur kita hendak melepaskan dan membantu tetapi mereka yang melakukan penipuan mereka mesti dihukum supaya mereka tidak dilepaskan. Masa sudah sampai saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Limbang.

4.22 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh di peringkat dasar tentang Akta Kebankrapan ini iaitu sedikit sahaja.

Pertama sekali saya memang menyokong penuh akan tentang untuk melepaskan *social guarantor* ini daripada kebangkrutan, itu satu. Setelah mendengar seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Kota Tinggi mencelah, ini bab-bab cerita *sympathy* dengan orang-orang Yang Berhormat bankrap *because of they are so enterprising* bukannya menipu. Saya pun setuju juga kalau penipu ini kena hukumlah bukan hanya yang bankrap. Mana yang menipu yang buat ini kena hukum.

Jadi saya ini ingin hendak menyuarakan tentang apabila yang sudah-sudah ini bila bankrap sampailah orang sama ada *guarantor* ataupun orang yang pemiutang. Pemiutang itu sendiri bankrap setengahnya sampai tidak disekat daripada keluar negara.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, *I think* Tuan Yang di-Pertua pun setuju kita berada di Pulau Borneo dan di tengah-tengah Pulau Borneo ini antara dua negara. Negeri Sabah dan Sarawak ada sebuah negara jiran negara asing yang tidak boleh tidak orang Sabah, orang Sarawak apabila hendak pergi berjalan memintas mesti melalui negara asing ini, negara Brunei Darul Salam.

Jadi ini yang pernah saya suarakan di Dewan ini juga iaitu untuk meminta supaya apabila si pemiutang sendiri yang bankrap ataupun *social guarantor* sebelum ini yang ini juga setengahnya dikenakan kebangkrutan di bawah bankrap ini iaitu tentang pergerakan mereka disekat. Iaitu pada masa ini negara kita di Sarawak masih ada satu pasport yang berwarna biru, pasport terhad yang hanya digunakan untuk melintasi negara Brunei Darul Salam. Itu kenyataannya. Saya sendiri pun lahir 1963 sudah ada keadaannya begini sempadan ada kita di tengah-tengah.

Jadi masalahnya apabila bankrap, perjalanan disekat timbullah masalah sosial juga iaitu tentang suka duka dan sebagainya, semua pasport mereka ini disekat. Saya pernah menyuarakan sebelum ini untuk orang-orang yang bankrap kah, yang PTPTN pun kena juga supaya disekatlah yang patut disekat hanyalah pasport *international* yang merah itu. Jangan disekat pasport terhad ini untuk kehidupan. Memang ini kehidupan rakyat, suka tidak suka, mahu tidak mahu tidak ada Limbang itu hendak dijadikan- kita ambillah tahun 1963 ke atas sampai hari ini. Tidak ada siapa hendakkan keadaan hidup macam itu kita di tengah-tengah pulau dalam negara sendiri dan disekat pula.

Saya rasa tidaklah susah sangat kalau kita boleh pinda undang-undang untuk memberi kelonggaran kepada *social guarantor* yang kena bankrap dan cara juga untuk membantu untuk orang bankrap, pemiutang itu sendiri tidakkan kita tidak boleh, agensi-agensi melonggarkan sedikit ini sahaja. Orang kata mungkin Limbang kecil, tidakkan satu negara ikut, itu rakyat Malaysia juga. Orang dari Sabah hendak berjumpa keluarga di Brunei pun tidak boleh suka duka, boleh *apply*. Dulu pernah dijawab kepada saya, "*Oh, on case-by-case basis*". Bila hendak- bila mana kalau hujung minggu, waktu cuti, orang meninggal mana kita tahu bila, yang kita minta hanyalah pasport terhad itu jangan disekat. Bagi tahu Imigresen daripada PTPTN kah, daripada mana-mana bank atau mana-mana agensi *make it the law*- yang dia sekat itu *international* yang biru itu siapa yang bankrap tidak boleh pergi mana, itu hanya untuk lalu sempadan sahaja.

Airport Brunei pun tidak bagi lepas kalau pakai pasport biru yang terhad ini dan orang Semenanjung pun mana boleh *apply* pasport itu. Orang di Sabah, Sarawak pun orang yang berdekatan sahaja, yang hendak *apply* pasport yang tempat mengeluarkan pasport biru terhad ini pun hanya di Miri, di Limbang, di Lawas dan di Selatan Sabah sahaja. Itu pun kita hendak sekat juga. Sedangkan orang yang bankrap lain bebas daripada Perlis pergi Johor, daripada Lawas sampai ke Tawau tetapi kita yang di sini itu tidak boleh. Kena minta juga, kena ini.

Saya inilah saya hendak suarakan, bukannya benda susah itu. Bila beri arahan kepada Imigresen *for whatever cases*, PTPTN punya hutang tidak bayar banyak kes rakyat mengadu pasal PTPTN. Hendak balik raya pun tidak boleh. Akan tetapi, *at least* PTPTN bila Yang Berhormat *contact*, "*Okey Yang Berhormat bagi nombor telefon ini...*", dia orang telefon runding sikit, walaupun bayar ada yang berapa- sebab yang kena sekat ini sebab belum kerja. Ada yang dulu bekerja sekejap, kahwin berhenti, tidak kerja sudah tidak ada lagi dapat bayar dan dia berunding dengan PTPTN, bayarlah sedikit dulu apa-apa dia longgarkan, dia buka. Akan tetapi bila bab bankrap yang saya tahulah, yang diberi jawapan kepada saya mesti buat *case-by-case basis*, tidak boleh tidak mesti juga. Saya tanya orang mati kita tahu kah bila keluarga mahu mati di Brunei, bila keluarga mahu mati di Miri, bila keluarga mahu mati di Sabah.

Saya terus terang *I'm very*- tentang ini. Inilah satu-satunya daerah di dalam negara Malaysia, negaraku ini yang keadaannya begini. Walaupun kita berjiran, itu hujung Perlis jiran Thailand, Johor jirannya Singapura. Tidak apa, tapi masih bebas bergerak dalam negara sendiri. Ini kita tidak boleh, itu yang saya minta kepada kerajaan melihat bankrap kah- *this is a good news*, dengan izin, *for social guarantor* yang terperangkap disebabkan oleh keadaan.

Jadi saya berharap kepada kerajaan supaya melihat- saya bukan hanya tentang sosial *even* si bankrap itu sendiri pun jangan sekata pasport biru dia. Dia pun manusia, dia hendak hidup juga.

■1630

Kalau hendak sekata, *I agree* sekata pasport Internasional supaya tak boleh lari pergi mana-mana. Yang biru ini saya minta, ini kehidupan harian. Suka, duka, apa sahaja. Jadi, mintalah. Orang kata boleh naik kapal terbang Yang Berhormat. Kapal terbang Limbang-Miri, harga dia kalau dalam *rate* biasa, lebih mahal daripada Miri-Kuala Lumpur. Namanya orang bankrap tetapi boleh naik kapal terbang pula. Siapa nak percaya bankrap? Biar betul. Jadi saya berharap, saya menyatakan kepada ini Tuan Yang di-Pertua, ini yang sebenarnya adalah untuk kita di Pulau Borneo ini, negeri Sabah, negeri Sarawak, ini keperluan kita yang sebenarnya melintas. Sudah jadinya macam itu, buka mata, aih, kita ini di tengah-tengah *island* negara dua ini. Nak buat macam mana? Mungkin orang akan tanya, Yang terhormat berapa orang sahaja bankrap di Limbang? Bukan kita bankrap sahaja. Mungkin banyak, saya- *I don't have the figures for* orang Limbang yang *bankrupt for whatever reasons* dan banyak lagi hal-hal lain, PTPTN dan sebagainya, banyak.

Jadi, saya berharap kepada kerajaan, melihat perkara ini, *please, please, please*. Limbang sudah macam *created* masa tahun 63 memang sudah macam itu dah. Menjadi sebuah daerah dalam negara Malaysia dan begitulah kedudukannya dan kita tersekat oleh sempadan. Saya minta supaya sama ada bankrap dan sebagainya, termasuklah si pemiutang yang bankrap, jangan sekata pasport terhad dia. *Don't worry*, dia akan tak boleh pergi ke mana. Kalau hendak minta lagi jawapan yang sama, oh *apply, apply* Yang Berhormat. Macam jawapan yang diberi kepada saya dulu, ya lah kalau hujung minggu orang meninggal, dengar berita sahajalah, kirim duit sahajalah Tuan Yang di-Pertua, dalam *envelope*, sedekah sahaja. Batang tubuhnya *ndak* dapat pergi *bah*. Kenapa? Pasportnya kena sekata. Apa boleh buat, kesian padahal sebelah dinding sahaja.

Jadi, saya berharap kepada ini, kalau kita boleh macam kata Yang Berhormat Selayang, kita pun kena simpati melihat orang bankrap ini bukan penjenayah, ini pun bukannya penjenayah ini. Yang rakyat biasa yang hendak lalu, melintas sebagai kehidupan mereka di dalam negara sendiri, kita di penjara dah awal-awal. Seolah-olahlah tak boleh bergerak mana-mana. Saya ulangi, sedangkan di tempat lain bankrap juga. Apa beza bankrap rakyat di Kuala Lumpur, di Johor, di Pahang, di sini dengan yang bankrap di sana? Sama tetapi yang satu ini tak boleh bergerak. Yang lain bebas seperti biasa. Itulah permintaan saya kepada kerajaan kita, mempertimbangkan melihat perkara ini. *Please* jangan sekata pasport terhad. *Make it very clear to Immigration*. Sekata sahaja pasport merah dia supaya tak boleh lari. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Krai.

4.34 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil sedikit masa sahaja untuk membahaskan rang undang-undang mengenai kebangkrutan ini. Kita mengalu-alukan rang undang-undang ini kerana memberikan sedikit kelegaan kepada mereka yang terlibat sama ada peminjam ataupun penjamin-penjamin yang agak kerisauan selama ini takut diburu. Kita biasa mendengar ada bakal-bakal calon pilihan raya terpaksa digugurkan sebelum hari penamaan calon kerana maklumat dari Jabatan Insolvensi mengatakan mereka ini bankrap atau kalau tidak bankrap pun, ada sedikit masalah di sana. Jadi, khuatir, takut dibatalkan pencalonan, maka digugurkan. Ada juga wakil rakyat yang bukan kerana mereka meminjam tetapi kerana menjadi ya, mereka peminjam sebahagiannya yang dan juga *guarantor* yang akhirnya bankrap.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pula memberikan suatu kelegaan terlalu sangat kepada bakal-bakal peminjam. Seolah-olah ini ada peluang baru untuk kita meminjam daripada peminjam-peminjam. Kalau ada niat-niat untuk tidak membayar dan sebagainya kerana di sana ada kelegaan-kelegaan yang baru, saya rasa ini tidak berlaku adil kepada syarikat-syarikat ataupun kreditor-kreditor kita. Mengenai *social guarantor* ini, saya merasakan ia amat dialu-alukan. *Social guarantor* ini mungkin dia penjamin biasiswa ataupun apa-apa hadiah pelajaran yang bertujuan semata-mata untuk memastikan anak-anak bangsa kita memperoleh peluang untuk belajar melalui biasiswa-biasiswa yang diberikan oleh kerajaan ataupun mana-mana badan berkanun.

Jadi, niat yang baik ini mungkin dicemari apabila mereka yang meminjam atas apa juga sebab kerana tidak mahu bayar ataupun kerana tidak mampu bayar dan tidak dapat dihubungi oleh peminjam yang memberikan pinjaman sehingga yang lebih mudah dicari ialah penjamin-penjamin, *guarantor*. Ini tidak berlaku adil dan kadang-kadang mereka yang meminjam ini kita tahu berjaya dalam kerjaya masing-masing, cuma agak liat untuk membayar.

Jadi, kita tidak harus *penalised*, dengan izin, dan memberikan ruang kepada lebih ramai orang untuk menjadi *guarantor*. Bukan sekadar *social guarantor*, penjamin-penjamin biasanya pun sepatutnya diberikan sedikit kelegaan. Dalam hal ini juga diberikan kelegaan kerana tempoh-tempoh mengambil tindakan pada *guarantor* ini diperpanjang. Begitu juga dengan menaikkan jumlah pinjaman yang tak berbayar daripada RM30,000 kepada RM50,000. Juga mungkin memberikan suatu kelegaan bagi ramai kita. RM30,000 tak sampai 10,000 Dolar Singapura misalnya. Dengan pinjaman sebanyak itu sudah jadi bankrap kalau kita bayangkan, jadi ini saya rasa mungkin menimbulkan implikasi yang tidak baik kepada imej kita rakyat di Malaysia.

Akan tetapi sekali lagi ingatan diberikan supaya peminjam-peminjam ini tidak mengambil mudah, sambil lewa untuk memastikan mereka membayar pinjaman-pinjaman dan hutang-hutang mereka. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengingatkan kepada pihak Ketua Pengarah Insolvensi ini, DGI ini. Kalau kita melihat dalam rang undang-undang ini, dia hendak kelihatannya banyak prosedur yang diperkemas yang melibatkan pejabat Ketua Pengarah Insolvensi. Hendak ke mahkamahanya berulang kali mengeluarkan

kenyataan *tracing* ataupun mencari peminjam-peminjam, kreditor-kreditor dan juga *debtor-debtomya*. Ini memerlukan Jabatan Insolvensi ini bersedia dengan lulusnya rang undang-undang ini, ada kemungkinan kerja di Pejabat DGI ini akan bertambah. Jadi, pastikan persediaan jabatan tersebut dapat memberikan kesan yang positif kepada pelaksanaan undang-undang ini nanti.

Satu yang saya ingin sebut Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelonggaran-kelonggaran yang diberikan kepada peminjam-peminjam ini. Mungkin akan berlaku reaksi daripada pemberi pinjaman, bank-bank dan institusi kewangan apabila melihat seolah-olah kepentingan mereka terancam dengan lulusnya rang undang-undang ini. Ertinya, mereka mempunyai tugas yang lebih besar dan susah untuk memastikan peminjam membayar. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kerajaan supaya mengambil berat, memastikan bahawa tidak ada *backlash* ataupun tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pemberi kredit ini. Umpamanya, oleh sebab untuk memastikan *guarantor* ini membayar atau dijadikan bankrap semakin susah, maka kemungkinan kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat pinjaman ini diperketat oleh bank untuk memastikan yang meminjam ini benar-benar berupaya untuk meminjam dan juga *guarantor* pun berada dalam keadaan yang berupaya untuk menjadi penjamin.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kuala Krai, minta mencelah, Batu Kawan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Krai, seseorang yang *declare* bankrap merupakan seseorang yang tidak dapat melangsaikan pinjaman mereka kepada bank.

■1640

Saya ingin mencadangkan di sini agar sedikit wang simpanan KWSP mereka dibenarkan dikeluarkan untuk membayar hutang-hutang yang mereka ada contoh hutang bayaran perumahan atau kredit kad sebab ini wang mereka. Pada masa kebenaran daripada KWSP adalah wang itu boleh dikeluarkan untuk membeli rumah, untuk bayaran pendidikan dan juga *medical* dan 10 tahun yang lepas, kebenaran juga diberikan untuk membeli *laptop* pertama. So, sekiranya simpanan KWSP dibenarkan pengeluaran untuk membayar benda-benda seperti ini contoh jika seseorang mengalami kemalangan yang serius, tidak dapat membayar rumah mereka tiga bulan maka mereka akan diberikan surat merah, rumah mereka akan ditarik, mereka akan disenaraihitamkan.

Jika mereka dapat mengeluarkan sedikit dan ini di bawah pemantauan MoF atau AKPK, *case-by-case basis*, ia akan *prevent* masyarakat untuk meminjam duit daripada along, sekiranya ia dapat dihalalkan oleh kerajaan sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai? Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, saya berkeyakinan pemberi pinjaman bank-bank cukup berminat dengan cadangan daripada Yang Berhormat Batu Kawan

tadi kerana peminjam ataupun pemberi pinjam, dia hendakkan duit dia tetapi kita kena ingat bahawa kehidupan kita tidak berakhir dengan jadi bankrap. Akan tetapi kita akan ada tempoh hidup lagi lepas daripada umur 50 tahun, 55 tahun di mana kita memerlukan simpanan kita ini. Jadi boleh mengeluarkan mungkin sebahagian untuk menyelesaikan hutang ini kalau itu boleh menyelesaikan bankrap tadi. Kalau dengan mengeluarkan wang EPF yang tak seberapa pun mungkin tak selesai juga kebangkrutan itu, saya rasa lebih baik bankrap daripada habis langsung duit EPF dan tak tentu apa lagi. Nanti bila tiba 55 tahun, apa pun tak ada.

Akan tetapi ini saya rasa boleh kita pertimbangkan dalam satu perbincangan yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, kita risau. Tadi, ada beberapa perkara dan tindakan yang boleh diambil oleh pihak-pihak pemberi pinjam ini untuk sebagai tindakan mereka terhadap perubahan rang undang-undang ini iaitu mengenakan syarat-syarat kepada pinjaman antaranya yang sekarang ini kita anggap sebagai *guarantor* dipaksa menjadi peminjam sama atau *co-borrower* supaya.

Kalau tak bayar, dua-dua kena bukan sebagai sifatnya *guarantor* tetapi *co-borrower* ataupun rakan peminjam atau sama-sama jadi peminjam. Ini saya tidak pasti sama ada undang-undang membenarkan tetapi kalau ada kelompangan di sana ataupun ada ruang-ruang, kemungkinan bank akan mengenaikannya. Jadi ini akan menghilangkan roh daripada pindaan rang undang-undang ini untuk memastikan *guarantor* ini tidak dikenakan tindakan.

Seterusnya, kita lihat akan ada kenaikan daripada RM30 ribu *floor* kepada RM50 *floor*. Jadi dalam tempoh kelulusan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin bank akan menyegerakan tindakan-tindakan untuk memastikan peminjam-peminjam, pengambil pinjaman, penghutang ini segera diambil tindakan oleh bank. Jadi, saya khuatir dalam tempoh sekarang dengan rang undang-undang ini diluluskan dan diterima pakai, akan berlaku kes-kes peningkatan kebangkrutan yang mendadak. Jadi kita harap kerajaan melihat ini sebagai satu yang serius. Mungkin bank juga akan mengenakan syarat-syarat supaya peminjam memberikan maklumat-maklumat yang lebih *detail*. Aset-aset dia, kerja-kerja dia, sumber-sumber pendapatannya dengan lebih *detail* lagi. Begitu juga penjamin-penjaminnya.

Jadi, contohnya mengesan alamat terkini. Tiap-tiap bulan bank akan hantar kepada peminjam minta *update* alamat dan sebagainya. Ini semua adalah perkara-perkara yang mungkin bank-bank akan lakukan untuk memastikan mereka dapat wang mereka balik. Jadi selain daripada itu yang akhirnya mungkin bank juga akan mengenakan syarat-syarat yang baru untuk pinjam pinjaman yang kurang daripada RM50,000 kerana kurang daripada RM50,000 ini tak boleh diambil tindakan kebangkrutan. Jadi syarat-syarat yang baru ini mungkin menyusahkan kita namun begitu Tuan Yang di-Pertua, yang lebih pentingnya kita sebagai rakyat dan orang yang akan meminjam haruslah juga mengambil kira kemampuan kita.

Anak-anak muda yang diisytiharkan bankrap kerana mengambil pinjaman melalui kad kredit. Saya rasa kita masa mula-mula bekerja dulu pun ya lah tahun 80-an, kad kredit pun tak banyak. Kalau ada kad kredit satu dalam poket itu cukup, rasa ekdah ya. Saya tertarik kepada cara yang dibuat oleh kad-kad debit dan juga kad kredit tertentu seperti *American Express* dulu. Ertinya kalau kita sebulan itu pinjam menggunakan kredit RM3,000, RM3,000 lah kena bayar,

tak ada kurang tak ada 5 percent ataupun 10 percent. Hari ini lima percent minimum untuk membayar. Jadi anak-anak muda kita mengambil ini sebagai satu kelegaan, kelonggaran. Jadi kalau mereka membayar 5 percent dan hutang masih akan bertambah pula dalam bulan-bulan yang akan datang, mereka tidak akan dapat selesaikan pinjaman mereka sampai bila-bila dan akhirnya berakhir dalam bankrap.

Jadi pendidikan mengenai cara kawalan penggunaan kewangan kita, perbelanjaan kita ini harus dimulakan daripada awal lagi dan Bank Negara ada penasihat-penasihat untuk perkara ini. Tidak terhad kepada orang yang sudah bankrap ataupun orang yang bekerja tetapi menyediakan satu bentuk pendidikan kepada *public*, cara-cara untuk kita mengendalikan hal ehwal kewangan kita supaya tidak terlibat dengan kes-kes kebangkrutan ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

4.46 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 yang mana kita melihat bila berlaku bankrap ataupun orang Melayu di kampung-kampung dia sebut muflis maka satu tanggapan masyarakat, orang yang bankrap ini dia pakai sehelai sepinggang. Tidak boleh keluar negara, tak boleh segala-galanya, seolah-olah dia mengalami nasib yang paling malang dalam negaranya sendiri. Kenapa boleh berlaku kebangkrutan ini? Kita tengok pasal ada yang memberi pinjaman bank, syarikat kewangan berdaftar dan ada juga syarikat kewangan yang tak berdaftar tetapi mereka tidak bankrap tetapi kena pukul macam along, tak bayar tetapi yang kerajaan kalau kita tak selesaikannya permasalahannya, kita akan alami kebangkrutan dan macam yang saya katakan tadi, orang yang bagi hutang tadi bank, kewangan, kemudian ada dua kumpulan lagi yang membuat hutang dan kalau tengok jenis-jenis hutang yang dibuat, ada penjamin.

Saya masih ingat waktu saya jadi cikgu dulu. Ramai anak murid dapat masuk ke universiti kemudian kita diminta untuk menjadi penjamin kerana dapat pinjaman MARA. Ramai juga di kalangan kita bila jadi penjamin pinjaman MARA tadi, bila anak murid kita tidak bayar hutang, kita sebagai penjamin dengan niat tulus ikhlas, kita pula nak kena dapat surat bankrap. Akan tetapi dalam gambaran sebenar, nak dapat bankrap ini bukannya senang. Dia mesti ada surat tunjuk sebab kepada penjamin, peminjam. Setelah peminjam tak dapat ditemui, itu yang dicari penjamin. Di sinilah undang-undang yang kita hendak ubah pada hari ini, pada Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini boleh melindungi ramai daripada kita daripada mungkin diisytiharkan bankrap.

Dalam pada itu, saya tak tahu daripada segi dalam ini, saya tak berapa faham sangat. Bagaimana peminjam-peminjam yang ada *planning* untuk meminjam kemudian dia diisytiharkan bankrap lebih itu waris dia boleh ambil. Macam mana kedudukan dia ini? Kadang dia sengaja. Kalau kata individu, dia buat pinjaman, dia boleh diisytiharkan bankrap, dia pindah harta-harta

dia kepada *family*, kepada anak-anak lepas itu perniagaan diserahkan kepada anak-anak, dia diisytiharkan bankrap, goyang kaki.

■1650

Macam mana kedudukan yang macam ini dalam rang undang-undang kita. Begitu juga syarikat yang meminjam, yang ada ahli-ahli rakan kongsi dalam syarikat yang tidak reti fasal berniaga tetapi ditarik menjadi rakan niaga. Kemudian yang *board director* yang Pengerusi dia tadi gunakan nama rakan kongsi sebagai penjamin. Yang akhirnya syarikat tidak boleh bayar rakan kongsi tadi. Kena tanggung menjadi muflis- yang *board director* lain boleh lepas. Bagaimana dalam Rang Undang-undang Kebankrapan ini melindungi mereka yang seperti ini? Ya.

Jadi kadang hendak sebut bankrap ini pun susah juga kan. Jadi ini antara yang ini. Kemudian kalau kita tengok pengalaman mangsa lampau, kita macam-macam *business* yang kita tidak berapa faham. Orang bagi salinan IC. Akhirnya salinan IC tadi digunakan oleh mereka yang lain sebagai hendak buat kad kredit, hendak buat pinjaman- si bagi kad IC tadi, dia menghadapi masalah kerana diisytiharkan muflis yang dia tidak tahu dia muflis. Yang dia tahu dia ada pegang pasport antarabangsa, sampai ke- dia dah beli tiket, dia pun tidak berapa reti fasal itu, sampai ke pintu antarabangsa, tunjuk pasport, tidak boleh- bankrap.

Ini antara yang kita lihat kesedaran dalam masyarakat tentang perbelanjaan kewangan tadi sehinggakan mereka ada RM5,000, belanja RM10,000. Ini yang akhirnya jadi yang macam-macam. Saya masih ingat pengalaman saya sebagai guru peringkat awal. Punya teringin saya hendak ada kad kredit. Pihak-pihak yang mengeluarkan kad kredit, bila kita tunjuk gaji cikgu ketika itu, dalam RM400 lebih, SPM lulus masa itu kan, *depa* kata tidak layak pakai kad kredit. Akan tetapi hari ini kita pergi ke *shopping complex*, bank itu, bank ini bagi borang, hendak kad kredit? Orang muda. Ini sebenarnya dalam rang undang-undang ini, adakah tidak pengawalan dari segi pendapatan dan sebagainya. Kalau betul, sudah dibagi kad kredit kepada generasi muda. Bagaimana dari segi pihak kerajaan memantau di peringkat bank? Tengok dalam perjalanan tiga bulan. Mereka yang pendapatan tidak berkemampuan sebenarnya berapa banyak kemampuan dia berhutang tiap-tiap bulan tadi.

Kalau tidak, fasal bankrap bukan dibuat oleh bukan kerajaan, bukan dibuat oleh swasta. Bankrap diisytiharkan oleh Jabatan Insolvensi, Jabatan Amanah Raya ini kan. Jadi hendak sebut pun saya bergulung lidah ya. Jadi kalau kita tengok ini kerajaan yang buat. Macam mana Yang Berhormat Limbang tadi, saya cukup tadi simpati. Ini sebenarnya macam ini, betullah Yang Berhormat Limbang sebut, tapi dalam yang lain, oh Sarawak dengan Sabah, dia ada undang-undang dia sendiri, kan. Akan tetapi dari segi perjalanan, kita nampak kita serupa duduk dalam satu Malaysia. Akan tetapi yang sebenarnya sudah tiba masa kalau betul-betul kita, jangan ada perbezaan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak kan, pada sayalah.

Kemudian kita teruskan lagi. Saya melihat rang undang-undang yang kita buat ini memberi harapan baru kepada masyarakat sama ada di bandar dan luar bandar di mana

selepas tiga tahun mungkin boleh dilepaskan bankrap. Pinjaman sosial kata tadi, macam pelajaran dan sebagainya tidak dicari penjamin.

Yang kita kadang-kadang hairan, katalah kadang-kadang pejabat MARA itu duduk di Gerik, yang tukang pinjam itu duduk di sebelah pejabat, tetapi yang kena penjamin. Penjamin pula duduk di kampung-kampung itu. Ini kadang-kadang kita tengok undang-undang kurang baiklah, yang menyeksa rakyat sehingga mereka tidak reti. Tiba-tiba dapat surat diisytiharkan mufliis kerana dia tidak sedar. Panggil mahkamah dia tidak berapa faham. Ada setengah pula jabatan dan kementerian tulislah Bahasa Inggeris. Orang kampung mana tahu baca bila panggil ke mahkamah.

Jadi akhirnya dia tidak peduli hal itu sehingga namanya tertera di dalam surat khabar yang menyatakan sekian, sekian masa, dia diisytiharkan sebagai seorang yang mufliis. Oleh sebab itu rang undang-undang yang ada ini mesti melindungi semua benda-benda ini yang kita mengharapkan pada masa hadapan kurangnya kebangkrutan berlaku sama ada generasi muda atau generasi tua.

Tetapi dalam pada itu kita melihat sebab mufliis satu, kad kredit, yang jenis tidak bayar tiga bulan. Kedua fasal pinjaman kereta, rumah dan juga pinjaman peribadi. Dalam pada itu juga syarikat-syarikat yang konon-konon satu ketika dulu kerajaan hendak galakkan bumiputera berniaga. Berlakulah Ali Baba punya *partner*. Maka si Ali ini lah yang biasanya menjadi mangsa menanggung kebangkrutan yang ada.

Saya berharap rang undang-undang yang ada ini boleh melindungi bagaimana kaedahnya, bagaimana kita hendak membentuk rakyat yang memahami cara berbelanja. Kalau dia ada RM3,000, dia jangan belanja RM4,000. Sebab hari ini bukan macam 20 tahun dahulu. Kita perlukan *handphone* yang canggih. Kita perlukan kereta. Dulu boleh pakai motor dengan basikal. Sekurang-kurangnya dalam kepala kita boleh pakai *Kancil* ataupun *Axia* pun sudah memadai sebab keperluan kita bertambah. Pendapatan kita walaupun besar tetapi bertambah macam-macam.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh sebab itu, Rang Undang-undang Kebankrapan ini sedikit sebanyak dapat melindungi segala-galanya yang akhirnya boleh memberi kebaikan kepada rakyat kita di bawah. Setidak-tidaknya, dalam Akta Kebankrapan ini pun kena tengok. Bank pun sebelum dia pergi *charge* bankrap, dia juga mengguna tenaga *gangster* ini. Tidak bayar tiga bulan, suruh *depa* tarik kereta. Apa kaedahnya kepada peminjam tadi hendak dilindungi? Satu, itu pada peminjam. Kalau peminjam tadi tidak bayar juga, penjamin pula kena isytihar untuk dikenakan untuk membayar balik ataupun setidak-tidaknya dia akan diisytiharkan sebagai bankrap.

Jadi di sini supaya rang undang-undang yang ada ini sedikit sebanyak dapat menampung keresahan, kegelisahan penduduk-penduduk yang kurang berkemahiran tentang keadaan tersebut. Kita berharap supaya dengan rang undang-undang yang ada pada hari ini, kerajaan mesti fikirkan satu perkara, jangan sewenang-wenangnya memberi kad kredit kepada

individu. Kalau dia sudah ada satu, cukup. Ini kadang dia sampai kita tengok buka beg, kad kreditnya bersusun dalam beg duitnya. Jadi kalau banyak hutangnya, bagaimana dia hendak boleh menyusun pembayaran hutang-hutang tadi tiap-tiap minggu. Lagi banyak lubang, lagi susah kita hendak kambus lubang tadi. Itulah maksudnya. Kena pandai mengurus tentang soal tersebut.

Saya tidak hendak cakap lebih panjang lagi. Walau bagaimanapun, ada satu benda yang saya suka sentuh iaitu supaya yang...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Hendak cakap boleh Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh ya Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Gerik, saya tadi tertarik sebab Yang Berhormat Gerik cakap tadi pihak yang memberi ini bank, macam *credit card*. Jadi setuju kah Yang Berhormat Gerik kalau misalnya pihak-pihak yang memberi ini, tiap-tiap tahun dia ada *certain percentage*. Kita *collect* daripada dia, beri kepada AKPK dan AKPK run satu program hendak pastikan orang hendak keluar daripada bankrap ini mesti melalui program ini dan *certify*.

■1700

Oleh sebab kita hendak bagi peluang kedua kepada mereka yang bankrap mungkin sebab mereka tidak faham sistem. Dengan adanya konsep macam ini, dia kena melalui proses dua tiga minggu kursus dan *dicertified*. Dengan cara itu, bank ini juga bertanggungjawab untuk bagi *especially* mereka yang muda *first time*- apa pandangan Yang Berhormat Gerik? Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Di situ yang kita nampak kelebihan bila kata kita nak memisahkan tiga tahun dia boleh keluar daripada kebangkrapan di mana kita hendak ada satu garis panduan yang membantu mereka-mereka yang diisytiharkan bankrap untuk menyelesaikan supaya mereka tidak bankrap.

Dalam pada itu saya berkait dengan SSM iaitu syarikat-syarikat tadi yang kadang-kadang pemantauan di antara bank, Jabatan Insolvensi dan juga ini untuk memastikan mereka yang meminjam, penjamin dilindungi. Kita tidak boleh serah kepada Jabatan Insolvensi semata-mata yang akhirnya teraniaya banyak. Macam setengah kata ditahan perjalanan kerana bila diisytiharkan mufliis ini, tahu-tahu sajalah. Dia tetap juga hendak berjalan dari satu tempat ke satu tempat.

Akhir sekali saya berharap rang undang-undang ini boleh memberi manfaat kepada seluruh rakyat di Malaysia. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Kebankrapan (Pindaan) 2016. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dimaklumkan selepas Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Berapa orang, berapa minit?... Lima minit? Bolehlah, sepuluh minit.

5.02 ptg.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah.*

Pertama sekali saya hendak baca satu ayat dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran Surah An-Nisa:5] "Janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalinya ataupun akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu sebagai asas pembangunan kamu: dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik".*

Ayat ini sebenarnya menjelaskan kepada kita kaedah berinteraksi dengan sekatan melibatkan harta yang kadang-kadang harta itu disekat untuk kebaikan tuan punya harta yang gagal atau tidak mampu untuk menguruskan harta sendiri ataupun harta itu disekat untuk memberi manfaat ataupun memberi hak kepada mereka yang ada hak terhadap harta yang disekat tersebut. Itulah asas ayat Al-Quran dalam membicarakan topik bankrap ataupun muflis ini. Seorang yang bankrap ada tiga perkara asas yang perlu kita tengok:

- (i) dia ada hutang;
- (ii) dia tidak mahu bayar hutang; dan
- (iii) aset yang dia ada lebih kecil daripada nilai hutang yang dia ada.

Dengan itulah diisytiharkan bankrap dengan tiga tujuan, pertamanya untuk menjaga kebajikan orang yang bankrap. Maksudnya ialah supaya orang yang bankrap tadi ataupun orang yang mempunyai hutang yang besar berbanding aset yang ada itu tidak terlajak lebih jauh menambahkan lagi hutang jika tidak ada sistem pengisytiharan bankrap ini, itu yang pertama.

Yang kedua, untuk menjaga hak pemiutang yang beri hutang itu hak harta yang dia punya dan yang ketiga untuk menjaga hak masyarakat. Maksudnya iaitu supaya jangan ada orang lain yang tidak sedar dia tidak mampu, orang itu tidak mampu untuk meminjam, dia masih diberikan pinjaman. Itu mungkin berlaku satu keadaan penipuan. Ini tiga tujuan dibuat sistem pengisytiharan bankrap.

Pada zaman Nabi SAW, Rasulullah SAW pernah... *[Membaca dalam bahasa Arab]* Baginda pernah menyekat harta milik seorang sahabat namanya Muaz, dan menjual hartanya untuk membayar hutangnya. Akan tetapi apa yang hendak kita bincang pada hari ini ialah bukan hanya penambahbaikan yang kita buat terhadap Akta Kebankrapan 1967 ini tetapi untuk kita melihat juga punca kepada bankrap.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Nerus, minta celahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Nerus, adakah Yang Berhormat Kuala Nerus bersetuju dengan saya bahawa kebanyakan daripada mereka yang terlibat ini ialah disebabkan oleh kos sara

hidup dan pendapatan terutama sekali penjawat awam ini mempunyai pendapatan yang rendah yang tidak boleh mereka *survive*, sebab itu mereka buat pinjaman. Apakah Yang Berhormat Kuala Nerus bersetuju dengan saya? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, saya akan sebut sekejap lagi *point* yang sama *insya-Allah*. Pertama sekali kita perlu lihat kepada punca pada bankrap ini.

Pertama sekali, Islam tidak menggalakkan seseorang itu berhutang. Ini perkara yang perlu kita tegaskan berkali-kali termasuklah apabila kita bahas Bajet Belanjawan Negara pun kita tekankan perkara ini bahawa berhutang itu bukan asas dalam kehidupan kita kerana itulah Nabi SAW mengajar kita berdoa... [*Membaca sepotong doa*] laitu, aku mohon lindung daripada hutang keliling pinggang dan juga manusia yang boleh menguasai kita disebabkan hutang tersebut.

Akan tetapi apa yang berlaku hari ini ialah hutang telah menjadi fenomena masyarakat. Kenapa menjadi fenomena? Ia kerana pertamanya sistem ekonomi kita adalah sistem ekonomi yang dibina atas dasar hutang, hutang di mana-mana. Hutang yang kita bina pula adalah hutang yang berdasarkan riba yang menambahkan lagi tekanan terhadap mereka yang mengambil hutang tersebut. Jadi kerana itulah untuk kita menyelesaikan isu bankrap ini, kita perlu pergi lebih jauh untuk menilai kembali sistem ekonomi yang kita pakai pada hari ini dan ia tentulah memerlukan perbincangan yang panjang kerana ia melibatkan dasar Bank Negara. Akan tetapi selagi mana dasar itu tidak kita ubah, maka kita umpama tidak memberi ubat di tempat yang betul ataupun ubat yang betul bagi penyakit yang sedang kita hadapi.

Hari ini kita lihat mereka yang berhutang, berhutang adalah kebanyakannya kerana keperluan asasi. Dalam Islam disebut sebagai *hajiyat* dan juga *darruriyat*. Pertamanya, mereka berhutang kerana kenderaan. Kenderaan adalah sebahagian keperluan hingggakan *36 percent* yang diisytiharkan bankrap kerana hutang kereta. Yang kedua, kerana hutang kediaman. Kereta dan kediaman, kedua-duanya adalah perkara yang penting, disebut oleh Nabi SAW... [*Membaca dalam bahasa Arab*] Maksudnya, empat benda punca kebahagiaan seseorang antaranya ialah kenderaan yang baik, kemudian rumah yang lapang.

Ini hak rakyat tetapi bila mana kita mengadakan sistem yang menyebabkan rumah itu dijual dengan harga yang mahal dan kereta dikenakan cukai yang tinggi yang mengambil duit yang banyak daripada rakyat, ini adalah punca-punca kepada hutang yang tinggi dan akhirnya membawa kepada kebankrapan.

Jadi sebab itulah saya kata kita perlu selesaikan pokok pada masalah. Selagi mana kita tidak tukar sistem kereta yang patut diberi dengan harga yang murah disebabkan cukai, maka isu yang sama kita akan hadapi. Selagi mana kita gagal untuk menyediakan kediaman dengan harga yang murah, selagi itulah kita akan hadapi benda yang sama yang kita bincang pada hari ini. Ertinya, apa yang kita pinda hari ini walaupun membantu tetapi tidak menyelesaikan masalah akar umbi yang berlaku.

Jadi kerana itulah kita perlu lihat kepada sistem Islam. Islam mengajar satu konsep dipanggil *Qardhul Hasan*... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] laitu, siapa yang hendak bagi

pinjam, pinjaman *hasan*, pinjaman baik tanpa sebarang faedah, maka Allah gandakan untuknya dengan gandaan yang banyak. Hari ini kita bergantung pada sistem perbankan dan perbankan adalah satu sistem perniagaan hutang. Itulah sebenarnya punca kepada masalah. Walaupun kita terima hakikat bahawa hari ini bank menguasai kehidupan berekonomi kita tetapi bila hutang itu menjadi duit, hutang diperniagakan, itu adalah asas kepada perbankan.

Walaupun kita tidak dapat nafikan kita bergantung pada perbankan tetapi sampai masa untuk kita membesarkan institusi-institusi yang boleh memberi pinjaman kepada rakyat dalam perkara yang melibatkan kereta dan juga kediaman yang mengambil konsep *Qardhul Hasan*, pinjaman tanpa sebarang faedah dalam perkara melibatkan keperluan rakyat. Macam mana kita biarkan manusia berniaga dalam perkara yang melibatkan keperluan rakyat. Inilah kesilapan besar kita dalam negara. Dasar ini perlu kita betulkan.

Kalau kita hendak konsep Islam, ada satu kaedah yang perlu kita bawa dipanggil *sukuk murabahah*, perkongsian keuntungan untuk seseorang mendapat rumah dengan harga yang murah.

■1710

Konsep *sukuk murabahah*, konsepnya ialah sepuluh orang ataupun 20 orang berkongsi untuk beli satu rumah dan rumah itu disewakan kepada salah seorang daripada kalangan mereka. Ini untuk mengelakkan berlakunya mereka bergantung kepada bank-bank yang akhirnya mereka terdedah kepada bankrap seperti yang kita bincang sekarang. Itu dua.

Satu lagi yang kita lihat juga ialah pinjaman kerana berniaga. Perniagaan adalah asas kehidupan. Ini kerana dengan berniaga manusia mendapat rezeki 9/10 rezeki datang daripada berniaga. Akan tetapi hari ini, perniagaan kita ditambah modal atau dibuat modal menerusi hutang. Hutang menjadi sumber kepada modal. Sedangkan konsep Islam ialah menggunakan konsep *musharakah* atau pun *mudarabah mutanaqisah*. Ini konsep Islam.

Apabila kita gagal perkenalkan konsep ini, menyebabkan mereka yang berhutang untuk berniaga, akhirnya mereka berhadapan dengan bila berlaku masalah ekonomi yang jatuh, kejatuhan mata wang dan sebagainya, maka mereka berhadapan dengan situasi yang kita panggil sebagai bankrap.

Jadi, saya rasa apa yang lebih penting untuk kita bincang apa solusi yang boleh menyelesaikan masalah bankrap yang kita hadapi pada hari ini. Oleh sebab itulah, satu penyelesaian perlu kita ambil. Saya rasa yang patut dimasukkan dalam pindaan akta untuk akan datangnya iaitu menggunakan konsep zakat *gharimin*. Dalam Islam, ada kaedah untuk mendapat zakat bagi mereka yang berhutang. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Harta zakat itu firman Allah Taala adalah milik orang miskin, orang fakir, orang miskin, orang yang menjadi amil, orang yang baru masuk Islam atau dijinakkan hati untuk Islam, orang yang hendak membebaskan daripada perhambaan dan satu lagi orang yang berhutang.

Erti Islam sebenar buka ruang untuk menyelesaikan masalah bankrap. Syarat untuk mendapat zakat bilamana berhutang ialah dia berhutang kerana keperluan diri, berhutang kerana beli kereta, berhutang kerana beli rumah. Ini adalah keperluan diri. Dia berhak mendapat zakat. Maka kena ada satu sistem yang mana kita *link* dengan kerajaan negeri,

dengan zakat-zakat di peringkat negeri yang boleh bantu untuk kita menyelesaikan ramai rakyat kita yang berhutang disebabkan kerana kereta dan juga perumahan.

Satu lagi, kalau kita ambil kuasa Islam juga pada zaman Nabi SAW, ada orang-orang kaya seperti Talhah bin Ubaidillah yang kerjanya membantu orang untuk membebaskan diri daripada hutang. Si kaya yang tolong bayar hutang orang miskin. Barangkali sistem ini tidak kita temui pada hari ini tetapi kerajaan perlu fikir serius ke arah ini supaya hasil yang kita dapat untuk menangani isu yang kita kata bankrap tadi lebih ke tahap maksimum. *Insyaa-Allah*. Itulah sedikit daripada saya. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya menyokong pindaan akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri akan menjawab Yang Berhormat untuk hari ini, kecuali kita *extend* masa. Boleh bagi tiga orang. Kalau tidak, saya terpaksa panggil Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Boleh sedikit? Kami sudah tunggu dari tadi Yang Berhormat Menteri. *Please, short one*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas 10 minit.

5.13 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang Dewan Rakyat 21/2016 akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967. Tuan Yang di-Pertua. Pertama kita mesti jelas sebagai satu masyarakat, apakah kedudukan si pemiutang dan si berhutang. Untuk masyarakat tidak terpincang, saya ingin mengatakan bahawa si pemiutang berhak untuk mendapatkan balik wang yang dipinjamkan dan si berhutang kalau tidak dapat bayar, haruslah memohon untuk belas kasihan atau dalam bahasa Inggeris, *grace* iaitu mendapat sesuatu yang kita tidak ada hak.

Jangan kita dalam perbahasan yang telah saya nampak tadi, ada kecenderungan hendak mengagung-agungkan hak seperti yang si bankrap itu ada hak untuk dibebaskan daripada hutang yang telah beliau *accumulated* dengan izin, yang dikumpulkan. Kita harus saya tahu bahawa kalau ini berlaku, tidak ada institusi kewangan, orang perseorangan atau badan-badan yang memberi pinjam wang akan berhenti memberikan wang. Ini akan menjejaskan mereka yang memerlukan wang, mereka yang miskin, penuntut-penuntut dan juga mereka terutamanya *microfinancing*. Biasanya, *microfinancing* menggunakan sistem *guarantor* yang mendesak mereka untuk membayar balik wang berkenaan.

Jadi, saya berharap isu ini mesti kita jelas. Saya menyokong pindaan yang hendak dibuat iaitu *voluntary arrangement*. Itu saya sokong. Di mana dalam *voluntary arrangement* itu hak pemiutang yang memberikan wang itu masih dihormati dan dimohon untuk datang berbincang. Saya membantah sekeras-kerasnya *automatic discharge after three years*. Ini kerana kalau ini berlaku, saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini bahawa memang ramai akan berhenti.

Institusi yang memberikan pinjaman kepada penuntut-penuntut pun akan berhenti kalau dikatakan *social guarantor* itu tidak boleh dijadikan bankrap atau dibawa ke mahkamah dan dijadikan bankrap.

Masalahnya ialah kalau ada automatik pelepasan daripada kebangkrapan, seksyen 35(1) Akta Kebankrapan ini menyatakan bahawa, "*the discharge will be discharged from all his debt provable in the bankruptcy*". Maksudnya hak pemiutang lupus. Kita mesti ingat bank bagi pinjaman. Itu bukan bank, *the bank gets from nowhere*. Itu pun wang pendeposit-pendeposit.

Kita dalam tahun 1980-an banyak institusi-institusi jadi bankrap *during crisis in the 1980s* kerana wang yang dipinjamkan tidak dapat balik. Akhirnya pendeposit-pendeposit yang kita kata hilang ataupun sekurang-kurangnya separuh, sebahagian besar daripada deposit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa pada masa sekarang ini *enforcement* atau apa dari pengalaman saya tidak cukup pegawai insolvensi di Jabatan Insolvensi. Seheinggakan kalau tiga tahun sahaja dalam satu pengalaman saya di mana 20 tahun pegawai insolvensi pun tidak boleh menyiapkan satu kes insolvensi. Jadi kalau tiga tahun kerana kesuntukan masa, pegawai yang *di affairs — straight more of the affairs of the bankrupt* dengan izin tidak dapat dibuat, kalau dibuat secara sepintas lalu tanpa siasatan yang lanjut, akhirnya semua orang akan menipu kerana mereka tahu mereka akan bebas selepas tiga tahun. Banyak harta akan disorok ataupun dipindah kepada orang lain untuk sementara waktu.

Sungguhpun saya tahu di bawah akta ini dikatakan kalau bankrap itu *commit and offence under 421, 422, 423, 444 or Penal Code which is this owner's removal property, fraudulent, transfer and et cetera*. Akan tetapi, hakikatnya dalam praktik ini, kita kata penyorokan atau pindah milik secara cepat sebelum apabila sahaja dapat notis kata minta bayar balik, mereka terus cepat-cepat akan sorokkan ataupun pindah milik harta. Hanya untuk tiga tahun, *automatic discharge* ini sangat berbahaya.

Akhir sekali, ingin saya katakan bahawa kerajaan tidak lama yang lepas dulu sudah pun hendak menggalakkan *default payment for house buyers*. Dikatakan graduan-graduan baru tidak mampu bayar deposit ataupun ansuran untuk pinjaman. Dia minta, dia beli tidak payah bayar ansuran tetapi bayar *interest payment owning* ataupun *default payment* dan juga *no deposit for purchase of cars*.

■1720

Ini sangat bahaya. Polisi ini tidak boleh diluluskan kerana ini akan menyebabkan ramai terhutang dan tidak mampu bayar dan akan menyebabkan mereka jadi bankrap. Oleh yang demikian, saya mohon supaya kita mesti seimbangkan pandangan kita iaitu hak duit mereka kalau bankrap ke bankrap ini tidak membayar balik. Jangan kita agung-agungkan mereka yang menikmati wang orang lain kemudian seperti ada hak untuk dilepaskan daripada pinjaman mereka.

Oleh yang demikian, saya harap kerajaan mempertimbangkan dengan serius peruntukan *automatic discharge* ini tidak boleh diluluskan dan apa yang ada sekarang ini iaitu masa lima tahun yang ada bagi saya sudah mencukupi. Satu, *we called a grace for a debtor*

sudah mencukupi apa yang sudah ada dalam akta kita ini yang sedia ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Sila, Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.21 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi pada hari Khamis, 30 Mac 2017.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

5.22 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut membahas akta meminda Akta Kebankrapan 1967 ini. Saya tidak akan menyentuh perkara-perkara yang telah disentuh oleh kawan-kawan saya. Saya cuma merasakan lega sebab ada proses baru untuk membela mereka-mereka yang akan dibankrapkan. Ada proses perundingan dan seterusnya ada pembelaan kepada penjamin sosial ini.

Namun saya agak terkilan kerana tiada siapa membangkitkan tentang mereka-mereka yang dibankrapkan bukan kerana kesalahan mereka. Ini adalah mereka-mereka yang mufliis disebabkan mereka berhutang membeli rumah-rumah dan rumah itu terbengkalai. Bila rumah-rumah ini terbengkalai, bukan salah mereka rumah ini terbengkalai. Salahnya adalah pada pihak bank yang melepaskan pinjaman atau bayaran kepada pihak pemaju dengan cara berperingkat tanpa membuat pemeriksaan ataupun betul mengesahkan bahawa rumah itu sudah sampai ke tahap-tahap tertentu. Akhirnya bila pemaju bungkus, lari kesemua wang yang

telah dipinjam itu telah dibayar kepada pemaju dan yang menanggung hutangnya adalah pembeli-pembeli yang teraniaya.

Jadi mereka-mereka yang muflis disebabkan penipuan, disebabkan oleh penganiayaan ini tidak terbela di dalam kes ini. Saya hendak beri satu kes di Pulau Indah. Satu kawasan perumahan di mana 2,000 orang pembeli rumah. Saya bawa perkara ini pada awal saya ingat dalam Penggal Pertama saya menjadi Yang Berhormat. Mereka membeli rumah dan yang hairannya pemaju ini boleh mendirikan boleh memajukan perumahan mereka tanpa mendapat kelulusan Pejabat Daerah, Pejabat Tanah tanpa mendapat kelulusan PBT tetapi pelik dan anehnya pembeli-pembeli ini boleh mendapat pinjaman bank.

Ada 2,000 orang terlibat mereka datang hendak minta tolong. Ini bukan salah mereka tetapi setelah pemaju tidak dapat melangkaikan atau meneruskan projeknya rumahnya terbengkalai, pihak bank telah membayar kepada pemaju maka mereka ini semua perlu membayar hutang tersebut kepada bank. Rumah tidak siap, rumah tidak nampak tetapi mereka perlu bayar kepada bank dan mereka tidak ada pilihan kerana pinjaman itu diambil di atas nama mereka dan pihak bank sedikit pun tidak mengambil tanggungjawab.

Saya bawa perkara ini banyak kali mengenai rumah terbengkalai, bagaimana Bank Negara boleh membenarkan bank meminjamkan kepada pembeli-pembeli membeli perumahan yang tidak ada *approval*, tidak ada kelulusan oleh pihak-pihak berkuasa. Mungkin sekarang lebih ketat namun mereka ini sampai sekarang kalau tidak bayar muflis dan mereka terpaksa membayar kalau tak hendak muflis kerana mengenangkan kalau sudah muflis, disenaraihitamkan maka kehidupan mereka ke depan adalah susah.

Mereka terpaksa membayar kepada rumah yang tiada dan mereka juga terpaksa membeli rumah lain ataupun menyewa rumah dan mereka sengsara sampai habis. Kalau tidak habis mereka akan muflis. Jadi kategori ini tidak ada, pembelaan ini tidak ada di dalam akta ini dan saya minta walaupun tidak saya minta supaya pihak kerajaan memberi perhatian kepada mereka setidak-tidaknya pihak bank perlu mengambil tanggungjawab kesilapan mereka dalam melepaskan pembayaran kepada pemaju. Maka mereka juga kena turut menanggung kerugian dan tidak melepaskannya semata-mata kepada pembeli.

Saya tidak tahu apa jalan keluar kepada mereka ini dan mereka yang enggan membayar pinjaman kepada bank diisytiharkan muflis dan mereka tidak ada ruang untuk dilepaskan selepas tiga tahun kah, selepas lima tahun kah tidak ada ruang langsung. Jadi selain daripada kita membela *social guarantor*, penjamin sosial yang cuba melaksanakan tanggungjawab mereka membantu orang-orang yang hendak berniaga dan orang yang hendak melanjutkan pelajaran, bagaimana dengan mereka ini yang meminjam untuk membeli rumah kerana rumah ini adalah keperluan asas.

Lagi satu golongan yang diisytiharkan muflis ialah golongan yang berpendapatan rendah. Di dalam keghairahan kerajaan untuk memberi rumah kepada mereka dan untuk menjadikan setinggan sifar di negeri Selangor, ramai daripada mereka pada awalnya diberi pinjaman ataupun diberikan hadiah hingga RM7,000, RM8,000 untuk membayar deposit rumah tetapi setelah mereka pindah daripada rumah setinggan ke rumah *flat*nya maka selepas

beberapa bulan dan sebagainya mereka tidak mampu membayar. Sekali lagi mereka ini kalau tidak bayar jadi muflis.

Jadi bila mereka sudah muflis, pinjaman-pinjaman seterusnya tidak dapat dilakukan. Hendak pinjam Hijrah daripada Kerajaan Negeri Selangor pun tidak boleh, hendak pinjam apa-apa bentuk jenis pinjaman pun mereka sudah tidak boleh. Jadi, kedua kategori ini saya minta kerajaan untuk mempertimbangkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.28 ptg.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. *A'uzu Billahi Minash Shaitonir Rajim, Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca selawat Nabi]* Kita masih lagi bincang dan saya yang terakhir tentang satu akta undang-undang untuk kita pinda Akta Kebankrapan 1967. Saya ingin membacakan satu hadis untuk kita kenal orang yang bankrap ini siapa dia.

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW, *[Membaca sepotong Hadis]* “Nabi bertanya kepada sahabatnya adakah kamu tahu siapakah orang muflis iaitu orang yang bankrap? Para sahabat dahulu sudah kenal orang muflis”. Mereka berkata, *[Membaca sepotong hadis]* “Orang muflis di kalangan kami ialah orang yang tidak ada harta wang ringgit, darham dan tidak juga tidak mempunyai harta mata iaitu untuk keselesaiannya”. Tidak ada harta-harta untuk keselesaiannya. Orang yang tidak mempunyai harta dengan kata lainnya mereka berhutang dan tidak boleh bayar hutang.

■1730

Nabi Muhammad SAW bersabda, *[Berucap dalam bahasa Arab]* Ini suatu yang mungkin kita di Dewan ini tidak menyentuh sedikit pun. Nabi bersabda, “Orang yang muflis di kalangan umatku, umat Islam ialah orang yang didatangkan pada hari kiamat nanti dengan solatnya, dia sembahyang, dia berpuasa, dia mengeluarkan zakat, tetapi dia telah...” *[Berucap dalam bahasa Arab]* “...dia telah memaki orang itu”. “Dia telah menuduh orang ini...” *[Berucap dalam bahasa Arab]* “...buat tuduhan palsu pada orang ini, dia...” *[Berucap dalam bahasa Arab]* “...dia makan harta orang lain kemudian dia menumpahkan darah orang lain, dia memukul orang lain, macam-macam kejahatan dilakukan”. Maka diberikan *hasanah* dia, kebaikan dia, pahala dia, kepada orang itu dan kepada orang ini. Jadi semua kebaikannya itu akan habis dan ketika habis, semua *hasanah* dia tu, semua kebaikan dia.

Maka diambil dosa-dosa orang itu diberi kepadanya dan kemudian dia akan dihumban ke dalam api neraka. Inilah orang yang muflis sebenarnya mengikut Nabi Muhammad SAW kepada orang yang bankrap ini, di akhirat nanti dia muflis. Di dunia ini kita ada orang-orang yang muflis juga sebagaimana para sahabat mengenali mereka ini adalah orang yang tidak boleh bayar hutang, mereka berhutang. Jadi ada sudah hutang dahulu, tetapi zaman sekarang ini dunia berhutang terlalu banyak. Bahkan budaya berhutang ini sebagaimana disebut oleh sahabat-sahabat yang ramai ia adalah suatu budaya hidup yang merosakkan masyarakat dan

juga merosakkan negara. Kerajaan pun rosak disebabkan hutang yang banyak, budaya berhutang ini.

Kita tahu orang-orang yang kaya di dunia ini, yang berkuasa di dunia ini adalah orang yang menguasai bank, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, bank-bank ini menguasai dunia, menguasai politik dunia. Oleh kerana mereka ini mempunyai wang yang banyak yang dibina atas kredit, di atas hutang-hutang dan yang menderita adalah manusia seperti kita. Rakyat seperti kita apabila kita perlu kepada hutang untuk kita menyelesaikan masalah-masalah yang darurat dalam kehidupan kita, maka kita terpaksa meminjam dan kita terpaksa membayar hutang ini.

Apabila kita tidak boleh membayarnya, maka kita akan digelar seorang yang muflis, seorang yang bankrap, dan tindakan-tindakan akan dilakukan oleh pihak yang berkuasa, oleh pihak kerajaan untuk memastikan kita terpaksa membayar kepada bank-bank ini hutang-hutang kita. Kalau kita tidak boleh bayar maka kita akan dikenakan *bankruptcy* dan macam-macam tindakan yang akan dikenakan ke atas kita. *Alhamdulillah* saya menyokong usul yang kita bawa pada hari ini kerana kita boleh mengurangkan sedikit sebanyak beban kepada rakyat biasa.

Ini kerana mereka apabila dikenakan muflis mereka boleh menyelesaikan sedikit sebanyak hutang mereka. Mereka boleh sedikit sebanyaknya khususnya bagi orang-orang yang menjamin, yang tidak berhutang tetapi menjamin sahabatnya, rakan-rakannya atau keluarganya, maka mereka ini tidak akan dikenakan hukuman muflis kepada mereka. Ini suatu yang meringankan kepada orang-orang yang berhutang dan orang-orang yang menjadi *guarantor* atau penjamin kepada penghutang ini. Maka ia adalah suatu- saya menyokong sebenarnya undang-undang ini yang membantu kita, membantu rakyat kita supaya boleh berdepan dengan suasana yang kita hadapi ini.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa ramai di antara kita yang berhutang oleh kerana kita menggunakan pinjaman peribadi, sama ada kredit kad atau pinjaman bank peribadi. Apabila kita meminjam secara peribadi ini, katakan RM10,000 dan apabila kita tidak boleh bayar mengikut bulanan yang RM10,000 ini akan meningkat atau akan berbunga dan berbuah menjadi RM20,000, RM30,000 dan akhirnya akan menjadi RM30,000. Apabila RM30,000 kita akan digelar muflis, kita hanya meminjam RM10,000 tetapi kerana sistem riba' yang kita amalkan sekarang ini, maka kita dijadikan muflis kerana bunga yang kita tidak boleh bayar. Inilah bahayanya sistem riba' yang ada sekarang ini yang boleh memufliskan ramai orang. Ini kerana mereka tidak mampu membayar hutang mereka.

Kalaulah tidak ada sistem riba ada di sana itu *qadrul hassan* maka kita hanya perlu membayar hutang kita sahaja, iaitu *principal* kita sahaja, tidak payah kita membayar bunga ini, maka kurang orang-orang yang akan muflis. *Insyah-Allah* akan kurang. Akan tetapi ramai yang menjadi muflis kerana mereka tidak mampu membayar bunga daripada hutang-hutang mereka. Sekarang kita memperbanyakkan lagi bunga-bunga ini sampai RM50,000 sampai RM50,000, barulah kita *cut-off* bahawa mereka akan digelar muflis.

Tidak ada bezanya, lebih baik di *cut-off* dalam RM30,00 kerana dengan itu hutang mereka RM30,000 sahaja, tidak sampai RM50,000. Sekarang hutang mereka sampai

RM50,000 disebabkan oleh bunga itu sendiri. Jadi ini satu kerugian kepada orang yang berhutang ini. Di sinilah maka menyusahkan, RM30,000 atau RM50,000 bagi saya tidak ada beza, yang pentingnya orang itu tidak dapat membayar hutang. Apabila tidak membayar hutang disebabkan oleh bunga yang sentiasa meningkat, maka dia digelar mufliis. Sebenarnya mufliis ini sebagaimana yang diberitahu kawan-kawan juga, ia sesuatu yang menyelamatkan orang itu kerana bila digelar mufliis dia tidak perlu lagi membayar hutang, dia tidak perlu bayar, dia hanya dibuat tindakan ke atasnya, tidak boleh berjalan, tidak boleh melancong, tidak boleh meminjam lagi. *Alhamdulillah*, maka dia berhenti daripada meminjam.

Mungkin dia adalah seorang yang kronik meminjam, hidup dia meminjam sana, meminjam sini, akhirnya sampai ke pada tahap mufliis. Maka dia tidak boleh meminjam lagi daripada bank. Akan tetapi dia tetap akan meminjam juga, orang seperti ini akan terus meminjam, akan terus meminjam dan akan terus berhutang sana-berhutang sini, minta di sana minta di sini untuk berhutang. Akan tetapi dengan adanya keadaan mufliis maka mereka tidak boleh meminjam daripada bank atau daripada institusi kewangan yang mana dengan itu menjaga juga institusi kewangan ini, supaya mereka ini tidak memberi pinjaman kepada orang-orang seperti ini. Kalau diberikan juga lagi, lagi mereka tidak akan membayar hutang dan bank-bank juga akan kerugian. Jadi menjaga bank dan menjaga juga golongan yang berhutang yang memang hidup dia berhutang dan tidak mahu bayar hutang.

Kita tahu ramai di kalangan orang yang berhutang ini mereka tidak mahu bayar, ramai, bukan sedikit. Jadi ini suatu masalah yang besar, dan mungkin yang cerdik di antara mereka dan kita tahu ramai orang yang cerdik mereka merancang untuk meminjam begitu banyak dan tidak membayar. Mereka menganggap mereka seorang diri sahaja yang akan bankrap, anak isteri mereka tidak akan bankrap bahkan semua harta dia, duit yang dia pinjam itu diberikan kepada anak-anak dia saudara mara dia, jadi dia tidak mempunyai harta sedikit pun. Jadi buat pinjaman ini untuk membantu keluarganya, ini orang yang cerdiklah.

Dia meminjam itu untuk membantu keluarga dia, biar dia seorang sahaja yang jadi bankrap, jadi mufliis biar orang lain jadi kaya. Ini ada juga manusia seperti ini, yang mana saya tidak tahulah dalam akta ini, di manakah letaknya kawalan kepada golongan-golongan yang seperti ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Akhir sekali, saya nak tahu orang yang meminjam daripada perbankan Islam, berapa ramai yang bankrap? Jika dibandingkan perbankan konvensional. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.38 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasaan ke atas Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016, iaitu Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Alor Gajah, Yang Berhormat Setampin, Yang Berhormat Sepang,

Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Kota Raja, dan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal undang-undang saya akan menjawab isu-isu yang berbangkit yang menyentuh Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 khususnya perkara di bawah Jabatan Insolvensi Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Yang Berhormat Kelana Jaya bertanyakan berkenaan dengan berapakah jumlah kes kebangkrutan selepas krisis ekonomi 2008. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Kelana Jaya ada?

Seorang Ahli: Ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Jabatan Insolvensi Malaysia jumlah kes kebangkrutan adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Kes
2008	13,855
2009	16,228
2010	18,119
2011	19,767
2012	19,575
2013	21,987
2014	22,351
2015	18,457
2016	19,588

■1740

Jumlah kelulusan kebangkrutan yang didaftarkan dari tahun 2008 sehingga tahun 2016 ialah sebanyak 169,927 kes. Yang Berhormat juga membangkitkan cadangan untuk mewujudkan undang-undang mengehendaki bank-bank untuk mendedahkan keuntungan mereka dan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan untuk memantau persediaan perkhidmatan kewangan, terutamanya berkenaan dengan pinjaman yang diberikan mereka. Untuk maklumat Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Yang Berhormat juga membawa isu berkenaan dengan adakah Bank Negara Malaysia atau Kementerian Kewangan yang akan memantau keuntungan bank yang semakin bertambah seiring dengan penambahan kes-kes kebangkrutan. Berdasarkan kepada semakan, Bank Negara Malaysia telah menyediakan garis panduan kepada institusi kewangan berhubung pembiayaan pinjaman kepada pelanggannya bagi menggalakkan pemberian pembiayaan secara berhemah.

Kerajaan berpandangan bahawa buat masa ini tiada keperluan untuk mengekang atau memantau keuntungan bank, hanya berdasarkan kepada anggapan bahawa amalan *predatory lending* oleh institusi kewangan menyebabkan pertambahan kes-kes kebangkrutan. Bank Negara Malaysia telah menjalankan tugas dengan bank memastikan kestabilan kewangan

negara. Diharapkan dengan perlindungan yang diberi serta pelepasan kes-kes kebangkrapan dipermudahkan ia akan mengurangkan kes-kes kebangkrapan dan diharapkan institusi kewangan akan mengguna pakai mekanisme penyelamat yang dicadangkan tanpa perlu membuat tindakan kebangkrapan di masa hadapan.

Yang Berhormat Setiu pula telah menimbulkan isu berkenaan dengan sama ada notis maklumat untuk pelepasan automatik oleh Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) yang diberikan adalah mencukupi. Untuk maklumat Yang Berhormat Setiu, ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu ada ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Untuk maklumat Yang Berhormat, tempoh yang diberikan untuk menghantar notis kepada KPI adalah dalam tempoh satu tahun sebelum berakhirnya tiga tahun. Notis tersebut adalah maklumat awal kepada pemiutang sekiranya mereka ingin memfailkan bantahan. Sebelum itu, KPI mempunyai tempoh dua tahun untuk mentadbir kes dan memeriksa kelakuan bankrap terhadap pentadbiran kebangkrapannya, terutamanya berkenaan dengan saraan sumbangan.

Yang Berhormat Setiu juga membangkitkan adakah pendapatan pasangan akan diambil kira dalam menentukan sasaran sumbangan bagi pelepasan automatik? Untuk maklumat Yang Berhormat, pendapatan pasangan merupakan antara faktor yang akan dipertimbangkan dalam menentukan saranan sumbangan seorang bankrap dan bukannya faktor mandatori. Ini kerana faktor kewangan isu rumah juga seharusnya mempengaruhi saranan sumbangan yang akan dibuat oleh bankrap.

Yang Berhormat juga membangkitkan *fee* yang ditetapkan oleh nomini akan membebaskan bankrap. Untuk maklumat Yang Berhormat, subseksyen 2G(2) memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tatacara dan *fee* bagi pendaftaran nomini dan bukannya meletakkan *fee* bagi penetapan bayaran bankrap kepada *nominees*. Sehubungan dengan itu, pihak *nominees* boleh menetapkan apa-apa *fee* yang difikirkan patut bagi perkhidmatan rundingan yang diberikan. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan berlakunya penetapan *fee* yang tidak berpatutan oleh pihak *nominees*, Menteri akan meletakkan skala *fee* bagi rujukan *nominees* melalui kuasa yang diberikan dalam subseksyen 2F(3).

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan. Memandangkan ada cara baru ini, *voluntary arrangement to nominee* untuk bincang *for this voluntary arrangement*. Adakah hak si pemiutang untuk selesaikan dengan si bankrap itu, adakah hak itu masih ada ataupun mesti melalui cara *this we called voluntary arrangement*? Pada masa sekarang ini, memang si pemiutang bank dan si bankrap itu boleh- *we can come to a settlement* untuk melepaskan, mungkin dia bayar 10 persen, 20 *percent*. Adakah hak itu masih kekal?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya akan jawab selepas ini ya, untuk menunggu jawapan daripada pihak Jabatan Insolvensi pada soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Pandan pula telah membangkitkan bahawa kuasa Menteri dan penjawat awam untuk melepaskan bankrap adalah terbuka untuk penyalahgunaan kuasa yang dalam menentukan pelepasan kebangkrutan. Untuk maklumat Yang Berhormat, kuasa pelepasan terletak kepada budi bicara Ketua Pengarah Insolvensi berdasarkan pada syarat-syarat yang ditetapkan. Ia juga tertakluk kepada bantahan pemiutang yang mana akan diputuskan di mahkamah. Oleh yang demikian, kuasa Ketua Pengarah Insolvensi adalah tertakluk kepada kuasa mahkamah dalam menghalang Ketua Pengarah Insolvensi mengeluarkan sijil pelepasan.

Yang Berhormat Stampin bertanyakan mengapa bankrap tidak dibenarkan membuka akaun bank sehingga menyusahkan bankrap. Untuk maklumat Yang Berhormat, bankrap dibenarkan untuk membuka akaun bank dengan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi untuk tujuan pembayaran gaji. Yang Berhormat daripada Alor Gajah membangkitkan berkenaan dengan jumlah penghutang yang menyertai Program AKPK dan statistik kejayaannya. Untuk maklumat Yang Berhormat, AKPK pada November 2016 telah mengumumkan mereka berjaya menyelesaikan 11,935 kes melibatkan pengurusan kewangan dengan jumlah keseluruhan hutang sebanyak RM488 juta. Yang Berhormat Sepang bertanya, apakah pindaan berkenaan perlindungan kepada penjamin yang boleh menjadi retrospektif kepada penjamin sosial yang telah dibankrapkan?

Untuk maklumat Yang Berhormat, walaupun perlindungan mutlak terhadap penjamin sosial itu tidak bersifat retrospektif, namun rang undang-undang ini telah memberikan perlindungan kepada penjamin melalui pindaan kepada seksyen 33B iaitu empat kategori bankrap yang boleh dilepaskan atas budi bicara Ketua Pengarah Insolvensi tanpa bantahan daripada pemiutang. Dalam keadaan seorang penjamin sosial yang masih belum di bankrapkan dengan berkuat kuasanya pindaan ini, penjamin sosial berkenaan tidak boleh dibankrapkan.

Yang Berhormat Sepang juga membangkitkan tentang mengapa nama Akta Kebankrapan (Pindaan) 2016, sedangkan fasal 4 menyatakan ditukarkan kepada nama Insolvensi. Untuk maklumat Yang Berhormat, apa-apa perkataan yang merujuk kepada Akta Kebankrapan 1967 dalam mana-mana undang-undang bertulis dan dokumen akan disebut sebagai Akta Insolvensi 1967 selepas pindaan ini dikuatkuasakan.

Yang Berhormat Sepang juga bertanya, kenapa Audit Negara dilantik sebagai *nominee*? Di bawah peruntukan baru, *nominee* yang dilantik adalah akauntan bertauliah dan berdaftar. Peruntukan baru ini tiada berkaitan dengan Audit Negara. Yang Berhormat Sepang juga bertanyakan berkenaan perintah interim di bawah perkiraan sukarela (*voluntary arrangement*) yang masih tertakluk kepada kebenaran mahkamah (*leave of court*) yang boleh menyebabkan tujuan mekanisme penyelamat ini tidak dicapai. Ini adalah kerana perintah interim hanya untuk menghentikan prosiding kebangkrutan terhadap penghutang. Walau bagaimanapun, ia bukanlah bertindak sebagai satu penggantungan pelaksanaan, dengan izin, *stay of execution* terhadap perintah yang diperolehi oleh terhadap penghutang. Selain daripada itu, sekiranya diperuntukkan di dalam perjanjian pinjaman bahawa pemiutang mempunyai

pelbagai jenis pelaksanaan terhadap penghutang, maka penghutang tidak seharusnya dihalang daripada melaksanakan tindakan pelaksanaan tersebut.

Yang Berhormat Shah Alam bertanya, apakah *access* kepada pembiayaan pinjaman akan berkurangan disebabkan syarat-syarat yang telah diperketat kesan daripada penjamin sosial tidak boleh di bankrapkan. Ini khususnya merujuk kepada kesukaran yang mungkin timbul kepada orang-orang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pinjaman. Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan percaya bahawa pihak bank seharusnya memastikan bahawa ia hanya mereka yang benar-benar layak sahaja yang diberikan pinjaman. Yang Berhormat Bagan Serai...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi Menteri, adakah ini bermaksud selepas undang-undang ini diluluskan, pihak bank untuk *hire purchase* dan untuk semua pinjaman untuk penuntut-penuntut universiti dan kolej-kolej, mereka tidak boleh lagi meminta pinjaman tersebut dijamin oleh pihak ketiga ataupun penjamin-penjamin. Oleh kerana kalau kita tidak boleh mem *back up* kan mereka, adakah ia nya masih dari segi undang-undang, mereka masih boleh menjadi penjamin? Kalau mereka didapati *liable*, penghakiman boleh dijatuhkan dan harta boleh mereka boleh disita. Sungguhpun tidak boleh dibankrapkan.

■1750

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya percaya, itu soalan yang mana semua peguam akan tanya ya. Yang Berhormat, bahawa memang sebenarnya walaupun penjamin sosial tidak boleh dikenakan tindakan kebangkrutan, tetapi tindakan penguatkuasaan yang lain seperti writ sita jualan saman penghutang penghakiman *garnishment*, dengan izin, boleh juga diguna pakai oleh pempetisyen ataupun pemiutang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh minta penjelasan? Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri, saya ada seorang kawan yang baru dia tahu dia bankrap apabila dia pergi ke *airport*. Apabila dia di sana, dia tidak dapat pergi ke luar negara, baru dia sedar kenapa dia bankrap. Apabila dia pergi cari, baru dia tahu dia pernah jadi penjamin. Kerana Yang Berhormat Menteri berkata tadi mengenai penjamin. Dia menjadi penjamin bagi pihak kawan dia dan dia sudah pun membayar apa yang dia sepatutnya bayar sebagai penjamin, tetapi sudah tunggu beberapa bulan, masih belum *discharged* untuk dapat balik statusnya sebagai orang bebas.

Jadi saya rasa, bagi pihak Bahagian Insolvensi, mungkin mereka ataupun pihak peguam mereka yang meminjam wang itu, mereka pernah cuba mencari dia tetapi tidak tahu bagaimana dapat. Mungkin pernah diiklankan di surat khabar tetapi sekarang ini iklan terlalu banyak iklan, kita tidak menarik perhatian. Tetapi, pihak insolvensi mungkin sepatutnya sebelum menjadikan seseorang penjamin bankrap, mereka perlu dapat *trace* dahulu seseorang itu melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga mungkin Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kerana, kawan saya dia masih bekerja, dia masih bayar cukai tetapi saya rasa semua ini tidak

dilakukan oleh pihak Jabatan Insolvensi dan kawan saya itu tiba-tiba dia mendapati dia seorang yang bankrap.

Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menyeru pegawai untuk menjalankan siasatan yang lebih teliti dan juga memberitahu pihak penjamin dia sudah dibankrapkan kerana telah menjadi penjamin dan mengelakkan perkara seperti ini tidak berlaku. Bila sudah pergi *airport* baru tahu sudah jadi bankrap dan tidak boleh keluar daripada Malaysia.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Susulan daripada jawapan Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut. Memandangkan kita ada *automatic discharged* selepas tiga tahun, saya hendak tanya, kalau penjamin— kerana di bawah seksyen 35, Akta Kebankrapan, si bankrap ataupun yang berhutang itu *discharged from all his debt payable in the bankruptcy*. Maksudnya selepas tiga tahun, dia dilepaskan daripada perlu membayar hutang dia. Memandangkan Menteri kata kalau ada penghakiman, harta penjamin boleh disita, jadi selepas tiga tahun, *the principal debtor* sudah dilepaskan daripada perlunya membayar hutang dia, adakah penjamin-penjamin yang juga ada penghakiman terhadap mereka pun terlepas daripada keperluan membayar hutang si bankrap itu yang sudah dilepaskan ataupun ia berasingan?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita lihat aspek hutang, kadang-kadang individu yang berhutang itu, Tuan Yang di-Pertua, dia bukan berhutang dengan seorang sahaja, dia berhutang dengan ramai orang. Ada orang, mungkin bank dia guna proses kebangkrutan. Ada juga kadang-kadang individu, dia buat dia punya *execution of judgement* itu dengan cara yang lain. Jadi dia banyak prosesan.

Akan tetapi dalam aspek penjamin sosial ini, apa yang kita hendak wujudkan situasi ialah supaya sistem pergi ke bank untuk mendapat balik tindakan penguatkuasaan itu masih ada tetapi kalau kita lihat dari segi proses sistem kehakiman dalam negara kita, dengan izin, *based* kepada kes-kes yang ada dan juga individu itu yang banyak berhutang dalam semua aspek dan satu aspek itu mungkin orang yang mempunyai penjamin sosial yang lain digunakan tetapi penjamin sosial itu, apa yang kita hendak tengok dalam keadaan kebangkrutan ini, kita tidak mahu sewenang-wenangnya dia dijadikan bankrap oleh sebab dia menjadi penjamin sosial. *That is*, dengan izin, antara perubahan yang kita hendak wujudkan.

Jadi seperti mana Yang Berhormat bercakap daripada tadi, banyak saya mendengar, banyak mengatakan ini satu proses yang boleh dianggap sebagai satu pembaharuan dan memberikan satu sistem yang lebih adil kepada mereka. Ini kerana penjamin sosial itu kalau kita lihat definisinya dalam seksyen 2 itu, dia bukannya pinjaman yang berasaskan keuntungan. Jadi dia bukan menjamin sebab dia mendapat keuntungan tetapi dia menjamin kerana pinjaman biasiswa, penyelidikan. Itu yang sebenarnya kita lihat dalam definisi. Akan tetapi proses penguatkuasaan *judgement*, dengan izin, itu memang sentiasa berterusan tetapi mungkin dia tidak dibankrapkan tetapi yang lain masih berjalan. Itu yang kita hendak kata.

Akan tetapi akta ini tidak berkata bahawa oleh sebab dia penjamin sosial, semua tindakan tidak boleh diambil dan kalau dia dibankrapkan, tidak— apa yang kita berkata bahawa semua tindakan itu boleh diambil seperti biasa tetapi kebangkrutan itu, itu yang sebenarnya

yang kita bawa kepada Parlimen, Dewan Rakyat pada hari ini, pindaan kepada seksyen tersebut supaya dia dalam kategori penjamin sosial.

Tadi soalan Yang Berhormat itu, saya ada jawapan dia. Yang Berhormat membangkitkan sama ada dengan pengenalan *voluntary arrangement*, penghutang tidak boleh berurusan secara terus dengan pemiutang. Jawapannya masih boleh sebab seksyen 2C(1) hanya memperuntukkan perkataan "*may*". Ia sebagai alternatif tambahan kepada kaedah penyelesaian yang sedia ada.

Yang Berhormat Bagan Serai menimbulkan soalan tentang siapakah yang dimaksudkan dengan penjamin sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut tafsiran di bawah seksyen 2 yang saya sebut tadi, penjamin sosial adalah seorang yang tidak mendapat apa-apa faedah untuk menjadi penjamin bagi pinjaman pendidikan, sewa beli kenderaan bagi tujuan peribadi dan bukan perniagaan dan pinjaman perumahan.

Yang Berhormat Bagan Serai juga ada bertanya soalan tentang mengapa tempoh tiga tahun diambil untuk pelepasan automatik. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh tiga tahun dilihat sebagai munasabah kerana mengambil kira tempoh penghasilan harta yang paling singkat adalah 12 bulan. Ia juga dapat memberi masa kepada bankrap untuk mencari sasaran sumbangan yang perlu dibayar.

Yang Berhormat...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya mohon kepada Menteri, apakah tindakan yang kerajaan hendak laksanakan untuk memastikan kalau si bankrap itu dilepaskan daripada semua hutang dan tanggungan beliau selepas tiga tahun, tetapi penjamin sosial berkenaan masih ada satu penghakiman terhadap mereka dan pada bila-bila masa harta mereka boleh disita? Ini satu keadaan yang memang tidak adil di mana kita lepaskan si bankrap dan tidak perlu lagi membayar hutang tetapi ada penghakiman terhadap penjamin sosial, yang tadi Menteri kata tindakan penyitaan boleh dilakukan terhadap mereka yang menjadi penjamin sosial. Jadi, keadaan ini tidaklah adil dan berharap Menteri boleh mencadangkan satu keadaan di mana kalau kita lepaskan *principal debtor*, takkan penjamin sosial masih terikat dengan penghakiman yang telah si pemiutang dapat daripada mahkamah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Beruas, sebenarnya saya hendak betulkan satu perkara. Yang membankrapkan individu itu bukan kerajaan, yang membankrapkan individu ialah siapa yang individu itu berhutang. Selalunya dalam kes kita, kadang-kadang dilihat daripada sistem perbankan, di mana Yang Berhormat banyak memberi perbincangan.

Sebenarnya dalam sistem ini, antara keberhutangan yang dibuat dalam proses dia mendapat penjamin ataupun tidak, saya sebut daripada awal tadi bahawa satu tugas dan tanggungjawab yang besar diletakkan kepada mereka yang memberi pinjaman seperti bank. Bank kenalah buat sistem, dengan izin, *credit rating* dia sendiri. Siapa yang dia hendak bagi dan kalau tidak mencukupi, dia hendak buat sistem adanya jaminan.

Daripada mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas tadi itu, banyak orang memang melihat keadaan yang macam dahululah. Kalau kita dengan cerita dahulu, kadang-

kadang kredit kad yang RM10,000, pelajar-pelajar keluar daripada universiti bekerja, semua syarikat *finance* hendak bagi *credit card* RM10,000.

■1800

Itu yg menyebabkan daripada jumlah yang mana Yang Berhormat mula perbahaskan tadi yang mana saya sebut juga jumlah kebangkrapan itu yang tinggi dan jenis kemudahan yang mana dia selalu di bankrapkan itu ialah kemudahan yang berlaku selalunya kepada generasi-generasi yang muda, sebab dia tidak ada *adjustment* pada sistem *finance*. Akan tetapi ini soalan kepada sistem bank yang dia hendak memberi hutang, tapi dari segi undang-undang proses undang-undang itu, kita tidak datang ke Parlimen pada hari ini mengatakan, pertama kita mesti selesaikan semua kes dengan penghutang, sudah selesai *principal debtor* baru pergi kepada *guarantor*. Saya rasa itu yang mana Yang Berhormat tengah tekankan?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, saya hendak dapatkan penjelasan. Kita tahu bahawa dalam banyak kes, pihak bank mengambil tindakan kebangkrapan kerana mereka tidak tahu mana harta benda penjamin ataupun yang si berhutang. Sebenarnya mereka mengambil tindakan membankrapkan seseorang kerana itu keperluan undang-undang sebelum pihak bank boleh membatalkan hutang itu *as a backdate*. Kalau tidak silap saya itulah peruntukan yang ditetapkan untuk bank to *right of as a backdate*. So kalau asal, selagi penjamin sosial itu ada satu kita kata *judgement against the social-* penjamin sosial, pihak bank tidak boleh membatalkan hutang itu *as a back date*. Jadi itu akan menjadi satu masalah kepada pihak bank sungguh pun *principal debtor has been declared a bankrupt but you have to see the outstanding some of the bank have recovered from the guarantor*. So, itu mungkin satu masalah. Mungkin pihak undang-undang boleh digubal untuk menyelesaikan masalah bank akan hadapi.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Beruas, tapi dalam perkara ini saya rasa mungkin Bank Negara boleh membagikan kenyataan yang lebih terperinci. Akan tetapi bagi saya pada hari ini kita lebih tengok kepada Akta Kebankrapan 1967 yang mana kita hendak melihat kepada satu sistem yang memberikan pelepasan automatik satu sistem yang tidak memberikan penalti terus menerus kepada penjamin sosial perlu diberikan peluang. Sebab isu sekarang ini ialah ini Akta Kebankrapan bukan Akta Kehakiman bukan Akta *Judgement Debtor* ini adalah kebangkrapan di mana *reversenya*, Tuan Yang di-Pertua ialah *reversenya* ialah selalu bank dia memang betul, mudah hendak bankrapkan sebab apa pun bank kita semua tahu dia tidak rugi, faedah dia dapat, insurans dia dapat semua dia dapat.

Akan tetapi yang menjadi mangsa ialah daripada jumlah yang kita sebut macam mana Yang Berhormat banyak sebut tadi, daripada Sabah ke Sarawak hendak pergi luar negara pun hendak minta kebenaran, ini semua yang memberikan satu masalah sebab mereka tidak boleh keluar dan umur yang saya sebut tadi dalam semua isu perbahasan saya daripada sesi lepas sehingga pada hari ini, umur-umur yang muda masih boleh bekerja, yang masih boleh berkhidmat bukan sahaja kepada memacu ekonomi negara tetapi kepada ekonomi mereka. Disebabkan undang-undang yang ada pada hari ini bukannya tidak adil tetapi memakan masa.

Jadi, apa yang kita buat dalam sistem yang kita hendak wujudkan sekarang ini dalam pindaan ialah kita mewujudkan sistem yang lebih mudah supaya walaupun kehakiman itu telah dijatuhkan dan kita minta mereka yang dijadikan bankrap dalam proses hendak dijadikan bankrap boleh pergi kepada *voluntary arrangement*. Sebab kalau kita tengok di negara luar, kita hendak membankrapkan keuntungan langsung tiada ada negara yang ada keuntungan adalah kepada mereka yang hendak tuntutan balik hutang tapi tuntutan balik hutang pun macam mana semua, Yang Berhormat cakap banyak orang itu tidak tahu apa yang dia boleh bagi.

Itu sebabnya kalau kita tengok sejarah kebangkrapan, perkataan kebangkrapan kalau kita tengok zaman *Greece* bagi sikit sejarah. Dulu Tuan Yang di-Pertua, dia tidak dapat bagi duit dia bagi isteri dan anak dia, dia gadaikan isteri dan anak dia tapi lima tahun pakai sahaja lah, jadi lepas pakai dia pulangkan balik sebab hutang sudah banyak sangat hendak bayar macam mana, takkan hendak potong kaki potong tangan hendak pergi bunuh. Jadi dia bagi isteri dia bagi anak dia, lima tahun dulu *Ancient Greece* kalau kita baca dalam sejarah. Pada tahun 1542 Undang-undang *English Law* mengujudkan *Statute of Bankruptcy*. Pada hari ini semua negara memang mewujudkan sistem *automatic discharge* sebab mereka melihat kalau kita hendak tarik panjang dia tidak akan memberikan keuntungan kepada mana-mana pihak. Akan tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat semua cakap itu betul, kita tidak hendak situasi di mana mereka mengambil kesempatan pergi ke bank ambil hutang pakai *guarantor*, lari *guarantor* jadikan bankrap.

Itu sebabnya kalau kita tengok bawah undang-undang yang sedia ada, bukan kita sentuh pindaan, bawah seksyen 109 jika saya tidak silap, kita panggil *fraudulent bankrupt* jadi dia pergi, dia tipu mahkamah, dia tipu bank, dia tipu semua pihak boleh dikenakan tindakan, denda dan juga penjara. Perkara ini memang ada dalam undang-undang sedia ada. Jadi sekarang ini undang-undang yang kita hendak wujudkan ini, kita hendak supaya kita bagi dia peluang kedua tetapi bukannya kita beri galakkan sewenang-wenangnya, dia pergi hutang suka dia sahaja.

Selepas itu lari tidak hendak bayar, tidak kisahlah dia bankrap, dia tidak ada rasa malu, dia tidak rasa bertanggungjawab jadi itu sebenarnya niat. Akan tetapi kalau setakat kita hendak potong, hendak pergi denda, hendak kata *principal debtor settle* dulu, itu antara bank dan juga Bank Negara dari segi panduan *regulation* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tetapi hari ini kita tengok kepada Akta Kebankrapan yang ada, kita hendak ubah bukan sahaja kebangkrapan ayat dia tetapi insolvensi sebelum dan selepas. Dengan izin saya sambung ya berkenaan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak dapat penjelasan yang isu ini sangat penting kerana tadi Menteri katakan kita hendak bagi peluang kepada anak muda untuk bekerja semula. Akan tetapi saya tidak nampak undang-undang yang hendak dipinda itu tidak mengikut kita kata *the spirit* yang Menteri katakan tadi. Ini kerana *discharge from the that debt provable in the bankruptcy* di bawah seksyen 35(1) ini tidak terpakai kepada hutang kepada pihak Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri. Kadang-kadang PTPTN memang tidak dibatalkan kerana di bawah seksyen 35(2) "*Any debt due to the Government Malaysia and the state will not be discharged...*" kalau itu orang itu *automatically discharge*.

Memang saya tidak sokong. Tadi saya sudah kata tidak bolehlah kita kalau dalam semangat tadi yang dikatakan kalau *automatic discharge*, semua duit hutang itu dibatalkan, kalau itulah pandangan tadi setahu saya 1.3 juta orang muda yang mendapat PTPTN sudah *diblacklisted*. Maksudnya kerajaan minta pihak swasta bagi peluang kepada orang muda dibebaskan secara automatik tetapi pihak kerajaan sendiri tidak membebaskan 1.3 juta mereka yang berhutang PTPTN ini. Ini kerana hutang ini sungguhpun kalau mereka jadi bankrap kemudian di *automatically discharge, that is not-* tidak dibereskan atau dibatalkan kerana seksyen 35(2) yang mengatakan hutang mereka masih berterusan. So, kalau pihak kerajaan bolehlah bagi satu kita kata prinsip yang pakai untuk semua kerana kata pihak swasta mesti bagi *they call opportunity*, sementara pihak kerajaan tidak melepaskan mereka di bawah seksyen 35(2).

Tetapi pandangan saya ialah tadi saya sudah katakan janganlah kita bagi *automatic release* selepas tiga tahun kerana bagi saya ini akan memudaratkan generasi akan datang yang memerlukan wang PTPTN bagi institusi, NGO-NGO yang beri wang kepada peminjam-peminjam penuntut universiti. Kalau mereka tidak dapat balik, orang baru yang hendak pergi universiti akan kekurangan wang yang boleh dikutip balik.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya rasa saya jawab Yang Berhormat Beruas ini, saya jawab akhir selepas itu saya sambung dan kemudian pada Jawatankuasa. Sebenarnya Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat mungkin— saya tahu mungkin niat Yang Berhormat ini baik, Yang Berhormat cuba hendak mewujudkan situasi yang dilihat sekali imbas sebagai situasi yang boleh dilihat sebagai situasi yang adil. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat, saya sentiasa berpegang sama ada PTPTN kah ataupun apa-apa hutang, mereka muda ataupun tua kena bertanggungjawab selesaikan hutang, itu semua kita terima sebagai Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab membuat undang-undang.

Kalau macam itu susahlah generasi muda ini hendak dididik tentang tanggungjawab ya, kalau hutang pun tidak hendak bayar, benda lain pun tidak hendak bayar. Kalau kes wanita semua, kes-kes cerai, hadanah tidak hendak bayar, nafkah tidak hendak bayar, lari segala-galanya tidak hendak bertanggungjawab, ini tidak boleh. Jadi sifat ini dia kena bayar. Seperti mana Yang Berhormat sebut dalam sebagai agama Islam sebagai contoh, kalau kita hutang kena bayar, tidak boleh lari.

■1810

Akan tetapi isu sekarang ini, apa yang berlaku ialah penjamin sosial yang selalu dilihat sebagai mangsa. Oleh sebab apa pun keadaan sekalipun, akta ini melihat supaya mereka tidak boleh hanya sewenang-wenangnya dijadikan mangsa. Itu sebab dalam aspek dasar, kerajaan mengatakan penjamin sosial tidak boleh dibankrapkan. Akan tetapi kalau hendak jawab soalan-soalan Yang Berhormat Beruas, di mana Yang Berhormat Beruas membangkitkan keadaan dalam mana peminjam prinsipal dapat dilepaskan di bawah *automatic discharge* tetapi penjamin masih kekal bankrap. Jawapannya, pindaan seksyen 5 akan memperuntukkan bahawa penjamin bukan sosial tidak boleh dibankrapkan selagi pemiutang tidak dapat

membuktikan kepada mahkamah bahawa mereka telah melaksanakan segala mod pelaksanaan terhadap pinjaman prinsipal.

Maknanya, adalah tanggungjawab. Apa yang kita hendak tengok di sini ialah sistem yang mana kalau kita tengok proses kebangkrutan ini diwujudkan di mana mereka pergi ke mahkamah menunjukkan proses. Akan tetapi berkenaan dengan isu tentang pelepasan automatik yang mana juga ditimbulkan, peruntukan baru ini melayakkan bankrap dilepaskan selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pemfailan penyata hal ehwal, memenuhi *target contribution* yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, pemfailan penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap 6 bulan dan tertakluk kepada bantahan pemiutang.

Maknanya, walaupun adanya pelepasan automatik tetapi dia masih mesti melalui proses-proses yang ditentukan ya. Yang Berhormat Selayang menimbulkan isu berkenaan dengan pelepasan automatik yang tidak memberi manfaat kepada yang bankrap yang mempunyai hutang yang besar yang berjumlah berjuta-juta tetapi tidak berkemampuan untuk membayarnya semula disebabkan oleh *target contribution* yang berdasarkan *approval debt* adalah tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, penempatan *target contribution* tidak semata-matanya bergantung kepada jumlah hutang sahaja. Ketua Pengarah Insolvensi dalam menjalankan budi bicaranya akan melibatkan faktor-faktor lain seperti pendapatan dan perbelanjaan oleh seorang bankrap kepada ahli keluarganya.

Yang Berhormat Gerik pula membangkitkan isu bahawa Jabatan Insolvensi Malaysia yang mengisytiharkan seseorang itu bankrap. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Insolvensi Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan seorang itu bankrap, hanya pihak pemiutang dan penghutang boleh mengisytiharkan diri mereka ataupun status bankrap melalui permohonan di mahkamah. Yang Berhormat Limbang pula membangkitkan berkenaan dengan passport terhad, di mana bankrap yang memilih passport ini juga dihalang ke luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan dipertimbangkan dan akan dibincangkan dengan Jabatan Imigresen Malaysia.

Yang Berhormat Selayang juga membangkitkan sama ada perlindungan diberikan kepada penjamin sosial dalam rang undang-undang ini akan mengatasi perjanjian jaminan yang dimasuki antara penjamin sosial dan bank yang membenarkan bank membankrapkan penjamin sosial. Untuk maklumat Yang Berhormat, perlindungan kepada penjamin sosial akan mengatasi apa-apa terma dalam perjanjian jaminan hal ini kerana sebarang terma kontrak yang bertentangan dengan undang-undang yang berkuat kuasa adalah terbatas seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, Akta Kontrak 1950.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Kami di pihak-pihak kerajaan akan mengambil maklum di atas segala cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebarang isu yang tidak sempat saya bentangkan dalam ucapan penggulungan ini akan saya jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal 1 hingga 60 -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Fasal-fasal 1. Ya, Yang Berhormat Beruas.

6.15 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak dapat penjelasan tentang fasal 2P yang dikatakan '*A voluntary arrangement under this act shall ceased upon death of the debtor.*' Masalahnya ialah seseorang itu meninggal dunia, biasanya kalau ada harta yang ditinggalkan oleh beliau selepas *this voluntary arrangement has been made*, adakah semua tanggungjawab di bawah *voluntary arrangement* itu terbatal. Maksudnya, kalau sebelum dia meninggal dia dapat loteri RM2 juta ataupun ada ibu bapanya yang meninggal, dia boleh mendapat harta daripada ibu bapa mereka. Adakah harta itu boleh terus diberikan kepada anak-anak mereka tanpa menjelaskan hutang kepada pemiutang di bawah *voluntary arrangement* ini, itu nombor satu.

Seperti yang saya katakan tadi, berkenaan dengan *automatic discharge* tadi. Saya cadangkan kalau kerajaan hendak bagi *a voluntary automatic discharge* di bawah akta ini yang saya bantah, saya kata saya tak setuju kerana tanggungjawab untuk membayar ini mesti berterusan sekurang-kurangnya 5 tahun di bawah undang-undang yang sedia ada. Walaupun kerajaan hendak melepaskan secara automatik dan di bawah seksyen 35(1), semua hutang di bawah kebangkrapan itu tidak perlu lagi dibayar selepas 3 tahun. Kerajaan juga patutlah meminda, menambah satu lagi seksyen di mana penjamin sosial juga dilepaskan daripada tanggungjawab untuk membayar. Ini kerana ianya nampak pelik kalau prinsipal *debtor* bankrap itu dibebaskan daripada membayar. Penjamin kepada beliau mesti bertanggungjawab, harta boleh disita lagi sungguhpun tak boleh jadi bankrap. Ini kerana *the anomaly* itu tak masuk-nampak tak ada *logical*.

Dia yang hutang, dia bebas tak payah bayar, tak ada tanggungjawab lagi selepas dilepaskan, selepas 3 tahun. Akan tetapi penjamin sosial berkenaan masih perlu mem— jadi lebih baik jadi bankrap daripada tidak jadi bankrap. Harap dapat penjelasan daripada pihak kerajaan supaya keadaan yang lebih adil dapat diwujudkan kepada penjamin sosial.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tiada lagi bangun. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya hendak tunggu jawapan. [Ketawa] Berkenaan dengan isu yang tentang meninggal dunia itu, tidak timbul isu *voluntary arrangement* kerana individu yang telah meninggal dunia tidak boleh memberikan cadangan penyelesaian.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksud saya, tanggungjawab di bawah *voluntary arrangement* yang dia buat semasa dia masih hidup, adakah mengikat *estate* ataupun harta pusaka si mati itu? Oleh kerana kalau ia- sebenarnya ia mestilah mengikat untuk berlaku adil kepada si pemiutang yang bersetuju dengan ansuran yang mungkin dia setuju bayar. Mungkin ada *arrangement* untuk bayar dalam 5 tahun. Dalam 5 tahun itu beliau menjadi kaya kerana mungkin ada ibu bapa yang meninggal, dia mendapat hartanah yang lumayan, mestilah membayar kepada si pemiutang sebelum kita memindah milik hartanah tersebut kepada anak dan isteri beliau.

■1820

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Mengenai seksyen 2P ya, "*A voluntary arrangement under this act shall cease upon the death of the debtor*". Harta si mati tidak tertakluk kepada Ketua Pengarah Insolvensi kerana ia masih bertaraf pada penghutang dan bukannya kepada bankrap. Saya dimaklumkan jawapan ini Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau boleh *repeat again? Sorry I didn't get the last sentence*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Harta si mati tidak tertakluk kepada Ketua Pengarah Insolvensi kerana ia masih berstatus penghutang dan bukannya bankrap. Itu jawapan yang diberikan kepada saya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksudnya...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Masih berstatus penghutang dan bukan bankrap.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Kalau orang yang bankrap itu mendapat harta pada masa sekarang kalau setahu saya, sementara waktu, maksudnya seorang bankrap itu dia mendapat gaji bulanan dia perlu membayar secara bulanan kepada Pengarah Insolvensi untuk bayar kepada pemiutang. Mungkin kalau *voluntary arrangement* ini ada satu skim untuk bayar si pemiutang. Jadi kalau tiba-tiba dia dapat hartanah daripada ibu bapa yang meninggal dunia, ikut undang-undang yang sekarang ini kita mesti gunakan wang yang dia dapat ini untuk membayar si pemiutang kerana ia masih hutang kepada si pemiutang.

Akan tetapi dengan pindaan ini, "*A voluntary arrangement under this act shall cease upon the death of the debtor*." Adakah tanggungjawab kepada pemiutang itu pun hangus? Ada perbezaannya? Jadi kalau dia hangus maksudnya tak payah bayar lagi. Kalau undang-undang yang sedia ada ini, kalau dia dapat hartanah dia mesti terus bayar. Jadi sebab itu saya rasa adakah ini perlu atau apakah keadaan dari segi undang-undang supaya kita memperjelaskan di sini supaya peguam-peguam tak payah kerana ada perbezaan pendapat, *needing a lot of appeal*, memakan wang dan masa yang banyak untuk *appeal to High Court, court of appeal*

and Supreme Court, Federal Court memakan masa. Kita jelaskan di sini pinda yang perlu supaya tak ada keraguan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Harta yang hanya terletak kepada Ketua Pengarah Insolvensi apabila adanya perintah kebangkrapan ya. Sekiranya sudah mati, tindakan penguasaan lain kepada harta maknanya sebenarnya prosesnya macam kita tahu lah tentang proses mahkamah di mana bila seseorang itu diperintahkan menjadi bankrap semua hartanya pergi kepada Ketua Pengarah Insolvensi. Sekiranya seorang itu sudah mati tindakan penguatkuasaan lain pada harta tersebut akan dibuat.

Saya dimaklumkan di sini bahawa 2P tidak terpakai kepada individu yang bankrap kerana 2P terpakai kepada penghutang yang belum dibankrapkan. Segala harta tertakluk di bawah Insolvensi apabila seseorang penghutang itu diisytiharkan bankrap. Itu jawapan yang diberi kepada saya. Ya Tuan Yang di-Pertua.

[Fasal-fasal 1 hingga 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 30 Mac 2017.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.25 petang]